Selepas nilai pemberat dimasukkan dan proses normalization dijalankan, lapisan data GIS bagi setiap kriteria akan dibangunkan dan ditukar format kepada raster grid dengan cell size 10meter. Semua nilai pemberat di dalam lapisan-lapisan raster grid tersebut akan dicampurkan menggunakan Grid Calculator untuk mendapatkan hasil skor setiap grid. Jumlah skor akan diklasifikasikan mengikut julat skor bagi mengenalpasti 3 kategori yang ditetapkan tadi. Grid yang mendapat julat skor yang tinggi adalah kawasan yang sangat sesuai untuk pembangunan dan julat skor seterusnya adalah sesuai dan kurang sesuai untuk pembangunan. Rajah C2.9 di bawah menunjukkan model analisis MCDM kawasan kesesuaian pembangunan yang akan dijalankan di dalam kajian ini.

Rajah C2.9: Model Analisis MCDM Kawasan Kesesuaian Pembangunan



Sumber: PPP Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, 2020

i. Kriteria Pemilihan Kawasan Kesesuaian Pembangunan

Kriteria pemilihan kawasan kesesuaian pembangunan ditentukan oleh input perunding sektoral. Jadual C2.6 menunjukkan kriteria-kriteria yang ditetapkan untuk pemilihan kawasan kesesuaian pembangunan. Terdapat 9 kriteria utama dan 38 sub kriteria yang akan digunakan di dalam analisls MCDM.

Jadual C2.6: Cadangan Kriteria dan Indikator dalam Analisis MCDM

KRITERIA
01 KAWASAN YANG MUDAH DIBANGUNKAN MENGIKUT GUNATANAH SEMASA
11 Kawasan bukan tepubina (hutan, badan air, pantai)
12 Kawasan tanah kosong
13 Kawasan pertanian
14 Diluar kawasan laluan paip air dasar laut
15 Diluar kawasan laluan kabel dasar laut.
16 Kawasan tepubina • Perumahan • Perniagaan • Industri • Pembangunan bercampur • Institusi dan kemudahan masyarakat • Pengangkutan • Infrastruktur dan utiliti • Tanah lapang dan rekreasi
02 KAWASAN YANG DIRANCANG UNTUK PEMBANGUNAN MENGIKUT ZONING
21 Zoning pembangunan • Perumahan • Perniagaan • Industri
22 Zoning kemudahan • Institusi dan kemudahan masyarakat • Pengangkutan • Infrastruktur dan utiliti • Tanah lapang dan rekreasi
23 Di luar Zoning pertanian
24 Di luar Zoning semulajadi (badan air, pantai, hutan)

Sambungan...

KRITERIA
03 KAWASAN BERDEKATAN DENGAN AKSES
31 Berdekatan dengan jalan raya
311 Buffer jalan 250 meter
312 Buffer jalan 250 – 500 meter
313 Buffer jalan 500 – 750 meter
314 Diluar buffer jalan
32 Berdekatan dengan perlabuhan / jeti 1KM
33 Kawasan di luar kemudahan pengangkutan laut
331 Di luar kawasan laluan feri dan kapal
332 Di luar Zon Tambatan Kapal • Zone Small Craft • Zone General Purpose • Zone Dangerous Goods • Zone Quarantine
333 Diluar zon acara sukan air. • perahu layar • regatta • iron man
34 Diluar Zon Penerbangan
04 KAWASAN DI LUAR ZON PENAMPAN
41 Di luar zon penampan KSAS persisir pantai
42 KSAS Kawasan Tadahan Air
43 KSAS HSK Paya Laut
44 KSAS Sungai
45 KSAS Simpanan Mineral / Kuari
46 KSAS Pantai Berpasir
47 KSAS Geopark


Sambungan...

KRITERIA	
05	**KAWASAN YANG KURANG HALANGAN FIZIKAL**
51	Kecerunan tanah yang sesuai untuk pembangunan
511	0 – 15 darjah
512	15 – 25 darjah
513	25 – 35 darjah
514	35 darjah ke atas
52	Ketinggian tanah yang sesuai untuk pembangunan
521	Tanah rendah (kurang 150m)
522	Tanah bukit (150m – 300m)
523	Tanah Tinggi (300-1000m)
53	Jenis tanah tanih yang sesuai untuk pembangunan
531	Formasi Alluvium
532	Formasi Chuping
533	Formasi Granit
534	Formasi Machinchang
535	Formasi Setul
536	Formasi Singa
54	Kedalaman laut
541	0 – 5 meter
542	5 – 10 meter
543	10 – 120 meter
544	20 meter ke atas
06	**KAWASAN YANG KURANG RISIKO BENCANA**
61	Di luar kawasan risiko banjir / kenaikan paras laut
62	Di luar kawasan risiko tsunami
63	Di luar kawasan risiko taufan
64	Di luar kawasan perlombongan / kuari
65	Diluar kawasan hakisan pantai

Sambungan...

KRITERIA	
07	**MENGURANGKAN GANGGUAN KE ATAS EKOSISTEM MARIN**
71	Kawasan di luar kawasan mamalia laut
72	Kawasan di luar terumbu karang
73	Kawasan di luar zon konservasi perikanan
08	**MENGURANGKAN GANGGUAN PUNCA EKONOMI NELAYAN**
81	Di luar muara sungai
82	Di luar kawasan ternakan ikan sangkar
09	**MENGGABUNGKAN HASIL ANALISIS CVI**
91	Analisis CVI Fizikal
911	Tahap 1 – Sangat Rendah
912	Tahap 2 – Rendah
913	Tahap 3 – Sederhana
914	Tahap 4 – Tinggi
915	Tahap 5 – Sangat Tinggi
92	Analisis CVI Biodiversiti
921	Tahap 1 – Sangat Rendah
922	Tahap 2 – Rendah
923	Tahap 3 – Sederhana
924	Tahap 4 – Tinggi
925	Tahap 5 – Sangat Tinggi
93	Analisis CVI Sosio Ekonomi
931	Tahap 1 – Sangat Rendah
932	Tahap 2 – Rendah
933	Tahap 3 – Sederhana
934	Tahap 4 – Tinggi
935	Tahap 5 – Sangat Tinggi

Sumber: PPP Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, 2020



Rajah C2.10 : Kriteria Gunatanah Semasa


Petunjuk

- Bukan Tepubina
- Tanah Kosong
- Tepubina
- Pertanian

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi
- Submarine Pipeline
- Submarine Cable

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030



Rajah C2.11 : Kriteria Zoning RTD Langkawi


Petunjuk

- Zoning Pertanian
- Zoning Kemudahan Masyarakat
- Zoning Pembangunan
- Zoning Semulajadi

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030



Rajah C2.12 : Kriteria Kawasan Berdekatan Dengan Akses


Petunjuk

- Perlabuhan / Jeti
- Zon Penerbangan LTA Langkawi
- Laluan Laut
- Buffer Jalanraya

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030
CAAM, 2020



Rajah C2.13 : Kriteria Zon Penampan


Petunjuk

- Kawasan Pantai Berpasir
- Kawasan Simpanan Mineral
- Kawasan Geopark
- Kawasan Tadahan Air
- Hutan Simpan Paya Laut
- Sungai
- Persisir Pantai

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030



Rajah C2.14 : Kriteria Kecerunan Tanah


Petunjuk

- Kurang 15 Darjah
- 15 Darjah ke 25 Darjah
- 25 Darjah ke 35 Darjah
- 35 Darjah ke atas

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030



Rajah C2.15 : Kriteria Ketinggian Tanah


Petunjuk

- Tanah Rendah
- Tanah Bukit
- Tanah Tinggi

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030



Rajah C2.16 : Kriteria Tanah Tanih dan Kedalaman Laut


Petunjuk

- Kedalaman 0 – 5 meter
- Kedalaman 5 – 10 meter
- Kedalaman 10 – 20 meter
- Kedalaman 20 – 30 meter
- Formasi Alluvium
- Formasi Chupping
- Formasi Granite
- Formasi Machinchang
- Fomasi Setul
- Formasi Singa

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030



Rajah C2.17 : Kriteria Kawasan Risiko Bencana


Petunjuk

- Risiko Banjir
- Risiko Tsunami
- Risiko Taufan
- Risiko Hakisan Pantai
- Perlombongan / Kuari

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030



Rajah C2.18 : Kriteria Kawasan Ekosistem Marin


Petunjuk

- Kawasan Terumbu Karang
- Kawasan Mamalia Laut
- Zon Konservasi Perikanan

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030



Rajah C2.19 : Kriteria Kawasan Punca Ekonomi Nelayan


Petunjuk

- Sangkar Ikan
- Muara Sungai

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030



Rajah C2.20 : Kriteria Analisis CVI Fizikal


Petunjuk

- CVI Tahap 2
- CVI Tahap 5

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030



Rajah C2.21 : Kriteria Analisis CVI Biodiversiti


Petunjuk

- CVI Tahap 1
- CVI Tahap 2
- CVI Tahap 4
- CVI Tahap 5

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030



Rajah C2.22 : Kriteria Analisis CVI Sosio Ekonomi

Petunjuk

- CVI Tahap 3
- CVI Tahap 4
- CVI Tahap 5

Lain-lain

- Sempadan Zon Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030

ii. Normalization Pemberat Setiap Kriteria

Pemberat setiap kriteria akan dimasukkan menggunakan kaedah Direct Assesment dengan julat pemberat seperti di dalam Jadual C2.7. Selepas itu, proses normalization dijalankan untuk mendapatkan nilai pemberat akhir yang akan dimasukkan di dalam cell grid setiap lapisan data. Jadual C2.8 menunjukkan nilai pemberat selepas proses normalization dibuat.

Jadual C2.7: Julat Pemberat

PEMBERAT	TAHAP KESESUAIAN KRITERIA
1	Kesesuaian Sangat Rendah
2	Kesesuaian Rendah
3	Kesesuaian Sederhana Rendah
4	Kesesuaian Sederhana
5	Kesesuaian Sederhana Tinggi
6	Kesesuaian Tinggi
7	Kesesuaian Sangat Tinggi

Sumber: *Ubahsuai Thomas L. Saaty, 2008, Decision making with the analytic hierarcy process, University of Pittsburgh, USA*

Jadual C2.8: Nilai Pemberat Selepas Proses Normalization

	KRITERIA		W1	W2	W3	WEIGHT
01	**KAWASAN YANG MUDAH DIBANGUNKAN MENGIKUT GUNATANAH SEMASA**		**0.159**			
	11	Kawasan bukan tepubina (hutan, badan air, pantai)		0.226		0.036
	12	Kawasan tanah kosong		0.226		0.036
	13	Kawasan pertanian		0.226		0.036
	14	Diluar kawasan laluan paip air dasar laut		0.129		0.021
	15	Diluar kawasan laluan kabel dasar laut.		0.129		0.021
	16	Kawasan tepubina • Perumahan • Perniagaan • Industri • Pembangunan bercampur • Institusi dan kemudahan masyarakat • Pengangkutan • Infrastruktur dan utiliti • Tanah lapang dan rekreasi		0.065		0.010
02	**KAWASAN YANG DIRANCANG UNTUK PEMBANGUNAN MENGIKUT ZONING**		**0.159**			
	21	Zoning pembangunan • Perumahan • Perniagaan • Industri		0.412		0.066
	22	Zoning kemudahan • Institusi dan kemudahan masyarakat • Pengangkutan • Infrastruktur dan utiliti • Tanah lapang dan rekreasi		0.235		0.037
	23	Di luar Zoning pertanian		0.235		0.037
	24	Di luar Zoning semulajadi (badan air, pantai, hutan)		0.118		0.019

Sambungan...

KRITERIA				W1	W2	W3	WEIGHT
03	**KAWASAN BERDEKATAN DENGAN AKSES**			**0.068**			
	31	Berdekatan dengan jalan raya			0.292		
		311	Buffer jalan 250 meter			0.263	0.005
		312	Buffer jalan 250 – 500 meter			0.263	0.007
		313	Buffer jalan 500 – 750 meter			0.263	0.005
		314	Diluar buffer jalan			0.105	0.002
	32	Berdekatan dengan perlabuhan / jeti 1KM			0.250		0.017
	33	Kawasan di luar kemudahan pengangkutan laut			0.167		
		331	Di luar kawasan laluan feri dan kapal			0.333	0.004
		332	Di luar Zon Tambatan Kapal • Zone Small Craft • Zone General Purpose • Zone Dangerous Goods • Zone Quarantine			0.333	0.004
		333	Diluar zon acara sukan air. • perahu layar • regatta • iron man			0.333	0.004
	34	Diluar Zon Penerbangan			0.292		0.020
04	**KAWASAN DI LUAR ZON PENAMPAN**			**0.136**			
	41	Di luar zon penampan KSAS persisir pantai			0.133		0.018
	42	KSAS Kawasan Tadahan Air			0.100		0.014
	43	KSAS HSK Paya Laut			0.100		0.014
	44	KSAS Sungai			0.167		0.023
	45	KSAS Simpanan Mineral / Kuari			0.133		0.018
	46	KSAS Pantai Berpasir			0.133		0.018
	47	KSAS Geopark			0.233		0.032
05	**KAWASAN YANG KURANG HALANGAN FIZIKAL**			**0.114**			
	51	Kecerunan tanah yang sesuai untuk pembangunan			0.227		
		511	0 – 15 darjah			0.350	0.009
		512	15 – 25 darjah			0.350	0.009
		513	25 – 35 darjah			0.200	0.005
		514	35 darjah ke atas			0.100	0.003
	52	Ketinggian tanah yang sesuai untuk pembangunan			0.227		
		521	Tanah rendah (kurang 150m)			0.538	0.014
		522	Tanah bukit (150m – 300m)			0.308	0.008
		523	Tanah Tinggi (300-1000m)			0.154	0.004
	53	Jenis tanah tanih yang sesuai untuk pembangunan			0.227		
		531	Formasi Alluvium			0.175	0.005
		532	Formasi Chuping			0.175	0.005
		533	Formasi Granit			0.125	0.003

Sambungan...

KRITERIA				W1	W2	W3	WEIGHT
		534	Formasi Machinchang			0.175	0.005
		535	Formasi Setul			0.175	0.005
		536	Formasi Singa			0.175	0.005
	54	Kedalaman laut			0.318		
		541	0 – 5 meter			0.368	0.013
		542	5 – 10 meter			0.316	0.011
		543	10 – 20 meter			0.211	0.008
		544	20 meter ke atas			0.105	0.004
06	**KAWASAN YANG KURANG RISIKO BENCANA**			**0.091**			
	61	Di luar kawasan risiko banjir / kenaikan paras laut			0.292		0.027
	62	Di luar kawasan risiko tsunami			0.167		0.015
	63	Di luar kawasan risiko taufan			0.167		0.015
	64	Di luar kawasan perlombongan / kuari			0.208		0.019
	65	Diluar kawasan hakisan pantai			0.167		0.015
07	**MENGURANGKAN GANGGUAN KE ATAS EKOSISTEM MARIN**			**0.114**			
	71	Kawasan di luar kawasan mamalia laut			0.400		0.045
	72	Kawasan di luar terumbu karang			0.333		0.038
	73	Kawasan di luar zon konservasi perikanan			0.267		0.030
08	**MENGURANGKAN GANGGUAN PUNCA EKONOMI NELAYAN**			**0.091**			
	81	Di luar muara sungai			0.500		0.045
	82	Di luar kawasan ternakan ikan sangkar			0.500		0.045
09	**MENGGABUNGKAN HASIL ANALISIS CVI**			**0.068**			
	91	Analisis CVI Fizikal			0.333		
		911	Tahap 1 – Sangat Rendah			0.083	0.022
		912	Tahap 2 – Rendah			0.167	0.004
		913	Tahap 3 – Sederhana			0.208	0.005
		914	Tahap 4 – Tinggi			0.250	0.006
		915	Tahap 5 – Sangat Tinggi			0.292	0.007
	92	Analisis CVI Biodiversiti			0.333		
		921	Tahap 1 – Sangat Rendah			0.083	0.022
		922	Tahap 2 – Rendah			0.167	0.004
		923	Tahap 3 – Sederhana			0.208	0.005
		924	Tahap 4 – Tinggi			0.250	0.006
		925	Tahap 5 – Sangat Tinggi			0.292	0.007
	93	Analisis CVI Sosio Ekonomi			0.333		
		931	Tahap 1 – Sangat Rendah			0.083	0.022
		932	Tahap 2 – Rendah			0.167	0.004
		933	Tahap 3 – Sederhana			0.208	0.005
		934	Tahap 4 – Tinggi			0.250	0.006
		935	Tahap 5 – Sangat Tinggi			0.292	0.007

Sumber: PPP Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, 2020

iii. Hasil Analisis MCDM Kawasan Kesesuaian Pembangunan


Selepas proses normalization dan mendapat jumlah skor hasil daripada pencampuran pemberat dalam setiap grid, jumlah skor akan diklasifikasikan kepada 3 kategori iaitu sangat sesuai untuk pembangunan, sesuai untuk pembangunan dan kurang sesuai untuk pembangunan. Hasil akhir analisis seperti di dalam Rajah C2.23 di bawah menunjukkan 0.9% (10.8km persegi) adalah kawasan yang sangat sesuai untuk pembangunan, 13.7% (160.9km pesegi) sesuai untuk pembangunan dan 1.2% (14.0km pesegi) adalah kurang sesuai untuk pembangunan.

Manakala 84.2% (989.1km persegi) pula merupakan kawasan yang tidak tersedia untuk pembangunan. Jadual C2.9 di bawah menunjukkan julat skor yang digunakan dalam menentukan kategori kawasan kesesuaian pembangunan.

Jadual C2.9: Julat Skor Kesesuaian Pembangunan

Julat Skor	Kategori
0 – 0.51	Sangat Sesuai Untuk Pembangunan
0.51 – 0.62	Sesuai Untuk Pembangunan
0.62 – 1.00	Kurang Sesuai Untuk Pembangunan


Sumber: PPP Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, 2020



Jadual C2.10: Hasil Analisis MCDM

Keluasan (KM Persegi)	Kategori	Peratus
10.8	Sangat Sesuai Untuk Pembangunan	0.9%
160.9	Sesuai Untuk Pembangunan	13.7%
14.0	Kurang Sesuai Untuk Pembangunan	1.2%
989.1	Tidak Tersedia untuk Pembangunan	84.2%

Sumber: PPP Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, 2020



Rajah C2.23 : Kawasan Kesesuaian Pembangunan

Petunjuk

- Sangat Sesuai untuk Pembangunan
- Sesuai untuk Pembangunan
- Kurang Sesuai untuk Pembangunan
- Tidak Tersedia untuk Pembangunan

Lain-lain

- Sempadan Kajian
- Sempadan Daerah
- Port Limit Langkawi

Sumber:
iPlan, PLANMalaysia@kedah, 2020
PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat - Ayer Hangat, Langkawi
RTDL, 2030

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

C3.0



Sektor Pelancongan

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

C3.0
Sektor Pelancongan

Kajian sektor pelancongan mengkaji tren pembangunan dan aktiviti pelancongan dan potensi pembangunan pelancongan di sepanjang pesisiran pantai serta tahap penyediaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan sokongan pelancongan dalam kawasan kajian. Data dan maklumat yang diperolehi adalah daripada kajian dan laporan berkaitan sedia ada serta input dari agensi berkaitan. Kajian inventori produk pelancongan dan pesisiran pantai juga telah dilaksanakan bagi memberi maklumat yang lebih terkini. Maklumat yang dikumpul ini termasuklah juga perkara-perkara yang dibangkitkan oleh peserta TWG dan FGD.

C3.1 Profil Semasa

C3.1.1 Sumbangan Sektor Pelancongan Langkawi

I. Langkawi dalam Konteks Antarabangsa

Pada tahun 2015, Langkawi telah tersenarai di dalam *Top 10 Beaches* dari buku *National Geographic* *The 10 Best of Everything*. Sehingga tahun 2020 Langkawi masih lagi tersenarai di dalam *Top 25 Islands in the World* dan *30 Most Beautiful Islands in the World*. Pantai Tanjung Rhu juga telah tersenarai di dalam kategori *The 50 Most Exotic and Beautiful Beaches Around the World,* 2020. Manakala pusat peranginan mewah The Datai telah tersenarai di dalam *Top 10 world's most luxurious family hotels* pada tahun 2017 dan *The best resorts in the world: 2019 Readers' Choice Awards* bersama-sama dengan The Ritz Carlton.

Di dalam laman web antarabangsa Langkawi digambarkan sebagai destinasi percutian mewah terbaik (The Datai), pantai dan alam semulajadi yang indah serta terkenal dengan masakan citarasa asia dan india yang berpotensi untuk menjadikan Langkawi sebagai destinasi pelancongan gastronomi.

Untuk tersenarai samada di dalam *top 10 most beautiful beaches in the world, best beaches in the world atau the best island beaches in the world,* Langkawi menghadapi persaingan yang hebat daripada pulau dan pantai negara ASEAN khususnya Thailand, Filipina dan Indonesia. Ini termasuklah untuk Oleh itu pengurusan pantai yang komprehensif dan efektif adalah penting untuk menjamin kelestarian Langkawi sebagai destinasi pelancongan terkenal dunia.

Top 10 world's most luxurious family hotels, 2017
10. The Datai Langkawi

The best resorts in the world: 2019 Readers' Choice Awards
23. The Ritz Carlton
50. The Datai Langkawi

The Top 25 Islands in the World, 2020
8. Langkawi

30 Most Beautiful Islands in the World, 2020
20. Langkawi

The 50 Most Exotic and Beautiful Beaches Around the World, 2020
48. Tanjung Rhu

PERSAINGAN:

1. *The 24 Best Island Beaches in the World, 2019*
   5. El Nido, Palawan, Philippines
   20. Banana Beach, Koh Hey (Coral) Island, Phuket, Thailand
2. *The 30 Best Beaches in the World*
   8. Ora Beach, Indonesia
   20. Hidden Beach, Palawan, Philippines
3. *Top 10 most beautiful beaches in the world, 2019*
   4. Maya Bay, Koh Phi Phi, Thailand

Sumber:
1. https://theluxurytravelexpert.com
2. https://www.cntraveler.com
3. https://www.travelandleisure.com
4. https://www.marieclaire.com
5. https://www.roadaffair.com
6. https://theluxurytravelexpert.com

sambungan...

II. Langkawi dalam Konteks Malaysia

Berdasarkan Malaysia Transformation Plan menyasarkan penjanaan pendapatan ekonomi negara sebanyak RM168 billion melibatkan seramai 36 juta pelancong pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, pada februari 2020 hampir seluruh dunia dilanda penyakit virus berjangkit Covid19 dan Malaysia turut tidak terkecuali. Maka, sedikit sebanyak menjejaskan sektor-sektor utama yang menjadi penyumbang kepada KDNK Malaysia termasuk sektor pelancongan. Bagaimanapun, pada tahun 2019, Malaysia telah mencatatkan kedatangan pelancong asing sebanyak 26.45 juta pelancong, manakala sebanyak 1.54 juta pelancong asing ini di Langkawi. Jesteru itu, pelancong asing ke Langkawi sedikit sebanyak menyumbang kepada jumlah bilangan keseluruhan di Malaysia iaitu sebanyak 5 peratus. Oleh itu sektor pelancongan Langkawi merupakan salah satu sektor terpenting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara.

III. Langkawi dalam Konteks Negeri Kedah


Kedatangan pelancong ke Negeri Kedah mencatat peningkatan sebanyak 1.9 juta orang sepanjang tempoh 15 tahun. Kira-kira 60 peratus daripada kemasukan pelancong ini adalah pelancong yang memasuki Pulau Langkawi. Ini menunjukkan Langkawi adalah penyumbang utama kepada pertumbuhan sektor pelancongan negeri. Pelancongan di Langkawi merupakan suatu sektor yang penting kerana berupaya menjana hasil pendapatan yang amat besar kepada ekonomi dan masyarakat setempat. Ditambah pula dengan fakta yang menunjukkan bahawa Langkawi telah menyumbang sebanyak 5.25 peratus kepada KDNK Negeri Kedah.

Pelancongan di Langkawi memberikan pendapatan sebanyak RM1.7 bilion setahun, ia membentuk 4,900 perniagaan di pulau itu yang merangkumi 9,000 kakitangan hotel, 150 ejen pelancongan dan perjalanan, serta 200 pemandu pelancong juga sedikit sebanyak memberi impak positif dan kelebihan kepada warga tempatan dengan menaiktaraf segala kemudahan infrastruktur dan asas seperti menaik taraf jalan raya, penyediaan penginapan, industri makanan dan kraftangan.

C3.1.2 Kedatangan Pelancong

Rajah C3.1 menunjukkan jumlah ketibaan pelawat ke Langkawi dari tahun 2014 hingga 2019. Ketibaan pelawat ini diambilkira di titik-titik sentuh Langkawi yang merangkumi Jeti, Kapal Persiaran, Yatch, Lapangan Terbang dan Pelabuhan Langkawi. Jumlah kedatangan pelawat ke Langkawi semakin meningkat dari tahun 2014 hingga tahun 2019 kecuali pada tahun 2018 yang mengalami penurunan.

Rajah C3.1: Ketibaan Pelawat ke Langkawi



Sumber: Laman Web Rasmi Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), 2020

Kadar pertumbuhan pelawat dari tahun 2014 hingga tahun 2019 menunjukkan peningkatan yang agak ketara dalam tempoh 5 tahun iaitu sebanyak 9 peratus melibatkan bilangan sebanyak 3,600,511 pelawat pada tahun 2014 manakala 3,924,326 pelawat pada tahun 2019. Peningkatan sebanyak 323,815 pelawat dalam tempoh 5 tahun. Kadar purata pertumbuhan pula menunjukkan purata sebanyak 1.4 peratus setiap tahun dari 2014 hingga tahun 2019.

Kedatangan pelawat ke Langkawi pada tahun 2020 jelas menunjukkan penurunan yang ketara berikutan jangkitan COVID 19. Sehingga Julai 2020, kedatangan pelawat hanyalah berjumlah seramai 1,083,151 orang, iaitu hanya 27% daripada jumlah kedatangan pelancong pada tahun 2019. LADA menyasarkan 2.5 juta kedatangan pelawat sehingga akhir tahun 2020. Sasaran ini adalah berkurangan sebanyak 50% berbanding sasaran sebelum wabak COVID 19 iaitu 5 juta pelawat yang mengambilkira Tahun Melawat Malaysia 2020.


sambungan...

Jadual C3.1: Ketibaan pelancong ke Langkaw Melalui Pintu Masuk Darat, Air dan Udara

Tahun	Jeti		Cruise	Yacht	Lapangan Terbang		Jumlah
	Domestik	Antarabangsa		Kuah & Telaga Harbour	Domestik	Antarabangsa	
2010	1,636,227	96,844	46,061	-	593,551	75,783	2,448,466
2011	1,909,182	118,386	35,228	-	681,085	71,297	2,815,178
2012	2,114,290	109,697	68,157	-	703,130	63,814	3,059,088
2013	2,175,708	137,044	140,896	4,707	878,813	77,223	3,414,391
2014	2,177,701	132,355	158,546	5,730	1,019,435	85,830	3,579,597
Jumlah	10,013,108	594,326	448,888	10,437	3,876,014	373,947	

Sumber: LASP Daerah Langkawi 2030 (Penggantian)
Nota: Data di dalam proses pengemaskinian

Rajah C3.2: Ketibaan pelancong ke Langkawi Melalui Pintu Masuk Darat, Air dan Udara



Jadual 3.1 menunjukkan beberapa pintu masuk Langkawi oleh pelancong dengan menggunakan mod pengangkutan yang berlainan iaitu melalui air dan udara. Berdasarkan rajah, mod pengangkutan air, iaitu feri menjadi pilihan pertama bagi pelancong datang ke Langkawi. Sebanyak 64.5 peratus iaitu 2.3 juta pelancong memilih untuk menggunakan feri dan jeti yang digunakan ialah di Jeti Kuah dan Jeti Tanjung Lembong. Kos pengangkutan yang lebih murah adalah di antara faktor yang menyumbang kepada permintaan perkhidmatan feri.

Seterusnya, pelancong memilih untuk menggunakan perkhidmatan udara di mana pintu masuknya di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Sejumlah 1.1 juta pelancong iaitu 30.9 peratus masuk melalui pintu masuk udara.

Manakala bilangan pelancong yang paling sedikit juga menggunakan mod pengangkutan air, tetapi berlainan jenis dari feri iaitu kapal persiaran dan kapal layar dimana pintu masuknya terletak di Jeti Kuah dan Jeti Telaga Harbour. Sebanyak 4.6 peratus dengan bilangan 158,546 dan 5,730 pelancong menggunakan perhidmatan kapal persiaran dan kapal layar.

sambungan...


Rajah C3.3 menunjukkan jumlah ketibaan pelancong antarabangsa ke Langkawi pada tahun 2019. Pelancong dari Negara China menjadi penyumbang tertinggi dan telah menjadikan negara-negara Asia bilangan tertinggi yang melancong ke Langkawi iaitu sebanyak 54% dengan 345,000 daripada 635,000 pelancong negara Asia yang lain.

Manakala diikuti dengan negara-negara dari benua Eropah merekodkan jumlah bilangan pelawat kedua tertinggi iaitu sebanyak 25% dengan 296,000 orang. Negara-negara Benua Eropah ini melibatkan negara United Kingdom, Belanda, Germany dan lain-lain.

Seterusnya negara-negara dari timur tengah merekodkan jumlah bilang sebanyak 14% dengan 165,000 orang yang mana melibatkan negara Emiriah Arab Bersatu serta Arab Saudi.

Rajah C3.3: Ketibaan pelancong ke Langkawi mengikut negara asal.

Negara	Bilangan Pelancong	Peratusan (%)
Eropah	296,000	27.4
India	155,000	14.3
Russia	34,490	3.2
China	345,000	31.96
Australia	85,000	7.87
Timur Tengah	165,000	15.27
Jumlah	1,080,490	100



Sumber: Unit Pembangunan dan Perancangan, Bahagian Pelancongan , LADA

C3.1.3 Segmen dan Taburan Produk Pelancongan

Sejumlah 48 produk pelancongan telah dikenalpasti di kawasan pesisiran pantai kawasan kajian yang dibahagikan kepada enam kategori seperti di rajah Rajah C3.4.

Bilangan produk pelancongan yang paling tinggi adalah pelancongan eko dan diikuti dengan pelancongan buatan manusia.

Rajah C3.4: Segmen Pelancongan di Langkawi



Sumber: LASP RTD Langkawi 2030, 2020
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah, 2020
Kajian PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi, 2020

I. Pengenalan Pelancongan Eko beserta contoh produk yang terdapat di Langkawi

Aktiviti yang melibatkan lawatan ke tempat-tempat yang mempunyai keindahan alam semula jadi nilai yang cukup tanpa menjejaskan. Konsep pelancongan eko ialah pelancongan yang bersandarkan kepada penghayatan ekologi yang bertanggungjawab dan berdaya-tahan.

Pelancongan eko merupakan segmen yang mempunyai produk pelancongan yang tertinggi di Langkawi kerana pada asasnya Langkawi terdiri daripada sebuah pulau yang kaya dengan alam semulajadi yang mampu menjadi tarikan pelancongan utama. Pelancongan eko terdiri daripada pantai, pulau, air terjun dan sebagainya. Antara pelancongan eko yang terdapat Langkawi adalah seperti rajah dibawah.



Terletak di kawasan Teluk Datai, Temurun adalah Air Terjun tiga peringkat dan titisan air terjun terkumpul kira-kira 200 meter. Ini adalah air terjun tertinggi di Langkawi. Aliran air mengalir ke lereng utara Gunung Mat Cincang. Batu-batuan di sini terdiri daripada batu pasir & serpihan, dan berusia lebih dari 500 juta tahun.

Pemandangan air terjun yang penuh menabjukbkan dan misteri, ianya sangat cantik dan mempersonakan. Digelar air terjun paling indah didalam pulau ini, penduduk tempatan percaya bahawa Air Terjun Telaga Tujuh (Tujuh Telaga) adalah rumah bagi bunian, tetapi mungkinkah dengan kekayaan flora dan fauna yang menjadikan lukisan sebuah air terjun ini yang penuh dengan magis.





Tasik ini terletak kira-kira 20 kilometer dari pekan Kuah. Ianya terletak di satu sisi kawasan yang tidak bersambung dengan daratan tanah Langkawi dan hampir tidak berpenghuni. Terdapat tasik air tawar yang indah di pulau yang disebut Tasik Dayang Bunting (Tasik Ibu Hamil). Tasik ini tenang, sejuk dan sangat nyaman. Menurut legenda, tasik ini mempunyai kelebihan. Ia dapat membantu wanita yang mengalami masalah kesuburan dan ianya dipercayai akan subu selepas mandi disini. Dikelilingi oleh pohon bakau dan pembentukan batu kapur.

II. Pengenalan Pelancongan Warisan, Sejarah dan Budaya beserta contoh produk yang terdapat di Langkawi

Pelancongan warisan secara umumnya merupakan satu bentuk pelancongan untuk melihat segala khazanah dan warisan yang telah diwarisi daripada generasi terdahulu seperti sejarah, kebudayaan, kesenian,alam semulajadi, artifak dan lain-lain. Dibawah segmen ini, terdapat banyak jenis produk pelancongan yang berada di Langkawi. Diantaranya ialah program homestay, aktiviti warisan dan kebudayaan serta makanan tempatan.

Program Homestay atau dikenali sebagai Kampungstay oleh Motac merupakan satu bentuk pengalaman di mana para pelancong disediakan dengan kemudahan penginapan tetapi tidak tinggal bersama dengan tuan rumah. Walau bagaimanapun para pelancong masih berpeluang untuk berinteraksi serta mengikuti aktiviti seharian masyarakat kampung dan kebudayaan mereka. Pelancongan dapat merasai serta mempelajari budaya dan warisan masyarakat setempat serta mengikuti rutin harian yang dilakukan oleh penduduk setempat. Rumah yang disediakan tersebut dilengkapi dengan kemudahan asas untuk keselesaan pelancong dan bercirikan kehidupan masyarakat kampung.







Homestay Kampung Padang Lalang

Homestay Padang Lalang terletak berhampiran dengan salah satu tarikan pelancongan utama di Langkawi iaitu Telaga Air Hangat. Jarak homestay dari jeti Kuah hanya 33 kilometer.

Homestay Padang Lalang menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti memancing, penternakan padi, berkayak di kawasan hutan bakau, melawat gua bersejarah seperti Gua Cerita tempat pertemuan legenda antara putera Raja Rom dan Raja dimusnahkan oleh garuda Cina. Sisa-sisa batu legenda ini masih ada sebagai objek yang menyerupai manusia.







Homestay Kampung Pulau Tuba

Homestay Kampung Pulau Tuba terdiri daripada 37 buah rumah. Kesemua homestay disini dikendalikan oleh penduduk yang terdiri darapada nelayan. Terletak disebuah kawasan pulau yang mengambil masa 15 minit dari Kuah dengan menaiki bot.

Aktiviti utama ekonomi penduduk disini ialah nelayan. Disamping itu penduduk turut memelihara lembu dan kerbau, mencari hasil-hasil hutan seperti herba, akar-akar untuk tujuan perubatan, madu dan sebagainya. Oleh itu, pelancong yang meginap di homestay ini dapat merasai segala jenis aktiviti harian yang dilakukan oleh penduduk setempat.

sambungan...

Pelancongan makanan adalah produk pelancongan dibawah segmen pelancongan warisan, sejarah dan budaya. Terdapat individu atau kumpulan yang melancong untuk meneroka makanan yang boleh dianggap sebagai baru untuk mereka selain daripada menggunakan makanan untuk meneroka budaya dan cara hidup baru.

Makanan tempatan ini dilihat sebagai satu produk pelancongan baru di Langkawi dan ianya berpotensi untuk menarik pelancong datang ke suatu tempat dengan niat untuk mencuba makanan baru dan asing bagi mereka. Hal ini kerana kebanyakkan makanan tersebut hanya ada di kawasan berkenaan dan sekitar dengannya. Sebagai contoh beronok adalah makanan eksotik yang hanya terdapat di Langkawi sahaja.





Bronok, spesis hidupan laut yang hidup dalam kawasan pantai berselut di Langkawi, mempunyai badan yang licin dan berwarna hitam bagi yang sudah tua, dan merah jambu bagi yang masih muda. Haiwan ini juga sensitif kepada haba, dan akan mencair kalau panas. Bagi mereka yang berasal daripada Langkawi, Bronok merupakan hidangan wajib yang disediakan ketika kenduri kendara dan biasanya dibuat kerabu.

Makanan tradisional di Langkawi dan di Negeri Kedah



Emping Padi



Nasi Ulam



Gulai Batang Pisang



Kuih Karas



Apam Lenggang



Bunga Pundak



Kuih Gedung Chak



Pulut Sambal Ikan



Lattut



Siput Rodong

Sup Gamat



Sumber: LASP RTD Langkawi 2030, 2020
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah, 2020
Kajian PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi, 2020


III. Pengenalan Pelancongan Buatan Manusia beserta contoh produk yang terdapat di Langkawi

Segmen pelancongan buatan manusia disebut sebagai produk yang dibina oleh manusia. Semua monumen, taman, pusat sains, taman zoologi yang dibina oleh manusia dengan menggunakan bahan binaan disebut sebagai produk pelancongan buatan manusia.

Pelancongan Santai atau '*Leisure Tourim*' juga merupakan salah satu pelancongan buatan manusia, di mana tujuan utama adalah untuk berlibur dari kehidupan seharian. Pelancongan Santai sering dikaitkan dengan menginap di hotel atau resort yang bagus, bersantai di pantai atau di bilik, menggunakan khidmat spa, atau melakukan lawatan berpandu dan menikmati tarikan pelancongan tempatan.


Menurut '*Tripadvisor',* terdapat 10 buah resort dan spa terbaik yang terdapat di Langkawi. Resort yang meungguli carta pertama sebagai resort dan spa terbaik di Langkawi ialah The Danna Langkawi, diikuti dengan Pelangi Beach Resort & Spa, The Andaman, The Ritz-Carlton, The Datai dan lain-lain.





Dikenali sebagai tempat percutian yang terindah untuk mengabadikan kenangan-kenangan indah di Langkawi, Pelangi Beach Resort & Spa pernah memenagi anugerah lanskap dan pantai terbaik yang berkonsepkan melayu 'desa terindah'. Memanjakan diri dengan spa bercirikan melayu yang terbaik.







The Danna Langkawi menyajikan pengunjung dengan gaya hidup mewah. Persekitaran yang indah dan damai, bilik, kolam renang, spa yang luar biasa, makanan dan minuman yang enak, dan paling penting setiap anggota kakitangan berusaha keras untuk membuat anda merasa selesa dan seperti berada di syurga dunia.

Mempunyai susasana alam semulajadi yang indah, sebahagian besar The Andaman menawarkan pemandangan sekitarnya yang boleh membuatkan pengunjung terpukau dengan udara segar dan ditemani dengan alam semulajadi juga terdapat flora dan fauna.









The Ritz-Carlton, Langkawi membawa pelancong ke dalam poket dunia sunyi di mana kemewahan dan alam bersatu. Menyulusuri melalui hutan lebat yang dinamis atau dengarkan bisikan hutan dari tempat berehat anda. Anda juga boleh melakukan aktiviti kayak melalui hutan bakau, atau menikmati spa yang penuh dengan mengasyikkan.







IV. Pengenalan Pelancongan Sukan beserta contoh produk yang terdapat di Langkawi

Pelancongan sukan terbahagi kepada dua iaitu percutian bercorak sukan dan pertandingan sukan. Percutian bercorak sukan bermaksud seseorang pelancong pergi ke suatu tempat dengan niat untuk melancong dan mencuba aktiviti sukan yang ditawarkan di destinasi pilihan.

Manakala pertandingan sukan melibatkan semua bentuk aspek samada secara aktif (menyertai atau melakukan aktiviti sukan tersebut) atau pasif (menyertai pertandingan sukan tersebut dengan cara menonton atau menyokong individu/pasukan yang bertanding) samada menyertainya secara kebetulan ataupun yang dianjurkan untuk tujuan komersil atau sebaliknya, dengan syarat ia melibatkan aktiviti perjalanan meninggalkan tempat kediaman dan lokasi asal.

a. Percutian bercorak sukan yang terdapat di Langkawi



The Els Club Teluk Datai memenangi anugerah berprestij kerana mempunyai pemandangan yang sangat indah sambil bermain golf. Pemandangan tersebut adalah puncak gunung marmar, hutan hujan dara dan Laut Andaman yang berwarna hijau zamrud. Direka oleh legenda golf Ernie Els, lapangan kejuaraan seluas 6,750 halaman 18 lubang terletak di Teluk Datai (Teluk Datai).

Banyak pelancong tempatan dan antarabangsa yang berkunjung ke sini untuk merasai pengalaman bermain golf yang direka khas elegan dengan pemandangan yang menabjukan.

b. Pelancongan melibatkan pertandingan sukan yang terdapat di Langkawi

Ironman Triathlon adalah salah satu siri perlumbaan triathlon jarak jauh yang dianjurkan oleh World Triathlon Corporation (WTC). Ironman Malaysia @ Langkawi adalah acara tahunan yang menghimpunkan peserta serta pengunjung dari seluruh negara yang seringkali dibuat pada bulan september.

Acara ini memperlihatkan kekuatan stamina, mental, fizikal dan semangat juang dalam diri peserta. Disebabkan acara ini merupakan acara lasak yang terkenal diseluruh dunia, ramai peserta dan juga penyokong dari pebagai negara berkunjung ke Langkawi untuk menyertai serta menyaksikan acara yang terulung ini.



V. Pengenalan Pelancongan Marina beserta contoh produk yang terdapat di Langkawi

Pelancongan marina juga dikenali sebagai pelancongan kapal pelayaran yang melibatkan individu atau kumpulan yang melancong ke dari satu tempat ke tempat yang lain dengan belayar.

Kebiasaannya pelancong yang melakukan aktiviti ini akan memilih lokasi tertentu sebagai destinasi pilihan. Hal ini disebabkan oleh ketersediaan kemudahan pelayaran, sebagai contoh ketersediaan tempat meletak kapal layar dan bengkel untuk membaiki kapal tersebut.

Langkawi menjadi salah satu pilihan penggiat atau peminat aktiviti pelayaran ini kerana disini terdapat beberapa lokasi yang menawarkan kemudahan meletakkan kapal persiaran dan membaiki kapal. Selain itu d Langkawi juga terdapat beberapa acara sukan pelayaran yang dianjurkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Oleh itu pelancong yang datang ke Langkawi melalui pelayaran ini terbahagi kepada dua iaitu menjadikan Langkawi sebagai destinasi pilihan sepanjang pelayaran ataupun pelancong yang menyertai acara sukan pelayaran yang dianjurkan.



Terdapat banyak jenis syarikat yang menawarkan perkhidmatan berkaitan kapal layar buat pengunjung yang datang ke Langkawi. Rebak Marina antara salah satu tempat yang menawarkan *all-in services* untuk para pelancong pelayaran untuk singgah menggunakan dan menikmati perkhidmatan yang disediakan. Terdapat pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan oleh pihak Rebak Marina daripada perkhidmatan meletakkan kapal, membaiki kapal, tempat berehat untuk pelancong, bar dan restoran serta tempat penginapan dengan ditawarkan pakej khas dengan ruang meletak kapal layar.







Acara Tahunan Marina

Royal Langkawi International Regatta merupakan acara tahunan sukan pelayaran yang di tunggu-tunggu oleh peserta tempatan dan juga antarabangsa. Diadakan pada setiap awal tahun, sukan berprestij ini menjadi sebagai permulaan tahun yang baik oleh Langkawi dan seluruh rakyat tempatan kerana sedikit sebanyak dapat impak diatas kedatangan ramai peserta dari luar dan dalam negeri.




VI. Pengenalan Pelancongan Acara beserta contoh produk yang terdapat di Langkawi

Pelancongan acara merujuk kepada kecenderungan perjalanan untuk menghadiri acara, pelancong yang bermotivasi untuk melancong untuk acara tertentu dan pelancong yang menghadiri acara semasa yang berada jauh dari rumah.

Acara-acara tahunan antarabangsa yang dijadual setiap bulan di antara faktor penarik kedatangan pelancong yang tinggi ke Langkawi seperti Royal Langkawi International Regatta, Ironman Malaysia Langkawi dan LIMA. Secara amnya acara tahunan ditumpukan kepada pelancongan sukan dan marina.

Rajah C3.5: Acara-acara tahunan utama di Langkawi mengikut bulan.



Sumber: LASP RTD Langkawi 2030, 2020
Laman Sesawang Rasmi LADA, 2020

Semua acara tahunan diatas dinyatakan mengikut bulan yang sering dianjurkan setiap tahun. Terdapat juga pindahan tarikh (bulan) untuk acara-acara yang dinyatakan bergantung kepada faktor-faktor semasa.

Jadual C3.2: Senarai Produk Pelancongan Mengikut Zon dan Segmen


Zon	Segmen Pelancongan	No.	Produk Pelancongan
A	Pelancongan Eko	1.	Pantai Kampung Penarak
		2.	Pantai Tanjung Rhu
		3.	Kilim Geoforest Park
		4.	Gua Cherita
		5.	Gua Dedap
B	Pelancongan Eko	6.	Pantai Pasir Hitam
		7.	Pantai Pulau Jemuruk
	Sejarah, Warisan dan Budaya	8.	Kubang Badak Bio Geo Trail
		9.	Kompleks Kraf Langkawi
C	Pelancongan Eko	10.	Pantai Pasir Tengkorak
		11.	Pantai Datai
		12.	Pantai Pebble
		13.	Pantai Kok
		14.	Air Terjun Temurun
		15.	Air Terjun Telaga Tujuh
		16.	Machinchang Cambrian Geoforest Park (Sebahagian)
	Marina	17.	Telaga Harbour Park
	Sukan	18.	Els Golf Club Datai
	Buatan Manusia	19.	Crocodile Adventure Land
		20.	Langkawi Sky Bridge
		21.	UMGAWA Legendary Adventure Langkawi
		22.	Langkawi Art in Paradise 3D Museum
		23.	Oriental Village
		24.	Langkawi Sky Cab
		25.	Island Horse Langkawi
		26.	Langkawi Skytrex
		27.	Langkawi Sky Rex
		28.	Paradise 101 Island
D	Pelancongan Eko	29.	Pantai Telok Nibong
		30.	Pantai Kuala Muda
		31.	Pantai Kuala Teriang
	Sejarah,Warisan dan Budaya	32.	Kampung Beras Terbakar
	Sukan	33.	Langkawi Skydive
	Buatan Manusia	34.	Morac Adventure Park
		35.	Heliout Post Langkawi
E	Eko Pelancongan	36.	Pantai Tengah
		37.	Pantai Chenang
	Sejarah,Warisan dan Budaya	38.	Laman Padi
	Sukan	39.	Jet Ski Island Hoping
	Buatan Manusia	40.	Langkawi Underwater World
G	Eko Pelancongan	41.	Pulau Tuba
		42.	Dayang Bunting Marble Geoforest Park
		43.	Gua Wang Buluh
		44.	Gua Kelawar
		45.	Gua Langsir

Sumber: LASP RTD Langkawi 2030, 2020
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah, 2020
Laman Sesawang LADA dan LADA, 2020
Kajian PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi, 2020

Menurut LADA, terdapat beberapa produk pelancongan utama di kawasan kajian yang menjadi tempat wajib untuk dilawati dalam kalangan pelawat yang datang ke Langkawi, antaranya ialah KILIM Karst Geoforest park, Tasik Dayang Bunting, Langkawi SkyBridge & Cable Car dan lain-lain.

Berdasarkan laman sesawang pelancongan yang popular, *Tripadvisor*, terdapat enam lokasi popular dilawati dan tujuan lawatan termasuklah bercuti, membeli belah, melawat kawan/keluarga dan urusan perniagaan/seminar/kursus.

Lokasi Popular Dilawati 2019



Nota: Data di dalam proses pengemaskinian data terkini untuk tahun 2019 daripada pihak LADA

Berdasarkan maklumat diatas, Langkawi Skybridge dan Kereta Kabel menjadi tempat yang paling popular dilawati oleh pelancong jika berkunjung ke Langkawi. Disini pelancong dapat mengalami pemandangan yang indah dan tarikan yang menarik yang terdapat disekitar Gunung Machinchang. Platform tertinggi untuk tarikan ini mempunyai ketinggian sebanyak 2,322 kaki (708 meter). Dengan menggunakan kereta kabel SkyCab untuk melihat pemandangan 360 yang menakjubkan yang dikelilingi dengan hutan-hutan dan pulau-pulau berdekatan.

Seterusnya tarikan yang popular dilawati ialah Tasik Dayang Bunting. Nama Tasik Dayang Bunting ini diambil sempena lagenda Mambang Sari dan menjadi kepercayaan pada zaman dahulu air tasik itu boleh menyuburkan wanita yang meninginkan anak dengan cara minum dan mandi di tasik itu. Berenang di tasik adalah aktiviti yang paling popular di sini. Walau bagaimanapun, terdapat juga bot kayuh atau kayak untuk anda menelusuri tasik ini dengan lebih jauh.


Tempat ketiga popular yang dilawati oleh pelancong ialah, Kilim Karst Geopark. Kilim merupakan geopark pertama di Asia Tenggara dan tempat warisan geologi kuno, keajaiban semula jadi yang menakjubkan. Dengan menggunakan bot untuk menyelusuri geopark ini, pelancong dapat menikmati pemandanga air sungai berwarna hijau zamrud, hutan bakau dan formasi batu kapur yang menarik. Pelancong juga dapat melihat haiwan yang jarang dilihat ditempat lain seperti burung helang putih dan merah, juga jika bernasib baik dapat melihat sekumpulan ikan lumba-lumba.

Pantai Cenang adalah antara kawasan pantai awam paling popular di Langkawi di mana kebanyakan restoran tempatan dan antarabangsa, kompleks membeli-belah bebas cukai, dan resort mewah terletak di sepanjang pantainya yang indah. Dengan pengunjung yang tak terhitung jumlahnya bersantai di pantai berpasir dan menikmati rawatan spa dan urutan, Pantai Cenang adalah tempat terbaik untuk berjemur dan sukan air yang menarik seperti jet ski dan parasailing.

Jadual C3.3: Bilangan Produk Pelancongan Mengikut Zon

Zon Kawasan Kajian	Eko Pelancongan	Pelancongan Marina	Pelancongan Sukan	Pelancongan Buatan Manusia	Sejarah, Warisan dan Budaya	Jumlah
Zon A1 Kampung Penarak	1	-	-	-	-	**1**
Zon A2 Kilim Geoforest Park	1	-	-	-	-	**1**
Zon A3 Pantai Tanjung Rhu	3	-	-	-	-	**3**
Zon B1 Pantai Pasir Hitam	1	-	-	-	-	**1**
Zon B2 Hutan Simpan Bukit Sawak	-	-	-	-	1	**1**
Zon B3 Kuari Batu Lafarge Cement	2	-	-	-	-	**2**
Zon C1 Hutan Lipur Air Terjun Temurun	4	-	1	1	-	**6**
Zon C2 Hutan Simpan Gunung Machinchang	1	-	-	2	-	**3**
Zon C3 Pantai Kok, Langkawi	2	1	-	7	-	**10**
Zon D Padang Mat Sirat	3	-	1	2	1	**7**
Zon E Pantai Chenang	2	-	1	1	1	**5**
Zon F Bukit Malud	-	-	-	-	-	**0**
Zon G Taman Marble Geoforest Dayang Bunting	8	-	-	-	-	**8**
Jumlah	**28**	**1**	**3**	**13**	**3**	**48**

Sumber: LASP RTD Langkawi 2030, 2020
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah, 2020
Laman Sesawang LADA dan LADA, 2020
Kajian PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi, 2020





Rajah C3-6: Taburan Produk Pelancongan di Pesisiran Pantai

PETUNJUK

Guna Tanah Utama

- Perumahan
- Komersial
- Industri
- Institusi dan Kemudahan Masyarakat
- Tanah Lapang dan Rekreasi
- Infrastruktur dan Utiliti
- Pengangkutan
- Pertanian
- Hutan
- Badan Air
- Pembangunan Bercampur
- Tanah Kosong
- Pantai

Lain-lain

- Jalan
- Sempadan Zon
- Sempadan BPK

C3.1.4 Profil Produk Pelancongan

Profil produk pelancongan mengandungi penilaian kualiti produk dan penyediaan kemudahan utama bagi pelancong. Penilaian kualiti produk adalah berdasarkan kriteria seperti akses, mod pengangkutan, kesesuaian aktiviti, ciri-ciri tarikan, kualiti visual, penyelenggaraan dan kedapatan kemudahan utama seperti papan tanda informasi, tempat letak kenderaan, tempat duduk, kemudahan keselamatan dan lain-lain. Profil produk ini ditunjukkan mengikut zon seperti berikut

Rajah C3.7 : Taburan Produk Pelancongan Zon A



Sumber: LASP RTD Langkawi 2030, 2020
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah, 2020
Laman Sesawang LADA dan LADA, 2020
Kajian PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi, 2020

I. Profil Produk Pelancongan Bagi Zon A

Segmen

Eko-Pelancongan

Produk dan Ciri Tarikan

Pantai Kampung Penarak
- Pantai
- Restoran hasil laut
- Jeti pendaratan hasil laut





Pantai Tanjung Rhu
- Pantai,
- Medan Selera
- Pusat Perniagaan
- Hotel, resort dan chalet





Kilim Geoforest Park
- Hutan Paya Bakau
- Flora dan fauna
- Medan Selera





Gua Cherita
- Memerhati flora dan fauna



Gua Dedap
- Pantai
- Flora dan fauna




sambungan...

Aksesibiliti

Pantai Kampung Penarak
- Pejalan kaki ,Kereta/motorsikal, Teksi/kereta sewa, Pengangkutan air (Bot/feri)

Pantai Tanjung Rhu
- Pejalan kaki ,Kereta/motorsikal, Teksi/kereta sewa

Kilim Geoforest Park
- Pejalan kaki, Motorsikal/kereta, Pengangkutan air (bot/feri), Teksi/kereta sewa

Gua Cherita
- Pengangkutan air (bot/feri)

Gua Dedap
- Pengangkutan air (bot/feri)

Aktiviti

Pantai Kampung Penarak
- Memerhati flora dan fauna
- Membeli hasil laut
- Homestay
- 'Nature Walk'

Pantai Tanjung Rhu
- Memerhati flora dan fauna
- Perkhemahan, Perkelahan
- Sukan/ rekreasi air
- Perahu layer
- Homestay
- 'Nature Walk'
- Mandi-manda

Kilim Geoforest Park
- Memerhati flora dan fauna
- Kembara hutan


Gua Cherita
- Pantai
- Flora dan fauna

Gua Dedap
- Memerhati flora dan fauna
- Sukan lasak/ ekstrem
- 'Nature Walk



II. Profil Produk Pelancongan Zon B

Rajah C3.8 : Taburan Produk Pelancongan Zon B



Produk Pelancongan Zon B

1. Pantai Pasir Hitam
2. Pantai Pulau Jemuruk
3. Kubang Badak Bio Geo Trail
4. Kompleks Kraf Langkawi

Sumber: LASP RTD Langkawi 2030, 2020
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah, 2020
Laman Sesawang LADA dan LADA, 2020
Kajian PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi, 2020

sambungan...

Segmen

Eko-Pelancongan

Produk dan Ciri Tarikan

Pantai Pasir Hitam
- Pantai
- Pusat Perniagaan




Pantai Pulau Jemuruk
- Pantai
- Resort dan Chalet




Kubang Badak Bio Geo Trail
- Hutan Paya Bakau
- Flora dan fauna
- Geologi




Segmen

Sejarah, Warisan dan Budaya

Kompleks Kraf Langkawi
- Kraftangan
- Balai karyaneka




sambungan...

Aksesibiliti

Pantal Pasir Hitam

- Pejalan kaki ,Kereta/motorsikal, Teksi/kereta sewa, Pengangkutan air (Bot/feri)

Pantai Pulau Jemuruk

- Pengangkutan air (Bot/feri)

Kubang Badak Bio Geo Trail

- Pejalan kaki, Motorsikal/kereta, Pengangkutan air (bot/feri), Teksi/kereta sewa

Kompleks Kraf Langkawi

- Pejalan kaki, Motorsikal/kereta, Teksi/kereta sewa

Aktiviti

Pantal Pasir Hitam

- Perkhemahan
- Perkelahan

Pantai Pulau Jemuruk

- Perkhemahan
- Perkelahan

Kubang Badak Bio Geo Trail

- Memerhati flora dan fauna
- Kembara hutan


Kompleks Kraf Langkawi

- Pendidikan
- Kraftangan
- Pameran/ekspo



III. Profil Produk Pelancongan Zon C

Rajah C3.9 : Taburan Produk Pelancongan Zon C



Sumber: LASP RTD Langkawi 2030, 2020
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah, 2020
Laman Sesawang LADA dan LADA, 2020
Kajian PPP Pesisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi, 2020

sambungan...

Segmen

Eko-Pelancongan

Produk dan Ciri Tarikan

Pantai Pasir Tengkorak
- Pantai
- Pusat Perniagaan




Pantai Datai
- Pantai
- Spa




Pantai Pebble
- Pantai




Pantai Kok
- Pantai




Air Terjun Temurun
- Flora dan fauna



Air Terjun Telaga Tujuh
- Flora dan fauna



sambungan...

Produk dan Ciri Tarikan

Machinchang Cambrian Geoforest Park
- Flora dan fauna
- ”Sky Bridge”




Segmen

Marina

Telaga Harbour Park
- Memerhati suasana malam
- Makan malam




Segmen

Sukan

Els Golf Club Datai
- Sukan dan rekreasi (Golf)



Segmen

Buatan Manusia

Crocodile Adventure Land
- Memerhati buaya dan reptilia lain





sambungan...

Langkawi Sky Bridge
- Jambatan gantung





Oriental Village
- Ketersediaan pelbagai aktiviti merangkumi Cable Car, membeli-belah dan muzium seni





Langkawi Sky Cab
- "Aerial view"




Island Horse Langkawi
- Berkuda



Langkawi SkyTrex
- Alam Semulajadi
- Flora dan Fauna



Langkawi Sky Rex
- Pendidikan
- Tayangan 3D




Paradise 101 Island
- Taman tema air
- Berlayar atas kapal





sambungan...



Aksesibiliti

Pantai Pasir Tengkorak

- Pejalan kaki ,Kereta/motorsikal, Teksi/kereta sewa

Pantai Datai

- Kereta/motorsikal, Teksi/kereta sewa

Pantai Pebble

- Pejalan kaki, Motorsikal/kereta, Teksi/kereta sewa

Pantai Kok

Pejalan kaki, Motorsikal/kereta, Teksi/kereta sewa

Air Terjun Temurun

- Pejalan kaki, Motorsikal/kereta, Teksi/kereta sewa

Air Terjun Telaga Tujuh

- Pejalan kaki, Motorsikal/kereta, Teksi/kereta sewa

Machinchang Cambrian Geoforest Park

- Pejalan kaki, Motorsikal/kereta, Teksi/kereta sewa

Telaga Harbour Park

- Pejalan kaki, Motorsikal/kereta, Teksi/kereta sewa

Els Golf Club Datai

Kuah	28,950	73	3,721	1,555	81	1,055	35,435	33,687	85	4,025	1,726	115	1,494	41,132
Padang Masirat	8,544	41	197	34	25	329	9,170	9,942	48	213	38	35	466	10,742
Ulu Melaka	12,395	9	65	5	37	3,623	16,134	14,423	10	70	6	52	5,132	19,694
Total	**77,279**	**151**	**4,253**	**1,712**	**212**	**9,177**	**92,784**	**89,924**	**176**	**4,600**	**1,900**	**300**	**13,000**	**109,900**

Sumber: Pocket Stat, Kedah 2019

Carta C4.2: Penduduk Langkawi Mengikut Kumpulan Etnik



Sumber: Pocket Stat, Kedah 2019

C4.2 Profil Semasa – Aktiviti Ekonomi di Kawasan Pesisir Pantai

Pesisir pantai kawasan kajian diperkayakan dengan pelbagai aktiviti ekonomi berasaskan pelancongan: dari penyediaan pelbagai pilihan perkhidmatan penginapan kepada perkhidmatan perjalanan dan rekreasi sehingga kepada pelbagai hidangan dan sajian makanan. Kawasan-kawasan yang terlibat merupakan kawasan tarikan pelancong dengan kehadiran berpuluh ribu pelancong setiap minggu dari dalam negeri dan luar negara. Antara yang menjadi tumpuan adalah Pantai Chenang, Pantai Tengah, Tanjung Rhu, Pantai Kok dan Pasir Hitam. Di tengah-tengah aktiviti pelancongan terdapat 3 aktiviti yang bercanggah iaitu kilang simen, kuari dan pelantar minyak.

i. Perkhidmatan Keperluan Pelancong - Penginapan

Pelancongan adalah aktiviti ekonomi utama sepanjang kawasan pesisir pantai Pulau Langkawi. Untuk memenuhi keperluan pelancong, pelbagai perkhidmatan disediakan. Terdapat pelbagai jenis kemudahan penginapan – dari satu bintang kepada lima bintang. Selain hotel, resort dan chalet, terdapat juga penduduk yang menyediakan pilihan kediaman dalam rumah persendirian – saya mereka istilah sebagai “homestay”. Tidak serupa dengan konsep homestay oleh MOTAC. Mereka memberi sewa rumah untuk diduduki oleh pelancong dalam tempoh yang singkat.

ii. Perniagaan Bebas Cukai

Langkawi mula mendapat perhatian pelancong tempatan apabila diisytiharkan sebagai pulau bebas cukai. Sehingga kini, pulau ini masih lagi menyediakan urusan perniagaan barangan bebas cukai. Dan ini juga antara faktor yang masih kekal sebagai tarikan pelancong. Masih ramai pelancong, khsusnya penduduk negara ini, yang tidak ketinggalan berbelanja membeli barangan bebas cukai untuk dibawa pulang.

iii. Island Hopping

Aktiviti yang semakin mendapat perhatian pelancong ke Langkawi adalah lawatan ke pulau-pulau peranginan di sekitar Pulau Langkawi. Lazimnya, lawatan dilakukan untuk tempoh kurang 12 jam. Aktiviti ini membuka ruang kepada ramai penduduk tempatan untuk menyediakan perkhidmatan, terutama pengangkutan air.

iv. Sajian Makanan

Perkhidmatan sajian makanan adalah antara aktiviti sokongan yang lazim dan tidak boleh tiada dalam industri pelancongan. Terdapat banyak pengusaha yang menyediakan perkhidmatan sajian dalam pelbagai struktur di sepanjang kawasan tarikan pelancong di kawasan kajian: restoran bertaraf 5 bintang, gerai yang disediakan oleh pihak berkuasa sehingga kepada gerai dan food truck. Aktiviti ini bukan sahaja melibatkan penduduk tempatan, malahan terdapat ramai pengusaha makanan dari luar Langkawi. Mereka bukan sahaja menyediakan makanan tempatan tetapi juga sajian negara luar.

v. Pengangkutan Darat

Terdapat 3 mod utama untuk pelancong dan pengunjung/pelawat bergerak di Langkawi: Sewa kenderaan pandu sendiri, teksi dan terkini e-hailing. Kebanyakan pengusaha perkhidmatan tersebut adalah berdaftar dengan agensi masing-masing. Bagaimanapun, masih terdapat individu yang menawarkan perkhidmatan secara bersendirian.

Disamping itu, kini terdapat juga perkhidmatan sewa kenderaan roda dua seperti basikal dan motosikal.

vi. Perniagaan Cenderahati/Hadiah

Perniagaan cenderahati dan hadiah adalah antara perniagaa berskalaa kecil yang dijalankan oleh penduduk tempatan di Kawasan kajian. Tumpun pelanggan adalah pelancong. Sebahagian barangan diperolehi dari pengusaha tempatan. Banyak juga barangan yang dibekal oleh pembekal tempatan diperolehi dari luar Langkawi.

Sumber: Luas Kawasan Mengikut Zon

vii. Perkhidmatan Pengangkutan Air

Kini semakin ramai penduduk tempatan, bukan sahaja yang tinggal di sekitar kawasan kajian, yang menawarkan perkhidmatan pengangkutan air. Selain aktiviti island hopping dan lawatan ke pulau-pulau, "river cruise" dan aktiviti memancing juga telah mendapat perhatian sebahagian pelancong. Di Telaga Harbour, perkhidmatan kapal layar dan aktiviti perahu layar telah mendapat tempat di kalangan pelayar tempatan dan negara jiran.

viii. Perkhidmatan Sukan Air

Pantai Chenang dan Pantai Tengah adalah dua kawasan yang menjadi tumpuan aktiviti sukan air di kawasan kajian. Jet ski adalah paling popular dan menarik ratusan peminat setiap hujung minggu. Perahu layar dan papan luncur juga kini sedang mendapat perhatian pelancong ke Langkawi. Aktiviti ini juga dikendali oleh penduduk tempatan.

ix. Baik Pulih Kapal dan Bot

Di Telaga Harbour ada perkhidmatan membaiki dan baikpulih kapal layar dan bot kecil. Pengangkutan air adalah antara mod pengangkutan penting di Langkawi. Oleh yang demikian perkhidmatan membaiki dan membaikpulih bot dan kapal yang lebih besar perlu disediakan.

x. Pusat Servis dan Baikpulih Kenderaan

Terdapat juga pusat servis dan baikpulih kenderaan di Langkawi dan beberapa di kawasan kampung dan pekan sekitar kawasan kajian. Dengan bertambahnya kenderaan yang diguna oleh pelancong, lebih banyak perkhidmatan akan diperlukan supaya pengusaha boleh memastikaan kenderaan yang mereka sewa atau guna berada dalam keadaan baik dan selamat.

.

xi. Perkhidmatan Persendirian

Antara perkhidmatan yang juga mendapat kunjungan pelancongan adalah pusat-pusat kecantikan. Bukan kerana pelancong datang ke Langkawi khusus untuk perkhidmatan ini, tetapi perkhidmatan kecantikan biasanya datang sekali dengan pelancong, termasuk urut dan spa.

xii. Pembuatan

Kilang simen Kedah Cement adalah satu-satunya kilang yang beroperasi di persisir pantai kawasan kajian.

xiii. Kuari

Satu kawasan kuari juga terdapat sedang beroperasi di dalam kawasan kajian. Kuari ini masih mempunyai lesen pajakan yang sah untuk satu tempoh yang lama

xiv. Pelantar Minyak

Juga terdapat satu pelantar minyak yang dikendalikan oleh petronas berdekatan dengan dua aktiviti di atas dan dalam kawasan kajian.

xv. Perikanan

Di Chenang, terdapat satu pangkalan nelayan berdekatan dengan satu jeti nelayan Chenang. Ini bermakna terdapat aktiviti perikanan yang bermula dari pangkalan ini dan menurunkan tangkapan di jeti nelayan berkenaan.



C4.3 Penemuan Kajian

Sebagai destinasi utama pelancongan, sebahagian besar penduduk bergantung hidup kepada aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pelancongan: perkhidmatan pengangkutan, penginapan, sajian makanan, bekalan dan jualan cenderahati, pemandu pelancong sehingga runcit dan perkhidmatan persendirian. Perkara-perkara berikut adalah penemuan asas yang berkaitan dengan kawasan kajian.

i. Penduduk Tetap

Lawatan tapak mendapati bahawa kawasan kajian mempunyai beberapa kawasan kediaman yang mempunyai penduduk tetap. Antara kawasan berpenduduk tetap melibatkan mukim Bohor dan Padang Mat Sirat. Antara kampung-kampung yang terlibat termasuk Padang Lalang, Ayer Hangat, Bohor Merah, Teluk Ewa, Kampong Ewa, Kg Kelubi, Kubang Badak dan Kg Hijrah. Di Mukim Kg Mat Sirat, kampung-kampung yang terlibat termasuk Kuala Periang, Ranggot, Kg Raja, Pdg Mat Sirat dan Cenek Kura. Di mukim Kedawang pula, termasuk kampong Kedawang, Lubok Buaya, Kg Bubur dan Temonyong. Sebahagian dari penduduk kampung adalah pekerja pelbagai sektor pelancongan.

ii. Penduduk Sementara

Penduduk sementara yang berada dalam kawasan sekitar pesisir pantai adalah pelawat, pelancong (samada yang menyewa bilik atau kediaman dan yang datang tanpa menginap), peniaga dan pekerja resort, pusat membeli belah, pusat hiburan dan rekreasi dan sektor perkhidmatan termasuk perkhidmatan lapangan terbang dan pengangkutan air. Selain pelawat dan pelancong, penduduk sementara adalah mereka yaang berulang dari kediaman masing-masing ke tempat kerja dan perkhidmatan. Kawasan yang paling ramai dengan penduduk sementara adalah di Pantai Chenang.

iii. Perniagaan Oleh Penduduk Setempat

Aktiviti perniagaan utama yang dijalankan oleh penduduk tempatan di kawasan sekitar pesisir pantai adalah sajian makanan dan cenderahati. Kebanyakan mereka berniaga di premis/ruang niaga yang disediakan sama ada oleh LADA atau Majlis Perbandaran Langkawi. Ada juga yang berniaga dengan mengguna “food truck”.

Selain itu, terdapat juga penduduk yang menyediakan perkhidmatan jet ski dan sewa basikal/motorsikal di beberapa kawasan pantai untuk disewa oleh pelancong dan pelawat.

iv. Pusat Perniagaan Utama

Sebagai kawasan pelancongan utama, pusat-pusat perniagaan di Pantai Chenang adalah kawasan perniagaan utama pelancongan bagi kawasan kajian. Selain pusat perdagangan bebas cukai, terdapat pelbagai jenis perniagaan yang ditujukan untuk perkhidmatan pelancong, termasuk pasaraya dan runcit. Pusat perniagaan Pantai Chenang adalah antara tarikan utama pelancong ke Langkawi.

Kawasan ini menawarkan banyak pekerjaan bukan sahaja kepada penduduk setempat tetapi juga penduduk Langkawi amnya dan penduduk luar Langkawi. Selain bandar Kuah, Pantai Chenang adalah kawasan tumpuan pelancong paling aktif.



Pusat Perniagaan Bebas Cukai Pantai Chenang, Langkawi



Pusat Makanan antara perniagaan utama penduduk Langkawi



Anatara perkhidmatan yang ditawarkan di Pantai Tengah Langkawi

v. Perikanan

Antara aktiviti ekonomi penduduk Langkawi adalah perikanan. Dua perkampungan nelayan iaitu Penarak dan Bukit Malut tidak berada dalam kawasan kajian. Namum begitu, secara amnya, sebarang aktiviti yang melibatkan pesisir pantai Langkawi juga akan memberi kesan kepada nelayan di kedua-dua kawasan ini. Bagaimanapun, di kawasan kajian, terdapat satu jeti pendaratan ikan di Pantai Chenang.

Kebanyakan nelayan Langkawi adalah nelayan pesisir pantai. Oleh yang demikian, sebarang aktiviti yang akan memberi kesan kepada hasil tangkapan mereka dan juga memberi kesan kepada aktiviti dan pendapatan nelayan.



Jeti Nelayan Chenang, Langkawi



Antara Pangkalan Bot Nelayan, Langkawi

vi. Aktiviti Bukan Pelancongan

Terdapat tiga (3) aktiviti utama bukan berkaitan secara langsung dengan pelancongan yang terdapat dalam kawasan kajian di pesisir pantai Teluk Ewa. Yang pertama adalah kilang simen yang diusahakan oleh Kedah Cement. Secara purata, kilang ini mempunyai kapasiti pengeluaran sebanyak 5.4 juta tan simen setahun. Selain bekalan untuk sektor pembinaan di Langkawi, simen yang dikeluarkan oleh kilang ini juga dieksport ke luar dari Langkawi.



Kedah Cement, Langkawi

Dua (2) aktiviti lain yang berada berdekatan dengan kilang simen di atas adalah terminal minyak Petronas dan kuari batu. Terminal minyak diusaha oleh Petronas Dagangan manakala kuari oleh MacMohan Construction.



Terminal Minyak Petronas, Langkawi



Kuari di Teluk Ewa, Langkawi

Buat masa ini, tiada isu yang ketara yang melibatkan konflik antara pengusaha aktiviti berkaitan dengan penduduk tempatan. Bagaimanapun, isu berkaitan habuk dan bunyi dari kilang simen dan kuari perlu terus ditangani supaya tidak menjejaskan bukan sahaja kehidupan penduduk yang berdekatan tetapi juga pelancong.

vii. Perniagaan Luar Kawasan Kajian dan Pelancong

Temubual dengan peniaga di kawasan perniagaan penting di luar kawasan kajian iaitu di mukim Padang Mat Sirat dan Ayer hangat mendapati bahawa perniagaan mereka juga menerima pelancong dan pelawat dari kawasan pelancongan utama: Pantai Chenang, Pantai Tengah, dan Tanjung Rhu. Kebanyak pelawat dan pelancong yang datang dengan kenderaan sendiri/sewa dengan sebahagian besar mereka datang untuk makan-makan. Terdapat juga pasaraya yang menerima pelancong/pelawat tetapi bilangan yang datang untuk membeli belah adalah kecil. Pelanggan utama mereka adalah penduduk tempatan.

Kebanyakan perniagaan di kawasan ini diusahakan oleh penduduk tempatan dengan tenaga kerja juga dari kalangan penduduk tempatan.



Perniagaan di luar Kawasan tarikan pelancong



Antara perniagaan makanan di luar kawasan tarikan pelancong yang menerima kunjugan pelancong/pelawat

viii. Perkhidmatan Pelancongan – Sewa Kenderaan

Perkhidmatan pengangkutan awam di Langkawi amnya bergantung kepada perkhidmatan teksi dan e-hailing. Disebabkan permintaan yang besar, ramai penduduk tempatan Langkawi yang menyediakan perkhidmatan kereta sewa. Lazimnya, perkhidmatan ini beroperasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Jeti Kuah. Selain perkhidmatan yang berdaftar, terdapat juga pengusaha kereta sewa yang tidak berdaftar dan menawarkan perkhidmatan melalui laman web persendirian.

ix. Perkhidmatan Pelancongan – Sewa Penginapan

Selain dari hotel, resort and chalet, ramai juga penduduk Langkawi yang mengusahakan perniagaan sewa rumah dengan mengguna konsep "homestay". Mereka menyewa rumah kediaman, pelbagai jenis, untuk tempoh yang singkat, kepada pelawat dan pelancong. Bagi penduduk Langkawi, ini adalah antara bentuk perniagaan yang memberikan pulangan yang baik, kecuali semasa musim Covid-19 menyerang dan membantutkan aktiviti pelancongan.

x. Perkhidmatan Pelancongan – Pengangkutan Air

Antara aktiviti popular dikalangan pelancong dan pengunjung ke Langkawi adalah "island hopping", lawatan ke pulau-pulau dan "river cruise". Buat masa ini, tiada rekod bilangan pengusaha yang terlibat dalam aktiviti ini. Bagaimanapun, selain dari yang mempunyai "tapak" di lokasi utama, terdapat juga individu yang "mendekati" pengunjung, pelawat dan pelancong menawarkan perkhidmatan masing-masing.

xi. Telaga Habour Park – Pangkalan Kapal Layar

Telaga Habour adalah aktiviti perniagaan dan pelancongan serentak. Boleh memuatkan lebih 100 kapal layar dalam satu-satu masa, THP menjadi pusat utama pelayar ke laluan air wilayah sini meliputi Lautan Andaman, Selat Melaka dan Laut Cina Selatan. Selain pelayar Malaysia dan Thailand, THP juga menerima pelayar antarabangsa yang juga melabuhkan kapal layar mereka bagi tempoh masa panjang.

Selain itu, THP juga menyediakan banyak peluang pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk tempatan; dari penginapan dan perkhidmatan sajian kepada bekalan pelayaran dan khidmat teknikal. Perdana Quay adalah kompleks komersial dan penginapan untuk kemudahan bukan sahaja kepada pelayar tetapi juga tetamu dan pelancong.









Telaga Habour Park

C4.4 Analisis Awalan Kajian

Kesan pembangunan pesisir pantai kepada sosioekonomi penduduk kawasan kajian bergantung kepada aktiviti pembangunan yang dijalankan. Sekiranya impak aktiviti yang dilaksana memberi kesan positif ke atas kemasukan pelancong ia akan memberi manfaat kepada penduduk kawasan kajian khsanya dan penduduk Langkawi amnya.

Pertama, ia boleh menjana peluang pekerjaan kepada tenaga kerja yang memasuki pasaran pekerjaan.

Kedua, ia boleh menjana peluang perniagaan kepada penduduk setempat walaupun sekadar penyajian makanan dan jualan cenderahati.

Disamping itu, ia boleh membuka peluang keusahawanan kepada penduduk, khususnya penyediaan pelbagai perkhidmatan pelancongan.

Semua ini akan menjana pendapatan yang lebih baik bagi meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk setempat dan Langkawi.

Disebalik kesan positif, jika pembangunan melibatkan aktiviti tambakan pesisir pantai, implikasinya ada tiga. Pertama, tanah-tanah milik penduduk tempatan akan kekal tidak dibangunkan. Jika adapun pembangunan, pada skala kecil dan kurang kesannya untuk meningkat tahap ekonomi pemilik tanah. Kedua-nya, pembangunan akan menjadi monopoli pemaju bukan penduduk tempatan.

Implikasi ketiga adalah ke atas pemegang taruh yang bergantung hidup kepada sumber laut pesisir pantai. Aktiviti tambakan akan menjejaskan sumber dan peluang mereka menuai sumber. Bagaimanapun, mereka juga boleh mengubah pendekatan punca hidup mereka dengan mengguna kemudahan yang mereka ada untuk tujuan pelancongan dan perkhidmatan pengangkutan air.

C4.5 Isu dan Kekuatan


I S U

- Kebergantungan Pulau Langkawi pada industri pelancongan akan terkesan dari sebarang perubahan aktiviti yang dilakukan ke atas pesisir pantai kawasan kajian.
- Kebimbangan utama sebarang cadangan pembangunan di pesisir pantai kawasan kajian adalah kesan negatif kepada penduduk tempatan, khususnya sumber rezeki bagi mereka yang bergantung kepada hasil laut pesisir pantai
- Aktitivi yang akan dilaksana untuk pembangunan pesisir pantai kawasan kajian akan memberi kesan kepada aktiviti pelancongan semasa. Pengusaha pelancongan perlu mengambil inisiatif untuk mengurangkan impak ke atas pelanggan (pelancong/tetamu) mereka
- Pendedahan kepada kemasukan lebih ramai tenaga kerja dari luar daerah/negeri akan membuka ruang kepada jurang sosial dan sosioekonomi.
- Kebimbangan pembangunan yang dilaksana tidak memberi manfaat kepada penduduk setempat khususnya dan Langkawi amnya.

K E K U A T A N

- Pulau Langkawi sebagai antara destinasi utama pelancongan akan menerima lebih ramai pelancong sekiranya pembangunan pesisir pantai yang dicadang menyediakan lebih banyak daya tarikan pelancong.
- Aktiviti pelancongan air akan membolehkan sebahagian penduduk setempat untuk menukar kerjaya kepada perkhidmatan pelancongan – contohnya nelayan menjadikan bot mereka sebagai kenderaan pelancongan.
- Peluang tambahan kepada penduduk setempat untuk menyediakan perkhidmatan yang diperlukan oleh pelancong seperti kediaman bukan hotel, perkhidmatan sewa kenderaan, kedai cenderahati, sajian makanan dan perkhidmatan peribadi
- Cadangan pembinaan kediaman akan membuka peluang kepada penduduk Langkawi khususnya dan dari luar Langkawi amnya memiliki kediaman di kawasan pelancongan. Ini juga boleh dimanfaatkan untuk menjana pendapatan.
- Menyedia peluang-peluang ekonomi masa hadapan untuk dimanfaat oleh penduduk – pekerjaan dan keusahawanan

PEKERJAAN KAWASAN PESISIR PANTAI



- ❑ Penginapan
  - ▪ Hotel, resort & chalet
  - ▪ "homestay"
- ❑ Pengangkutan Udara
- ❑ Pengangkutan Laut
- ❑ Pengangkutan Darat
- ❑ Lawatan
- ❑ Rekreasi
- ❑ Tarikan
- ❑ Pelayaran
- ❑ Pemandu pelancong
- ❑ Sajian/makanan

- ❑ E-hailing
- ❑ Sewa kenderaan
  - ▪ Kereta, van motosikal dan basikal
- ❑ Komersil – bebas cukai
- ❑ Perniagaan kecil
- ❑ Sajian/makanan
- ❑ Khidmat persendirian
- ❑ Bekalan bahan dan barangan


- ❑ Industri
  - ▪ Simen
  - ▪ Kuari
  - ▪ Pelantar Minyak
- ❑ Komersil
- ❑ Perikanan
- ❑ Pembinaan
- ❑ Khidmat baikpulih kenderaan
- ❑ Klinik

Isu Semasa

- ▪ Tiada data berkaitan bilangan tenaga kerja semasa dan sebelum
- ▪ Tiada data berkaitan asal tenaga kerja
- ▪ Tiada data saiz perniagaan

Isu Semasa

- ▪ Implikasi cadangan pembangunan pesisir pantai ke atas cadangan Langkawi Blue Print – integrated cage fish farming.



Sumber: Rancangan Tempatan Langkawi 2030

PENEMUAN KAJIAN BERDASARKAN KAJIAN SOAL SELIDIK SOSIOEKONOMI.

Satu kajian soalselidik sosioekonomi telah dijalankan pada bulan September. Bilangan sampel adalah 126 ketua isi rumah rumah. Saiz penduduk adalah bilangan isi rumah yang terdapat dalam senarai rumah dari kajian sempadan kampung iaitu 8,027. Ini bermakna sampel yang diambil bersamaan dengan 1.5 % jumlah isi rumah.

Walaupun aktiviti kajian soalselidik dilaksana secara proses pantas dan kaedah persampelan yang diguna adalah sampel random mudah taburan sample dibuat bagi merangkumi kumpulan berikut selain penduduk (67%)

1) Nelayan (8%)
2) Pekerja (15%)
3) Pengusaha (10%)

Setback yang dialami semasa membuat survei adalah hujan dan keengganan penduduk kampung muda menjawab soalan. Bagaimanapun isu ini telah di di atasi melalui bantuan ketua penduduk setempat.

Pasukan kajian juga telah mengadakan perbincangan dengan Pengerusi Persatuan Nelayan dan beberapa ahli jawatankuasa untuk mendapatkan maklumbalas berkaitan persepsi ahli persatuan ke atas cadangan pembangunan Kawasan pesisir pantai. Laporan berkaitan juga disediakan.

Selain itu, untuk mendapatkan maklumbalas lebih terperinci, pasukan kajian juga mengadakan dua perbincangan dengan penduduk secara tidak formal satu di Kg Cenang dan satu di kg Batu Ara. Makluma ini kami jadikan pelengkap kepada persoalan yang timbul dalam penemuan kajian soalselidik.

PROFIL SOSIO-EKONOMI

Profil sosioekonomi penduduk kawasan kajian adalah berdasarkan kepada maklumat yang diperoleh dari kajian soalselidik sosioekonomi dan persepsi pemegang taruh. Secara amnya, majoriti penduduk kawasan kajian adalah Melayu mengikut taburan penduduk bancian 2010. Majoriti penduduk Cina (87.5%) di Langkawi menetap di Kuah, di luar kawasan jajaran kajian. Hanya 4.6% menetap di Padang Mat Sirat dan 1.9% di Ayer Hangat. Dalam pada itu, kajian ini mendapati sebahagian besar penduduk Cina di kedua-dua mukim menetap di kawasan luar dari jajaran pesisir pantai. Bagaimanapun, kajian masih mendapatkan maklum balas dari sebahagian mereka memandangkan jangkaan impak pembangunan akan melangkaui jajaran pesisir pantai. Saiz responden dikalangan penduduk Cina adalah 5.7% dari kedua-dua mukim. Beberapa respondent Cina adalah pekerja di Pantai Chenang yang menetap di luar mukim Padang Mat Sirat dan Ayer Hangat (umumnya penduduk Kuah). Profil responden adalah seperti dalam Jadual berikut.

Jadual 1: Profil Sosioekonomi Kawasan Kajian

Bil	Perkara	Bilangan	Peratusan (%)
1	**Jantina**		
a	Lelaki	85	67.5
b	Perempuan	41	32.5
2	**Etnik**		
a	Melayu	117	92.9
b	Cina	7	5.5
c	India	2	1.6
3	**Saiz Purata Isi Rumah**	**4.8**	
4	**Pendapatan Isi Rumah**		
a	RM 2,000 <	67	53.2
b	RM 2,000 - RM 5000 <	44	34.9
c	RM 5000 - RM 8000<	10	7.9
d	RM 8000 - RM 10,000<	3	2.4
e	RM 10,000>	2	1.6

1. **Jantina:** Walaupun jadual di atas mencatatkan nisbah jantina 207 bagi setiap 100 perempuan, ia tidak mewakili pecahan sebenar disebabkan oleh pendekatan survei adalah ketua keluarga yang ada pada masa survei dijalankan. Oleh kerana lazimnya ketua keluarga adalah lelaki, bilangan responden lelaki adalah lebih ramai. Wakil rumah perempuan menjadi responden bila ketua rumah lelaki tidak berada pada masa berkenaan. Nisbah jantina secara rasmi masih kekal 112:100.

2. **Kumpulan Etnik:** Majoriti penduduk tetap kawasan kajian adalah penduduk Melayu.Jadual di atas mencatatkan 92.9% penduduk adalah Melayu manakala bukan Melayu adalah 7.1%. Penduduk Cina adalah lebih ramai dari penduduk India. Nisbah ini boleh dianggap mewakili penduduk kawasan kajian.

3. **Saiz Isi Rumah**: Penengah saiz isi rumah penduduk kawasan kajian adalah 5 orang: Pasangan dengan 3 orang anak. Bilangan isi rumah terbesar adalah 14 orang. Purata saiz isi rumah adalah 4.8.

4. **Pendapatan Isi Rumah**: Penemuan kajian menunjukkan 53.2% responden mencatatkan pendapatan isi rumah kurang dari RM 2,000 sebulan. Ini bermakna majoriti (53.2%) penduduk kawasan kajian berada dalam kategori B1 (kurang dari RM 2,500).mengikut pengelasan baru isi rumah tahun 2020. Perhatian harus diberikan kepada masa survei ini dijalankan iaitu selepas MCO pandemik covid-19 dan ekonomi Malaysia dan dunia susut pada kadar yang sangat tinggi (untuk tempoh Mac-Jun 2020 susut lebih 24% manakala Julai September dianggar 12%. Penduduk Langkawi juga terkesan dengan pandemik ini di mana tiada pelancong yang tiba di Langkawi untuk tempoh sekatan perjalanan. Ditambah dengan 34.9% penduduk yang mencatatkan pendapatan isi rumah bulanan kurang dari RM 5,000, ia bermakna lebih kurang 88% penduduk kawasan kajian berada dalam kelas B40. Sebahagian besar baki isi rumah berada dalam kumpulan M40 (had pendapatan kurang dari RM 10,970)

5. **Pekerjaan**: Sebahagian besar pekerjaan adalah menjurus kepada perkhidmatan pelancongan. Kecuali lebih kurang 6% responden, sebahagian besar penduduk melibatkan diri dalam pekerjaan yang menyediakan perkhidmatan pelancong. Selain berkhidmat dengan sektor pelancongan secara terus, sebahagian besar adalah dalam bidang perkhidmatan sokongan.

Kekerapan Ke Pantai Dan Sumbangan

Isi ini ditimbulkan bagi menilai kepentingan pantai kepada penduduk terkesan. Dari maklumbalas ini kita akan maklum akan perkara berikut

1) Hampir 44% penduduk ke pantai setiap hari.

2) Satu perlima dari mereka pergi ke pantai seminggu sekali

3) Melalui proses tabulasi silang, didapati bahawa hampir kesemua yang menyatakan pergi ke pantai setiap hari adalah pekerja yang bekerja di premis niaga yang berhampiran dengan pantai dan nelayan.

4) Satu perempat dari mereka sangat jarang pergi ke pantai. Melalui proses tabulasi menunjukan mereka tiada kepentingan untuk ke pantai

5) Jadual pula menunjukkan bahawa kecuali 9 orang (7.1%), majoriti responden (92.9%) termasuk yang jarang-jarang ke pantai, bersetuju bahawa pantai adalah sumber rezeki penting kepada penduduk setempat.

Kekerapan	Bilangan	Peratusan
Setiap hari	55	43.7
Seminggu sekali	27	21.4
Dua minggu sekali	11	8.7
Sebulan sekali	1	0.8
Jarang-jarang	32	25.4
Total	**126**	**100.0**

Jadual : Maklumbalas Bahawa Pantai adalah Sumber Rezeki Penduduk

Kekerapan ke pantai	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Jumlah
Setiap hari	**1**	**1**	**0**	**7**	**46**	**55**
Seminggu sekali	**0**	**0**	**1**	**6**	**20**	**27**
Dua minggu sekali	**0**	**0**	**1**	**3**	**7**	**11**
Sebulan sekali	**0**	**0**	**0**	**1**	**0**	**1**
Jarang-jarang	**0**	**1**	**4**	**12**	**15**	**32**
Jumlah	**1**	**2**	**6**	**29**	**88**	**126**

PERSEPSI TERHADAP CADANGAN PEMBANGUNAN PESISIR PANTAI

Persepsi penduduk terhadap cadangan pembangunan memberi gambaran kebarangkalian penerimaan penduduk ke atas pembangunan pesisir pantai sekiranya ada. Untuk mengetahui sejauh mana kesedaran penduduk Langkawi, khususnya kawasan kajian, berkaitan projek pembangunan yang dilaksana oleh LADA, responden telah ditanya sama ada mereka sedar/tahu projek pembangunan yang diadakan di Langkawi dan di tempat mereka. Respon yang diterima dinyatakan dalam jadual dibawah.

Maklum balas	Projek di Langkawi	Projek Tempat sendiri
Tahu	65.9	29.4
Tidak Tahu	34.1	70.6
	100.0	**100.0**

Secara amnya, maklumbalas positif kepada cadangan membangunkan kawasan pesisir pantai di terima oleh penduduk dengan baik. Alasan yang dinyatakan munasabah dengan tumpuan kepada daya mampu pembangunan menaiktaraf kehidupan penduduk. Bagaimanapun, mereka yang mengambil sikap negatif juga mempunyai alasan yang boleh dijadikan panduan kepada peneraju pembangunan.

1) Ganggu sumber nelayan: Antara kerisauan responden adalah projek yang dicadang akan menjejaskan pendapatan nelayan. Jangkaan mereka adalah pembangunan pesisir pantai akan memberi kesan kepada sumber laut, terutamanya ikan. Disamping itu, ia akan ganggu pergerakan nelayan yang hendak kelaut.

2) Pengambilan tanah: Pembangunan yang dilakukan berkemungkinan melibatkan pengambilan tanah penduduk kampung berhampiran. Mereka menyebut pengalaman lepas dimana pampasan yang dibayar adalah kecil dan sukar untuk mereka yang terlibat untuk berpindah dan mendapatkan tempat baru.

3) Tidak mendatangkan manfaat kepada penduduk terkesan. Sepertimana harapan positif dari responden, responden yang terlibat memaklumkan kemungkinan projek yang dilaksana tidak akan memberi manfaat kepada penduduk kampung terlibat.

4) Kemasukan pelancong yang ramai, terutamanya pelancong asing/luar negara, memberi kesan negatif kepada sosiobudaya penduduk tempatan.

Pandangan lain adalah remeh dan tidak mempunyai implikasi ketara kepada cadangan membangunkan kawasan pesisir pantai.

Jadual berikut menyenaraikan ekpektasi responden kepada cadangan pembangunan pesisir pantai. Ia memberi gambaran apa yang penduduk mahukan jika ada pembangunan dilakukan di kawasan yang berdekatan dengan mereka. Dua perkara utama adalah perumahan dan resort/hotel atau penginapan pelancongan. Perkara kedua adalah menarik untuk dipanjangkan dan tindakan susulan dilakukan untuk memahaminya. Pandangan yang jelas adalah kemunculan resort dan hotel berdekatan dengan kawasan kediaman mereka akan membuka peluang kepada pekerjaan bagi penduduk kampung. Satu lagi sebab adalah kedatangan pelancong ke resort berkenaan akan membuka peluang kepada penduduk untuk berniaga dengan mereka.

Jangkaan Penduduk	Bilangan	Peratusan	Peratusan Kumulatif
Perumahan	31	24.6	25.8
Resort/hotel	33	26.2	53.3
Kemudahan perkelahan	16	12.7	66.7
Ruang berniaga	15	11.9	79.2
Kemudahan rekreasi	6	4.8	84.2
Jeti penumpang	3	2.4	86.7
Lain2	12	9.5	96.7
Tiada Respons	10	7.9	100.0
Total	**126**	**100.0**	

Rumusan

Rumasan kepada cadangan pembangunan pesisir pantai di mukim-mukim berkenaan adalah dinyatakan dalam Jadual di mana empat (4) perkara menjadi asas kepada sokongan penduduk tempatan; pemilikan tanah, manfaatkan penduduk, peluang pekerjaan dan sumber hidup.

Jadual : Rumusan Jangkaan Penduduk

Maklumbalas	Bilangan	Peratus
Tiada keperluan	1	0.8
Jangan ambil tanah	24	19.0
Wajib manfaat penduduk	34	27.0
Tidak ganggu sumber kehidupan	22	17.5
Jana peluang pekerjaan	25	19.8
Kesan sosial yg negatif	1	0.8
Nelayan hilang sumber pendapatan	6	4.8
Buka peluang penduduk tawar perkhidmatan	11	8.7
Lain-lain	2	1.6
Jumlah	**126**	**100.0**

Penemuan Fakta Nelayan Langkawi

1. Persatuan Nelayan Kawasan Langkawi, Bukit Kayu Hitam
2. Jeti nelayan LKIM di Chenang – tidak semua nelayan Langkawi yang turunkan tangkapan mereka di sini.
3. Bilangang Nelayan Langkawi 4,648
   (sumber: Jabatan Perikanan Malaysia)
   - Melayu 3,547
   - Cina 102
   - Thais 963
   - Lain-2 36

3. Bilangan jeti nelayan 29

Masalah Yang Dihadapi Oleh Nelayan Langkawi

1) Sungai cetek dengan mendapan lumpur serius khususnya di beberapa kawasan muara
2) Langkawi ada 29 jeti nelayan, 13 terlibat dengan masalah sungai cetek dan mendapan lumpur
3) 8 muara terlibat: Sungai Temoyong, Sungai Menghulu, Sungai Kelibang, Sungai Ranggut (Kuala Teriang), Sungai Kubang Badak, Sungai Kuah, Sungai Chenang dan Sungai Pengkalan Tepa
4) Jumlah nelayan pantai di Padang Mat Sirat dan Ayer Hangat lebih 1,500 orang (tidak termasuk yang tidak berdaftar dengan Persatuan)
5) Membabitkan hampir 1,000 bot.
6) Nelayan kebanyakan pesisir pantai – melepasi 1.6 batu nautika, balik hari
7) Jarang pergi lebih jauh kerana kos akan meningkat tapi hasil tangkapan tidak meningkat, lagi pun kapal kecil, oleh itu muatan pun kecil.
8) Tangkapan yang susut manakala kos meningkat – beri kesan kepada pendapatan nelayan

Rumusan Penemuan Ke atas Nelayan

- ❑ Pembangunan yang akan dilakukan bukan isu atau masalah kepada nelayan. Tidak bantah.
- ❑ Hanya dua perkara perlu diberikan perhatian akibat dari pembangunan

1) Supaya pembangunan pesisir pantai tidak memberi kesan kepada sumber tangkapan mereka kerana kebnykan nelayan adalah nelayan pesisir pantai
2) Supaya pembangunan pesisir pantai tidak memberi kesan negatif kepada jeti nelayan

- ❑ Hanya satu permintaan: kalau boleh bantu nelayan tambahbaik jeti sedia ada untuk memudahkan lagi nelayan ke laut dan menurunkan tangkapan.

Penemuan Berkaitan Nelayan dan Persepsi Kepada Cadangan Pembangunan Pesisir Pantai

Bilangan peserta 5, termasuk Pengerusi Persatuan Nelayan Langkawi

- Terdapat lebih 4 ribu nelayan di Langkawi
- Tidak semua berdaftar dengan persatuan nelayan, hanya lebih kurang dua ribu sahaja.
- Tidak semua juga berdaftar dengan Jabatan Perikanan Malaysia.
- Bagi Padang Mat Sirat dan Ayer Hangat, bilangan nelayan lebih kurang 1,500
- Bilangan nelayan di Kuala Teriang, Kok dan Kuala Melaka yang berdaftar dengan persatuan lebih kurang 300 orang sahaja
- Semua nelayan adalah Melayu
- Hampir semua adalah nelayan pesisir pantai.
- Nelayan ke laut 2 sesi – ada yang keluar ke laut waktu pagi dan ada yang keluar waktu petang (biasanya tangkap sotong)
- Kebanyakan nelayan Langkawi, termasuk Padang Mat Sirat, menangkap ikan di Zon A (pesisir pantai)
- Kebanyakan nelayan berdaftar mendapat bekalan minyak subsidi
- Purata, pendapatan nelayan kurang RM 2,200 (Hasil tangkapan tolak kos operasi). Ada juga yang lebih..
- Isu utama – hasil tangkapan berkurangan.
- Isu kedua - jeti nelayan perlu ditambahbaik.
- Cadangan utama: wujudkan penempatan nelayan yang teratur. Dengan pelbagai kemudahan termasuk untuk nelayan ke laut dan mendarat ikan dan menjual ikan.
- Cadangan lain: pembangunan yang dicadang jangan memberi kesan kepada sumber tangkapan nelayan, khususnya nelayan pesisir pantai
- Nelayan, umumnya, tidak membantah pembangunan asalkan memberi manfaat kepada penduduk tempatan dan nelayan khususnya.
- Pohon tengok-tengokkan jeti nelayan sedia ada, bantu naiktaraf atau tambahbaik jeti. Mudahkan bot nelayan ke laut dan menaikkan tangkapan.
- Cadangan nelayan tukar profession dengan mengguna bot mereka sebagai bot pelancong. Perlu perincian. Semua peserta berkata kemungkinan besar tidak. Budak2 muda yang menjadi pemandu bot pelancong bukan nelayan.

C5.0



Sektor Infrastruktur dan Utiliti

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

C5.0
Sektor Infrastruktur dan Utiliti

C5.1 Profil Semasa

i. Bekalan Air

Syarikat Air Darul Aman (SADA) merupakan pihak yang bertanggungjawab dalam pembekalan, pembinaan struktur dan pengurusan bekalan air di Pulau Langkawi. Terdapat tiga kawasan tadahan di Pulau Langkawi dengan jumlah kapasiti 6,710 juta liter (Jadual C5.1). Daripada 23 tangki simpanan air di Langkawi, hanya 15 tangki simpanan yang masih aktif dengan jumlah kapasiti simpanan sebanyak 78.692 juta liter (Jadual C5.2). Lokasi tangki simpanan yang masih aktif dan tidak aktif ditunjukkan pada Rajah C5.1.

Jadual C5.1: Perincian Kawasan Tadahan di Langkawi

Kawasan Tadahan	Keluasan	Kapasiti (Juta Liter)
Empangan Malut	3.4 km²	6,300
Bunded Storage Padang Saga	-	300
Bunded Storage Padang Mat Sirat	-	110

Sumber: Syarikat Air Darul Aman, 2020

Jadual C5.2: Senarai Tangki Simpanan di Langkawi

Bil	Tangki Simpanan	Status	Kapasiti (Juta Liter)	Sumber Bekalan	Kawasan Agihan
1	Padang Saga (Baru)	Aktif	13.65	LRA Padang Saga (Fasa 2 & 3) Penarak	Ulu Melaka, Datai, Kuah
2	Padang Saga (Lama)	Tidak aktif	0.455	LRA Padang Saga (Fasa 1)	NA
3	Bukit Cangkuan (Lama)	Aktif	11.4	LRA Bukit Kemboja, Kawasan Tadahan Padang Saga	Pantai Chenang, Pantai Tengah, Kedawang
4	Bukit Changkuan (Baru)	Aktif	4.55		
5	Teluk Nibong (Baru)	Aktif	9.10	Kawasan Tadahan Padang Saga	Teriang, Pantai Kok, Ranggut, Padang Mat Sirat
6	Teluk Nibong (Lama)	Aktif	9.1		
7	Padang Lalang	Aktif	4.55	Padang Saga	Ayer Hangat, Ewa
8	Bukit Dundung	Aktif	4.55	Kawasan Tadahan Padang Saga	Kuah, Kisap
9	Kuah (Lama)	Aktif	4.55	Tangki Padang Saga	Kawasan Tadahan Malut, Taman Langkawi, Taman Indah
10	Kuah (Baru)	Aktif	9.1	Kawasan Tadahan Padang Saga	

sambungan...

Jadual C5.2: Senarai Tangki Simpanan di Langkawi (Sambungan)

Bil	Tangki Simpanan	Status	Kapasiti (Juta Liter)	Sumber Bekalan	Kawasan Agihan
11	Kubang Badak	Tidak aktif	1.502	Kawasan Tadahan Padang Saga	Datai
12	Datai	Tidak aktif	0.91	Kubang Badak	
13	Bukit Malut	Tidak aktif	4.55	Kuah	Malut, Bayas, Temoyong
14	Penarak	Aktif	4.55	Sg. Baru	Kawasan Tadahan Padang Saga, Tuba
15	Pulau Tuba T1	Aktif	1.365	Pulau Tuba T3, LRA Tuba	Pulau Tuba
16	Pulau Tuba T2	Tidak aktif	1.82		
17	Pulau Tuba T3	Aktif	1.365	Penarak	Pulau Tuba, Dayang Bunting
18	Awana Porto Malai	Tidak aktif	0.077	Kawasan Tadahan Changkuan	Awana
19	Pulau Tuba FRP	Aktif	0.182	LRA Pulau Tuba	Pulau Tuba
20	Teluk Kedak	Tidak aktif	NA	Dundung	Langkawi Island Resort
21	Taman Nilam	Tidak aktif	1.0		Taman Nilam
22	Taman Bukit Indah	Aktif	0.3	Tangki Kuah	Taman Indah
23	Taman Sri Aman Baru	Aktif	0.38		Taman Seri Aman


Sumber: Syarikat Air Darul Aman, 2020

Paip agihan utama yang digunapakai di Langkawi adalah jenis UPVC, MS, HDPE, DI dan AC. Terdapat dua saiz paip yang digunakan iaitu saiz 100mm hingga 300m dan saiz 301mm hingga 800mm. Perincian saiz beserta panjang paip agihan di Langkawi ditunjukkan pada Jadual C5.3.

Jadual C5.3: Saiz dan Panjang Paip Agihan di Langkawi

Bil	Material	Saiz	
		100mm - 300mm	301mm - 800mm
1	UPVC	83.396 km	0
2	MS	120.149 km	119.714 km
3	HDPE	216.917 km	0.551 km
4	DI	22.682 km	11.077 km
5	AC	120.854 km	9.491 km

Sumber: Syarikat Air Darul Aman, 2020



Rajah C5.1 : Pelan Lokasi Tangki Simpanan Air Di Langkawi

PETUNJUK :-

- Sempadan Zon Alternatif
- Langkawi Port Limit
- Sempadan Daerah
- Quarantine Anchorage
- Sungai
- Laluan Feri
- Submarine Pipeline
- Submarine Cable
- Jalanraya Langkawi
- Tangki Simpanan Air

Kedalaman Laut

- 2m hingga 0m (Pantai)
- 0m hingga -2m
- -2m hingga -5m
- -5m hingga -10m
- -10m hingga Kebawah

sambungan...

ii. Bekalan Elektrik

Langkawi mendapat bekalan elektrik daripada grid nasional melalui pencawang di Kuala Perlis. Bekalan elektrik ini akan melalui kabel dasar laut iaitu dua kabel berkapasiti 100 MVA dan sebuah kabel berkapasiti 150 MVA. Daripada kabel dasar laut ini, bekalan elektrik seterusnya melalui Pencawang Teluk Apau dengan dua buah pencawang berkapasiti 100 MVA dan sebuah lagi berkapasiti 150 MVA.



Foto C5.1: TNB Substation di Pantai Tengah



Foto C5.2: TNB Substation di Pantai Chenang yang terletak bersebelahan dengan Malibest Resort

iii. Sistem Telekomunikasi

Secara amnya, perlaksanaan rangkaian jalur lebar gentian optik telah pun meliputi keseluruhan Pulau Langkawi. Terdapat dua jenis perkhidmatan jalur lebar yang ditawarkan di Langkawi iaitu jalur lebar talian tetap dan jalur lebar mudah alih. Jalur lebar talian tetap terdiri daripada TM Unifi dan Maxis Fibre. Manakala pembekal jalur lebar mudah alih terdiri daripada Celcom, Digi, Maxis, U Mobile, Unifi Mobile dan Yes. Liputan sistem telefon selular mudah alih telah mencapai 90% di Langkawi.

iii. Sistem Telekomunikasi (Sambungan)

Pada awal tahun 2020, Langkawi menjadi lokasi pertama di Malaysia di mana demonstrasi serta ujian untuk sistem 5G dilaksanakan. Juga dinyatakan, Langkawi bakal menjadi kepulauan pertama yang akan menggunakan jaringan telekomunikasi generasi kelima (5G). Jaringan telekomunikasi 5G ini merupakan sistem telekomunikasi pintar yang pada masa ini masih di peringkat percubaan yang akan mengambil masa selama lima tahun.

Konsep jaringan telekomunikasi 5G ini termasuk untuk pemantauan berbentuk keselamatan bagi membantu pihak berkuasa dalam mengatasi kes jenayah. Teknologi 5G ini adalah bersesuaian dilaksanakan di Langkawi memandangkan kawasan ini merupakan salah satu tumpuan pelancongan utama negara.



Foto C5.3: Sistem teknologi 5G yang dipasang di sepanjang jalan Pantai Chenang bagi tujuan keselamatan dan sekuriti pintar

sambungan...

iv. Sistem Pembetungan

Indah Water Konsortium (IWK) merupakan agensi yang menyelia loji rawatan dan tangki septik. IWK bertanggungjawab untuk merancang dan merasionalisasikan kemudahan-kemudahan pembetungan awam untuk mengurangkan loji-loji olahan yang menggunakan "*multipoint*" atau serantauan. Seterusnya, rangkaian paip-paip pembetungan akan dibina di kawasan bandar yang menggunakan Tangki Septik Individu (*Individual Septic Tank – IST*) dan menyalurkan kumbahan ke kemudahan rawatan sekunder yang moden.

- Dikategorikan kepada dua iaitu pembentungan awam dan pembentungan swasta.
- Punca-punca air kumbahan dapat dibahagikan kepada lima kategori iaitu loji-loji awam, loji-loji swasta, tangki-tangki septik persendirian, sistem primitif (kawasan kampung dan setinggan) dan air basuhan dialurkan terus ke longkang tanpa sebarang bentuk rawatan.
- Pihak Indah Water Konsortium (IWK) bertanggungjawab dalam menyelenggara pembentungan loji awam sahaja.

IWK telah menjalankan operasi dan penyelenggaraan sistem kumbahan awam di Langkawi sejak tahun 1994. Sehingga tahun 2020, terdapat 3 buah loji rawatan kumbahan berpusat dengan 11 lokasi (Jadual C5.4), 11 buah loji rawatan kumbahan awam (Jadual C5.5) dan sebuah fasiliti enapcemar di Langkawi. Secara amnya, didapati keseluruhan penduduk di kawasan kajian telah menggunakan sistem pembetungan dengan baik. Namun begitu masih banyak lagi premis yang tidak bersambung ke loji kumbahan awam.

Terdapat juga loji rawatan kumbahan persendirian (loji swasta) sedia ada disamping penggunaan Tangki Septik Individu (*Individual Septic Tank – IST*) dan juga tandas curah (*pour flush)*.

Jadual C5.4: Senarai Loji Rawatan Kumbahan Berpusat di Langkawi

No	No Aset	Lokasi
Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Kuah (LKI026)		
1	LKI026	Loji Rawatan Kumbahan Serantau (*Regional Sewage Treatment Plant – RSTP*) Kuah
2	LKI018	Pekan Rabu (Stesen Rangkaian Pam / *Network Pump Station - NPS*)
3	LKI019	Jalan Persiaran Putra ((Stesen Rangkaian Pam / *Network Pump Station - NPS 2*)
4	LKI032	Boon Siew Fasa 1
5	LKI039	Desa Impian
6	LKI040	Taman Desa Impian Fasa 3
Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Pantai Tengah (LKI029)		
7	LKI029	Loji Rawatan Kumbahan Serantau (*Regional Sewage Treatment Plant – RSTP*) Pantai Tengah
8	LKI030	Pantai Tengah
Loji Rawatan Kumbahan Berpusat Padang Mat Sirat (LKI031)		
9	LKI031	Loji Rawatan Kumbahan Serantau (*Regional Sewage Treatment Plant – RSTP*) Padang Mat Sirat
10	LKI039	Desa Impian
11	LKI033	Padang Mat Sirat ((Stesen Rangkaian Pam / *Network Pump Station - NPS 2*)

Sumber: Indah Water Konsortium Sdn Bhd, 2020

sambungan...

iv. Sistem Pembetungan (Sambungan)

Jadual C5.5: Senarai Loji Rawatan Kumbahan Awam di Langkawi

No	No Aset	Lokasi
1	LKI004	Taman Sri Berlian
2	LKI005	Taman PKNK Padang Lalang
3	LKI009	Perumahan Awam Kos Rendah Kerajaan
4	LKI017	Perumahan Awam Kos Rendah Kerajaan
5	LKI025	Taman Sri Aman Fasa 1
6	LKI027	Taman Sungai Raya
7	LKI034	Taman Dahlia
8	LKI035	Taman Bukit Indah
9	LKI037	Taman Rima Emas
10	LKI036	Taman Wawasan Indah
11	LKI038	Taman Sentosa Fasa 1

Sumber: Indah Water Konsortium Sdn Bhd, 2020



Foto C5.4: CSTP Pantai Tengah di kawasan Pantai Chenang



Foto C5.5: Loji Ujian AMBBR yang terletak di RSTP Pantai Tengah

v. Pengurusan Sisa Pepejal

Pelupusan sisa pepejal di Langkawi dapat dibahagikan kepada dua iaitu di tapak pelupusan dan menggunakan kaedah teknologi insinerator. Kedua-duanya terletak secara bersebelahan iaitu di Kampung Belanga Pechah. Kaedah teknologi insinerator dihentikan sementara pada masa kini disebabkan proses penggantian peralatan yang baru dan dijangka beroperasi semula pada akhir tahun 2020. Oleh itu, semua sampah dilupuskan di tapak pelupusan yang bukan merupakan tapak pelupusan sanitari.

Di Langkawi, sebanyak 140 tan hingga 230 tan sampah dihasilkan sehari. Jumlah ini terdiri dari sisa daripada penduduk dan meningkat dengan kenaikan ketibaan pelancong.

Bagi Pulau Tuba dan Pulau Dayang Bunting pula, terdapat 60 buah tong berkapasiti 660 liter ditempatkan di pulau tersebut. Terdapat sebuah tapak kitar semula terletak di Pulau Tuba. Disini, sisa organik yang dihasilkan akan diberi kepada penduduk bagi tujuan aktiviti pertanian (baja). Sisa daripada Pulau Tuba akan dibawa ke Pulau Langkawi. Sisa pepejal ini akan dikumpulkan di Tanjung Lembung sebelum dihantar ke tapak pelupusan sisa pepejal.





Foto C5.6: Keadaan semasa tapak pelupusan sampah di Kg. Belanga Pechah

sambungan...

v. Pengurusan Sisa Pepejal (Sambungan)







Foto C5.7: Tapak insinerator Langkawi sedia ada yang terletak bersebelahan dengan tapak pelupusan sampah Kg. Belanga Pechah


vi. Sistem Saliran

Pulau Langkawi terdiri daripada Lembangan Sg. Ulu Melaka dan Lembangan Sg. Chenang. Lembangan Sg. Ulu Melaka merupakan sumber bekalan air utama di Langkawi. Manakala Lembangan Sg. Chenang merupakan yang terutama dari segi kepadatan penduduk. Jadual C5.6 menunjukkan senarai sungai beserta keluasan tadahan. Rajah C5.2 menunjukkan sistem saliran di Langkawi manakala Rjah C5.3 menunjukkan kawasan tadahan mengikut sungai di Langkawi

Jadual C5.6: Senarai Sungai Beserta Keluasan Tadahan di Langkawi

No	Sungai	Keluasan (km²)
1	Sg. Melaka	68.58
2	Sg. Chenang	17.08
3	Sg. Perangin	7.64
4	Sg. China	4.897
5	Sg. Kubang Badak	5.745
6	Sg. Teriang	5.12
7	Sg. Badin	2.92
8	Sg. Tok Keramat	3.66
9	Sg. Temoyong	3.17
10	Sg. Tasik Anak	2.5
11	Sg. Limbong	5.62
12	Sg. Ewa	5.19
13	Sg. Saga	9.59
14	Sg. U	3.24
15	Sg. Bayas	6.76
16	Sg. Batu Papan	1.82
17	Sg. Tok Puteri	10.09
18	Sg. Petang	2.37
19	Sg. Korok	6.47
20	Sg. Batu Asah	5.43
21	Sg. Menghulu	1.59
22	Sg. Ayer Hangat	5.82
23	Sg. Itau	0.9
24	Sg. Batu Gajah	3.154
25	Sg. Kilim	2.046
26	Sg. Ayer Tawar	15.43
27	Sg. Penghulu (Sg. Tok Tukang)	4.384
28	Sg. Kelibang	2.193
29	Sg. Sireh	2.887
30	Sg. Wang Tok Rendong	5.925
31	Sg. Kuah	10.986

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Langkawi, 2020



Rajah C5.2: Sistem Saliran Di Langkawi

PETUNJUK :-


- Sempadan Zon Alternatif
- Langkawi Port Limit
- Sempadan Daerah
- Quarantine Anchorage
- Sungai
- Laluan Feri
- Submarine Pipeline
- Submarine Cable
- Jalanraya Langkawi

Kedalaman Laut

- 2m hingga 0m (Pantai)
- 0m hingga -2m
- -2m hingga -5m
- -5m hingga -10m
- -10m hingga Kebawah

- Sungai
- Lembangan Sungai

- Menara yang Disahkan
- Menara yang Tidak Disahkan



Rajah C5.3: Kawasan Tadahan Di Langkawi

Petunjuk

- Sempadan Zon Alternatif
- Langkawi Port Limit
- Sempadan Daerah
- Quarantine Anchorage
- Sungai
- Laluan Feri
- Submarine Pipeline
- Submarine Cable
- Jalanraya Langkawi

Kedalaman Laut

- 2m hingga 0m (Pantai)
- 0m hingga -2m
- -2m hingga -5m
- -5m hingga -10m
- -10m hingga Kebawah

- Kawasan tadahan (sungai)

C5.2 Penemuan Kajian

i. Bekalan Air

Bagi loji rawatan air, Langkawi mempunyai lima loji rawatan air (Jadual C5.7) dengan tiga daripadanya terletak di Pulau Langkawi, sebuah loji rawatan air di Pulau Tuba dan sebuah loji di Perlis. Rekebentuk kapasiti kelima-lima loji ini adalah sebanyak 87.28 juta liter sehari dan pengeluaran semasa adalah sebanyak 96.46 juta liter sehari. Ini menunjukkan bahawa kawasan Langkawi mengalami kekurangan bekalan air bersih sebanyak 9.18 juta liter sehari atau 9.6% memandangkan pengeluaran semasa melebihi kapasiti rekabentuk sedia ada.

Sebanyak 39% air tidak ter-akuan (*non-revenue water*) dikenalpasti di Langkawi berbanding 47% bagi Negeri Kedah. Secara amnya, seluruh Pulau Langkawi mendapat bekalan air bersih. Isu utama yang dikaitkan dengan kawasan persisiran pantai ialah lokasi petempatan atau premis yang terletak di penghujung sistem bekalan di mana boleh menyebabkan tekanan bekalan air yang rendah.

Jadual C5.7: Loji Rawatan Air Sedia Ada di Langkawi

Loji Rawatan Air	Kapasiti Rekabentuk (Juta Liter Sehari)	Pengeluaran Semasa (Juta Liter Sehari)	Punca Air
Padang Saga 3	18.18	26.00	Sg. Melaka / Empangan Malut
Padang Saga 2	5.46	5.46	Bunded Storage Padang Saga
Bukit Kemboja	8.64	10.00	Sg. Kemboja / Empangan Malut
Pulau Tuba	0.45	0.45	Sg. Teluk Bujur
Sg. Baru	54.55	54.55	Terusan MADA Arau
Jumlah	**87.28**	**96.46**	

Sumber: Syarikat Air Darul Aman, 2020

C5.2 Penemuan Kajian

ii. Bekalan Elektrik

Terdapat dua Pencawang Masuk Utama (PMU) dan enam buah Pencawang Pengagihan Utama (PPU) yang membekalkan elektrik di Langkawi. Perincian PMU dan PPU bagi Langkawi ditunjukkan pada Jadual C5.8 dan Jadual C5.9.

Jumlah keseluruhan kapasiti PMU adalah 240 MVA manakala kapasiti bagi PPU adalah sebanyak 190 MVA.

Jadual C5.8: Keupayaan Pencawang Masuk Utama (PMU) di Langkawi

Nama Pencawang	Keupayaan (MVA)	Kawasan Liputan
PMU Teluk Ewa 132/33	2 x 90 MVA	Teluk Ewa, Ayer Hangat, Kilim
PMU Ulu Melaka 132/33	2 x 30 MVA	Ulu Melaka, Padang Mat Sirat, Ayer Hangat, Batu Asah

Sumber: Draf RTD Langkawi 2030

Jadual C5.9: Keupayaan Pencawang Pengagihan Utama (PPU) di Langkawi

Nama Pencawang	Keupayaan (MVA)	Kawasan Liputan
PPU Kampung Kok	2 x 15 MVA	Pantai Kok, Teluk Burai, Kampung Ewa
PPU Kelibang 33/11 kV	2 x 7.5 MVA	Kelibang, Bukit Malut, Batu Asah
PPU Kuah 33/11 kV	2 x 15 MVA	Bandar Kuah, Kisap
PPU LLC	2 x 30 MVA	Kuah, Penarak, Westin Resort
PPU Lapangan Terbang	2 x 15 MVA	Padang Mat Sirat, Pantai Chenang, Pantai Tengah, Kuala Teriang
PPU Candekura 33/11 kV	2 x 15 MVA	Ulu Melaka, Perana, Kedawang, Pantai Chenang

Sumber: Draf RTD Langkawi 2030

C5.2 Penemuan Kajian

iii. Sistem Telekomunikasi

Sistem telekomunikasi di Langkawi telah pun menggunapakai kabel gentian optik sejak tahun 2014.

Kadar penembusan jalur lebar talian tetap di Langkawi pada suku pertama tahun 2020 adalah sebanyak 5.4% berbanding kadar penembusan jalur lebar mudah alih pada suku pertama tahun 2020 iaitu sebanyak 95.6%.

Jumlah langganan jalur lebar talian tetap di Kedah termasuk Langkawi pada suku pertama tahun 2020 adalah 119,000 orang. Bilangan ini kurang daripada langganan jalur lebar mudah alih pada suku pertama tahun 2020 di Kedah iaitu sebanyak 2,097,100.

Jadual C5.10: Bilangan Menara Telekomunikasi Mengikut Pembekal Telekomunikasi

Nama Pembekal	Rangkaian / Bilangan Menara			
	2G - GSM	3G - UMTS	4G - LTE	5G - NR
Maxis (50212)	17	58	52	-
Celcom (50219)	16	52	51	-
Digi (50216)	2	6	23	-
U-mobile (50218)	-	1	1	-
Webe (502153)	-	-	5	-
Yes (502125)	-	-	19	-
Webe - 50211	-	-	25	-

Sumber: cellmapper.net


Sejumlah 47 menara telekomunikasi sedia ada di Langkawi. Bilangan menara telekomunikasi mengikut pembekal ditunjukkan pada Jadual C5.10 manakala lokasi menara telekomunikasi beserta tahap liputan mengikut pembekal ditunjukkan pada Rajah C5.4 hingga Rajah C5.17.

Pembekal Maxis mempunyai tahap liputan antara 2G-GSM hingga 4G-LTE. Tahap liputan 2G-GSM lebih tertumpu di Zon B1 Pantai Pasir Hitam dan Zon F Bukit Malud. Tiada menara yang disahkan bagi rangkaian liputan 2G-GSM Maxis.

Liputan 3G-UMTS Maxis pula mempunyai tahap liputan yang baik di Zon 3 Pantai Kok, Zon D Padang Mat Sirat dan Zon E Pantai Chenang berbanding Zon A1 Kampung Penarak, Zon A2 Kilim Geoforest Park, Zon B3 Kuari Batu Lafarge Cement dan Zon C2 Hutan Simpan Gunung Machinchang yang tidak mempunyai liputan 3G-UMTS Maxis. Sama seperti 2G-GSM, rangkaian 3G-UMTS tidak mempunyai menara telekomunikasi yang disahkan.

Bagi rangkaian 4G-LTE Maxis, kawasan yang mempunyai liputan telekomunikasi yang baik ialah di Zon A3 Pantai Tanjung Rhu, Zon B1 Pantai Pasir Hitam, Zon C3 Pantai Kok, Zon D Padang Mat Sirat, Zon E Pantai Chenang, Zon F Bukit Malud dan di kawasan Kuah. Zon-zon yang lain juga menerima liputan 4G-LTE tetapi pada tahap yang sederhana dan kurang baik kecuali Zon A1 Kampung Penarak, Zon A2 Kilim Geoforest Park dan Zon C2 Hutan Simpan Gunung Machinchang yang tidak mempunyai liputan 4G-LTE Maxis. Berbanding dengan rangkaian 2G-GSM dan 3G-UMTS, rangkaian 4G-LTE mempunyai 4 menara telekomunikasi yang disahkan iaitu 2 di Zon F Bukit Malud dan 2 lagi di luar kawasan kajian.

Lokasi menara telekomunikasi beserta tahap liputan mengikut rangkaian bagi pembekal Maxis ditunjukkan pada Rajah C5.4 hingga Rajah C5.6.



Analisis keseluruhan CDRI ini adalah berdasarkan dapatan daripada perincian sub-komponen dan parameter kajian setiap sektor. Dapatan ini dibentangkan dengan skor tertinggi dan terendahyang juga dianalisa bagi setiap komponen dan sub-komponen. Sila rujuk Skor Keseluruhan Analisis Komponen Daya Tahan Langkawi untuk penerangan dapatan secara terperinci.



C7.3.1.2 Proses pengendalian *Climate Disaster Resilience Index (CDRI)*



Rajah C7.58: Proses pengendalian CDRI

(Sumber: Garis Panduan Perancangan Tahap Daya Tahan Bencana Bandar-Bandar di Malaysia, 2019)

C7.3.2 Hasil Analisis Climate Disaster Risk Index (CDRI)


C7.3.2.1 Skor Keseluruhan Analisis Komponen Daya Tahan Langkawi

Berdasarkan penilaian *Climate Disaster Risk Index* (CDRI) yang diadakan menerusi sesi *Technical Working Group* (TWG) dan *Focus Group Discussion* (FDG) bersama pihak agensi-agensi kerajaan dan pemegang taruh tempatan seperti pengusaha hotel/resort di Langkawi pada 7 Julai 2020 dan 21-23 Julai 2020. Terdapat 68 responden yang terdiri dari agensi-agensi teknikal di peringkat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, pihak swasta dan NGO.

Skor Daya Tahan keseluruhan bagi Pulau Langkawi adalah **3.23** yang berada dalam kategori **Memuaskan**. Skor tertinggi direkodkan pada komponen **Fizikal** dengan capaian skor 3.54 (kategori Memuaskan) dan skor terendah adalah daripada komponen **Ekonomi** dengan nilai skor 2.97 (kategori Sederhana). Rujuk perincian pada Jadual C7.20 untuk skor keseluruhan komponen dan sub-komponen pada Jadual C7.21.

Jadual C7.20: Skor Keseluruhan Analisis Komponen Daya Tahan Langkawi

Skor Keseluruhan Analisis Komponen Daya Tahan Langkawi	3.23
Fizikal	**3.54**
Sosial	3.37
Ekonomi	**2.97**
Institusi	3.09
Alam sekitar	3.18
Skor Daya Tahan: **1-2: Rendah** / **2-3 : Sederhana** / **3-4: Memuaskan** / **>4: Tinggi**	



Rajah C7.59 : **Skor Keseluruhan Analisis Komponen Daya Tahan Pulau Langkawi**


C7.3.2.2 Skor bagi setiap Sub-komponen Analisis CDRI Langkawi

Jadual C7.21: Skor bagi setiap Sub-komponen Analisis CDRI


Skor Daya Tahan:	1-2: Rendah	2-3 : Sederhana	3-4: Memuaskan	>4: Tinggi
Rajah 1A: Analisis CDRI Langkawi (Fizikal)				3.54
F1-Bekalan elektrik				3.87
F2-Bekalan air				3.56
F3- Sisa kumbahan dan pengurusan sisa pepejal				3.47
F4- Jalanraya				3.66
F5-Perumahan dan guna tanah				3.15
Rajah 1B: Analisis CDRI Langkawi (Sosial)				3.37
S1- Populasi				3.15
S2-Kesihatan penduduk				3.40
S3- pendidikan dan kesedaran				3.64
S4- Modal sosial				3.20
S5-Kesiapsiagaan komuniti semasa bencana				3.48
Rajah 1C: Analisis CDRI Langkawi (Ekonomi)				2.97
E1- Pendapatan				3.13
E2-Pekerjaan				3.36
E3-Asset isi rumah				3.68
E4-Kewangan dan simpanan				2.22
E5-Bajet dan subsidi				2.47
Rajah 1D: Analisis CDRI Langkawi (Institusi)				3.09
E1-Pendapatan				2.64
I2-Kecekapan rangka pengurusan krisis				3.28
I3-Kecekapan institusi				3.29
I4-Kerjasama institusi bersama organisasi dan pihak berkepentingan/stakeholders				3.27
I5-Tadbir urus				3.09
Rajah 1E: Analisis CDRI Langkawi (Alam Sekitar)				3.18
AS1-Intensiti bahaya alam sekitar				2.73
AS2-Kekerapan bahaya alam sekitar				3.52
AS3-Perkhidmatan ekosistem				3.03
AS4-Guna tanah				3.21
AS5-Dasar alam sekitar dan keselamatan makanan				3.40

Penilaian *Climate Disaster Resilience Index (CDRI)* Pulau Langkawi menunjukkan skor daya tahan Pulau Langkawi berada pada tahap memuaskan (3.23). Skor tertinggi direkodkan pada komponen Fizikal (3.54) dan skor terendah pada komponen/sektor Ekonomi (2.97). Sub-komponen CDRI pula merekodkan skor teringgi pada bekalan elektrik (3.87) dan sub-komponen kewangan dan simpanan (2.22). Sektor ekonomi, alam sekitar dan institusi perlu diberikan perhatian langsung dalam pembangunan strategi pengurangan risiko bencana dan pengukuhan tahap daya tahan bandar/komuniti.


C7.3.2.3 *Spider Web* bagi Skor setiap Sub-komponen Analisis CDRI Langkawi




Analisis CDRI Langkawi (Fizikal)




Analisis CDRI Langkawi (Sosial)



Analisis CDRI Langkawi (Ekonomi)



Analisis CDRI Langkawi (Institusi)



Analisis CDRI Langkawi (Alam Sekitar)

C7.3.2.4 Nilai Skor Tertinggi dan Terendah berdasarkan Analisis CDRI Langkawi

Jadual C7.22: Nilai Skor 5 Tertinggi

F1-Bekalan elektrik	**3.87**
E3-Asset isi rumah	3.68
F4- Jalanraya	3.66
S3- Pendidikan dan kesedaran	3.64
F2-Bekalan air	3.56

Skor Daya Tahan:	1-2: Rendah	2-3 : Sederhana	3-4: Memuaskan	>4: Tinggi

Jadual C7.23: Nilai Skor 5 Terendah

E4-Kewangan dan simpanan	**2.22**
E5-Bajet dan subsidi	2.47
E1-Pendapatan	2.64
AS1-Intensiti bahaya alam sekitar	2.73
I5-Tadbir urus	2.94

Skor Daya Tahan:	1-2: Rendah	2-3 : Sederhana	3-4: Memuaskan	>4: Tinggi

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, tahap daya tahan Pulau Langkawi untuk menghadapi bencana adalah pada tahan yang memuaskan. Dengan keupayaan sektor fizikal terutamanya bekalan elektrik, air dan sistem jaringan jalan raya yang baik, menyokong sistem daya tahan tempatan untuk menyerap tekanan, menerima impak bencana, dan berupaya berfungsi ketika/selepas berlakunya bencana. Malah, skor pendidikan dan tahap kesedaran bencana yang tinggi di kalangan agensi kerajaan, swasta, komuniti setempat, memudahkan penerimaan kemajuan dan pelaburan berasaskan pengurangan risiko bencana (Disaster Risk Reduction, DRR) di masa hadapan. Walaubagaimanapun, sektor ekonomi menunjukkan tahap kerapuhan dengan ketidaksediaan sumber kewangan, simpanan , bajet dan subsidi sekiranya di landa bencana berskala besar. Ini ditambahi pula dengan kadar intensiti bahaya alam sekitar yang direkodkan, malah kegusaran pihak pemegang tarujh terhadap sistem tadbir urus bandar harus diberikan perhatian sewajarnya. Data asas CDRI ini boleh dijadikan panduan dalam pembentukan strategi, polisi dan pelan perancangan dan pengurusan pembangunan persisiran pantai yang mempunyai karekter sesebuah bandar berdaya tahan seperti lasak/teguh, kepelbagaian fungsi, berulangan, kebolehsuaian, dan keberkesanan memberikan perkhidmatan.

C7.4 Isu dan Kekuatan

I S U

1. Jumlah populasi 110,500 orang penduduk dengan kedatangan hampir 4 juta pelancong ke Pulau Langkawi pada tahun 2019 menunjukkan keperluan mendesak dalam peningkatan pengurusan risiko bencana berasaskan teknologi yang lebih moden.
2. Daerah Langkawi tidak mempunyai *Local Disaster Risk Reduction Resilience Strategies* seperti yang disarankan oleh UNDRR.
3. Sistem pengurusan bencana lebih berpusat yang turut menyukarkan proses respon, mitigasi dan kesiapsiagaan terutama dalam situasi bencana yang ekstrem / berskala besar
4. Data-data geobencana termasuk rekod-rekod kerosakan aset/kemusnahan infrastruktur dan kematian/kecederaan tidak diselaraskan.
5. Analisa *Climate Disaster Resilience Index* (CDRI) menunjukkan indeks daya tahan bencana yang rendah dalam komponen/sektor Ekonomi (kewangan/simpanan/bajet/subsidi/pendapatan), Alam Sekitar (intensiti) dan Urus Tadbir.
6. Mitigasi bencana perlu dirangka berasaskan konsep pelbagai fungsi bagi teknologi komunikasi, dan sistem amaran awal/hebahan.
7. Jumlah hotel/resort yang berdaftar/berlesen di Langkawi adalah rendah yang menyukarkan proses pengukuhan aspek urus tadbir dan pengurusan risiko bencana di persisiran pantai.
8. Tahap pelaburan DRR masih rendah dengan budget tahunan dari pihak agensi-agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan tidak diberikan keutamaan khusus.

K E K U A T A N

1. Kekuatan pengurusan risiko bencana di Langkawi bergantung kepada kecekapan agensi-agensi teknikal dan responder dalam memberi bantuan kecemasan dan penyelamatan awal kepada mangsa-mangsa bencana. SOP ketika bencana menjadi kekuatan, walaupun jumlah aset perlu ditambahbaik dan dipertingkatkan.
2. Penglibatan sektor swasta terutama pengusaha resort dan hotel amat baik ketika bencana.
3. Berdasarkan analisa CDRI, tahap kesedaran bencana adalah tinggi di Langkawi di mana aspek mengarusperdanakan DRR lebih mudah diimplementasi dan diterapkan di masa depan.
4. Teknologi 5G berpotensi besar untuk diperluaskan dalam menguruskan risiko bencana. APM selaku sekretariat pengurusan bencana daerah wajar diberikan tugas khusus.
5. Kehadiran pelancong luar negara memberi aspek positif dalam meningkatkan jumlah pelaburan DRR (*Disaster Risk Reduction, DRR*).
6. Pelaburan bersama dari pihak swasta terutama pengusaha resort bertaraf 5 bintang dalam usaha mitigasi berstruktur dan mengurangkan risiko mendatang adalah memberangsangkan.
7. Pengetahuan setempat (*local knowledge*) amat penting dalam membangunkan sistem amaran awal yang lebih komprehensif.
8. Tahap kesediaan kerajaan negeri untuk pelaburan DRR adalah tinggi untuk mengekalkan status antara 10 pulau pelancongan terbaik dunia.

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

C8.0



Sektor Sains Marin

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

C8.0
Sektor Sains Marin

C8.1 Analisis

i. Analisis kualiti air marin (pantai)

Bagi stesen pemantauan kualiti air marin pantai di Langkawi, terdapat sebanyak 8 stesen kesemuanya dan kualiti air diwakili oleh bacaan Indeks Kualiti Air Marin (IKAM) yang mempunyai bacaan dari 0 hingga 100 serta dikelaskan kepada 4 kategori utama iaitu Terbaik, Baik, Sederhana dan Tercemar. Daripada stesen pemantauan ini, 7 stesen adalah dari jenis aktiviti rekreasi dan hanya stesen Pantai Kuah yang dikelaskan sebagai stesen aktiviti perikanan. Bagi bacaan IKAM yang direkodkan di stesen pantai di Langkawi menunjukkan bahawa kesemua stesen adalah dalam kategori Terbaik kecuali Pantai Teluk Nibong yang menunjukkan kategori Baik.

Daripada data yang direkodkan secara tahunan iaitu dari tahun 2011 hingga 2018, secara umumnya kesemua stesen menunjukkan perubahan kualiti air yang meningkat terutamanya untuk stesen di Pantai Teluk Burau, Pantai Teluk Nibong dan Pantau Tengah. Ini termasuk juga di stesen Pantai Kuah yang menunjukkan perubahan kualiti air dari 74 (Sederhana) pada 2011 kepada 94 (Terbaik) pada tahun 2018.

Jadual C8.1: Indeks Kualiti Air Marin (IKAM) bagi Stesen Pantai di Langkawi

Nama stesen	Klasifikasi aktiviti	Tahun								Kategori (2018)
		2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	
Langkawi Island Resort	Rekreasi	74	74	61	80	71	66	90	94	Terbaik
Pantai Kok	Rekreasi	60	60	69	82	72	66	83	94	Terbaik
Pantai Kuah	Perikanan	74	74	62	80	71	71	91	94	Terbaik
Pantai Pasir Tengkorak	Rekreasi	73	73	84	82	85	68	93	94	Terbaik
Pantai Teluk Burau	Rekreasi	56	56	82	88	70	64	85	84	Terbaik
Pantai Teluk Nibong	Rekreasi	55	55	75	79	74	63	91	84	Baik
Pantai Tengah	Rekreasi	-	-	69	70	68	60	87	94	Terbaik
Pantai Beras Basah	Rekreasi	-	-	-	-	-	-	93	94	Terbaik

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Kategori	Nilai Indeks
Terbaik	90 – 100
Baik	80 - <90
Sederhana	50 - <80
Tercemar	0 - <50

C8.0
Sektor Sains Marin

ii Analisis kualiti air marin (pulau)

Bagi stesen pemantauan kualiti air Pulau di Langkawi, terdapat sebanyak 13 stesen kesemuanya namun terdapat beberapa stesen pemantauan yang baru iaitu seperti stesen di Dayang Bunting 2, Pulau Pasir, Pulau Gasing dan Pulau Dangli di mana data bagi stesen-stesen ini hanya ada pada tahun 2017 dan 2018. Daripada stesen pemantauan air marin pulau ini, hanya 4 stesen dikategorikan sebagai kategori pulau Pembangunan iaitu stesen Pantai Kuah, Pantai Chenang, Tanjung Rhu dan Teluk Ewa manakala stesen lain adalah dalam kategori aktiviti peranginan dan taman laut.

Bagi bacaan IKAM yang direkodkan di stesen Pulau di Langkawi menunjukkan bahawa kesemua stesen adalah dalam kategori Terbaik kecuali stesen di Pantai Chenang yang menunjukkan kategori Baik. Daripada data yang direkodkan secara tahunan iaitu dari tahun 2011 hingga 2018, secara umumnya kesemua stesen menunjukkan perubahan kualiti air yang meningkat dari tahun 2011 hingga ke 2014 dah agak menurun pada tahun 2015 dan 2016 terutamanya bagi stesen di Pantai Kuah dengan bacaan IKAM sebanyak 51 (Sederhana) pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan kualiti air yang ketara dari 2017 hingga 2018 bagi stesen ini serta stesen-stesen yang lain.

Jadual C8.2: Indeks Kualiti Air Marin (IKAM) bagi Stesen Pulau di Langkawi

Nama stesen	Klasifikasi aktiviti	Tahun								Kategori (2018)
		2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018	
Singa Besar	Peranginan	73	80	74	83	73	61	90	93	Terbaik
Dayang Bunting 1	Peranginan	69	28	76	89	71	60	91	93	Terbaik
Dayang Bunting 2	Peranginan	-	-	-	-	-	-	93	93	Terbaik
Payar	TamanLaut	82	82	84	79	73	75	91	94	Terbaik
Kaca	TamanLaut	82	82	86	82	75	74	93	94	Terbaik
Segantang	TamanLaut	-	-	85	84	75	70	91	94	Terbaik
Pantai Kuah	Pembangunan	64	74	74	75	69	51	90	94	Terbaik
Pantai Chenang	Pembangunan	75	88	83	86	73	63	74	82	Baik
Tanjung Rhu	Pembangunan	79	95	69	86	88	67	92	94	Terbaik
Teluk Ewa	Pembangunan	75	73	81	67	74	74	92	94	Terbaik
Pasir	Peranginan	-	-	-	-	-	-	93	94	Terbaik
Gasing	Peranginan	-	-	-	-	-	-	94	94	Terbaik
Dangli	Peranginan	-	-	-	-	-	-	92	94	Terbaik

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

C8.0
Sektor Sains Marin

iii. Analisis logam berat dalam sedimen marin

Pembangunan yang tidak terkawal di pesisir pantai telah mengakibatkan kesan-kesan negatif seperti mengganggu tahap kesihatan dan produktiviti ekosistem marin serta pencemaran di kawasan sekitarnya. Berdasarkan kajian lepas menunjukkan bahawa kepekatan kandungan logam berat Kobalt (Co), Zink (Zn) dan Plumbum (Pb) di dalam sedimen adalah sedikit tinggi sekaligus menggambarkan berlaku pencemaran yang berpunca daripada aktiviti pembangunan pesat di kawasan daratan sekitar ataupun aktiviti daripada aktiviti kelautan.

Nilai yang tinggi ini mungkin disebabkan oleh aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan bot, perikanan serta sisa-sisa pengecatan bot di mana aktiviti ini jelas berlaku di hampir kesemua kawasan yang disenaraikan.

Jadual C8.3: Kandungan logam berat dalam sedimen marin (Co – Kobalt, Cr – Kromium, Cu – Kuprum, Ni – Nikel, Pb – Plumbum, Zn – Zink)

Nama logam berat	Pulau Dayang Bunting	Pulau Tuba	Selat Kuah	Pantai Chenang	Datai	Sungai Kilim	Kuala Triang	Pantai Kok	Perairan Pulau Dangli	Tanjung Rhu	Nilai piawai (berdasarkan purata nilai *shale*)
Co (µg/g)	**61**	**43**	**24**	-	-	8	-	-	9	-	19
Cr (µg/g)	13	10	6	-	-	-	76	47	76	54	83
Cu (µg/g)	7	7	4	7	20	12	18	27	-	36	45
Ni (µg/g)	41	25	14	-	-	-	-	-	-	-	68
Pb (µg/g)	**89**	**67**	**35**	**43**	**53**	**36**	**33**	**27**	-	16	20
Zn (µg/g)	31	42	31	-	-	67	84	**102**	-	**132**	95

Sumber: Idris et al. (2009), Kamaruzzaman et al. (2011), Zahir et al, (2012), Jamil & Mohd Lias (2013), dan Mokhtar et al. (2019)

C8.0
Sektor Sains Marin

iv. Analisis kepelbagaian biodiversiti marin (terumbu karang)


Terumbu karang Malaysia dilindungi dibawah Akta Kualiti Alam Sekitar (1974), Akta Perikanan (1985), Akta Racun Makhluk Perosak (1974), dan Akta Kuarantin Tumbuhan (1976). Ekosistem terumbu karang sangat sensitif terhadap perubahan sekitarnya terutamanya pada suhu, saliniti, dan sedimentasi. Secara amnya, Langkawi UNESCO Global Geopark (LUGG) terletak di bahagian utara Selat Melaka, yang paling hampir dengan sempadan Malaysia dan Thailand. Kawasan ini mempunyai kekeruhan yang tinggi dengan kadar pemendapan yang tinggi.

Menurut kajian terdahulu, sebanyak 39 spesies karang keras dan lembut telah direkodkan. Secara keseluruhan, julat litupan karang hidup adalah sekitar 12% hingga 70%. Pulau Puchong dan Pulau Gubang Laut telah mencatatkan peratusan litupan karang tertinggi dengan nilai 61%. Sementara itu, terumbu karang di Telok Datai didapati mempunyai kepelbagaian biologi tertinggi dari segi genera. Peratusan karang mati yang tinggi adalah tertumpu di sekitar kawasan pulau utama dengan merekodkan julat antara 52% hingga 85%.

Jadual C8.4: Peratusan jenis terumbu karang di beberapa kawasan utama

	Peratusan terumbu karang (%)		
Kawasan	Terumbu karang keras (hard coral)	Terumbu karang mati (dead coral)	Lain-lain
Teluk Datai	39	48	13
Perairan utara (North Coast)	22	38	40
Pulau Dangli	42	55	3
Pulau Gasing	20	75	5
Pulau Pasir	20	77	3
Perairan Timur Laut (North East Coast)	17	65	18
Pulau Langgun	35	52	13
Pulau Tanjung Dendang	12	65	23
Pulau Gubang Laut	61	37	2
Pulau Puchong	61	28	11
Pulau Cepu	50	15	35
Pulau Singa Besar	59	37	4
Pulau Beras Basah	59	36	5
Pulau Intan Besar	60	34	6
Pulau Intan Kecil	27	68	5
Pulau Tepor	15	85	-

Sumber: Jamil et al. (2017), Affendi (2005), Lee et al., (2005), Jonsson (2003), Hendry dan McWilliams (2002)



Rajah C8.1: Lokasi Dan Jenis Terumbu Karang Di Beberapa Kawasan Utama Di Langkawi

PETUNJUK :-

- Sempadan Zon Alternatif
- Langkawi Port Limit
- Sempadan Daerah
- Quarantine Anchorage
- Sungai
- Laluan Feri
- Submarine Pipeline
- Submarine Cable
- Jalanraya Langkawi


Kedalaman Laut

- 2m hingga 0m (Pantai)
- 0m hingga -2m
- -2m hingga -5m
- -5m hingga -10m
- -10m hingga Kebawah

Peratusan Terumbu Karang

- Terumbu Karang Keras
- Terumbu karang mati
- Lain-lain

Rajah C8.2: Foto sebahagian terumbu karang yang berada di perairan Langkawi (di sekitar Perairan Pulau Dangli)



C8.0
Sektor Sains Marin

v. Analisis pemerhatian penyu di sekitar Langkawi

Penyu adalah reptilia dengan mempunyai cangkerang keras yang melindunginya dari pemangsa. Ia adalah antara kumpulan reptilia tertua dan paling primitif, yang telah berkembang berjuta-juta tahun yang lalu. Penyu hidup di seluruh dunia dalam hampir semua jenis iklim. Menurut Sistem Maklumat Taksonomi Bersepadu (ITIS), penyu adalah berasal dari order *Testudin*, suborder kepada *Cryptodira* dan dalam kumpulan keluarga super iaitu *Chelonioidea*.

Di perairan Langkawi, terdapat dua spesies penyu yang sering di jumpai oleh komuniti perikanan iaitu dari spesies Penyu Karah/Sisik dan Penyu Hijau/Agar.

Warna penyu Karah adalah coklat buah zaitun atau coklat tua atau kehitaman. Penyu ini boleh membesar sehingga lebih 1 meter dengan berat badannya di antara 135 – 270 kg. Makanan utamanya adalah rumpai laut dan rumpair.

Penyu Agar juga dikenali sebagai "penyu hijau" mengikut warna lemak dalam badannya yang berwarna hijau. Penyu ini juga dikenali sebagai penyu sisik. Ianya mempunyai karapas yang keras dan nampak seperti sisik-sisik yang bertindih. Warna badannya adalah coklat , bersaiz sederhana dan boleh membesar sehingga 70 – 90 sm dengan berat badannya di antara 35 – 75 kg. Bentuk paruh mulutnya yang menyerupai paruh helang.

Rajah C8.3: Penyu Karah dan Penyu Agar yang pernah dijumpai di sekitar perairan Langkawi




Penyu Karah/Sisik (Eretmochelys imbricata)



Penyu Agar/Hijau (Chelonia mydas)

Sumber: Jabatan Perikanan



Sumber: Jabatan Perikanan

Rajah C8.4: Beberapa Lokasi Di Mana Penyu Pernah Dijumpai Di Langkawi

PETUNJUK :-

- Sempadan Zon Alternatif
- Langkawi Port Limit
- Sempadan Daerah
- Quarantine Anchorage
- Sungai
- Laluan Feri
- Submarine Pipeline
- Submarine Cable
- Jalanraya Langkawi

Kedalaman Laut

- 2m hingga 0m (Pantai)
- 0m hingga -2m
- -2m hingga -5m
- -5m hingga -10m
- -10m hingga Kebawah

- Tempat pemerhatian penyu

C8.0
Sektor Sains Marin

vi. Analisis mengenai spesies invasif marin

Spesis invasif ialah spesis yang bukan asli kepada satu ekosistem dan boleh menyebabkan bahaya kepada sosial, ekonomi atau kepada alam sekitar. Salah satu spesis invasif yang hadir di Langkawi ialah obor-obor. Daripada data yang diperolehi, jumlah kes obor-obor boleh dikatakan agak tinggi setiap tahun contohnya sebanyak 34 kes pada 2016, 39 kes pada 2017, 61 kes pada 2018, 32 kes pada 2019 dan 11 kes pada 2020 (sehingga Ogos). Daripada data ini juga menunjukkan kes sengatan obor-obor yang dilaporkan di Pantai Chenang adalah yang tertinggi, iaitu sebanyak 139 kes) berbanding di Pantai Tengah (37 kes) dan Pantai Payar (1 kes). Daripada data yang dirujuk, spesies jenis box jellyfish adalah spesies yang paling banyak dijumpai.

Bagi data terdahulu yang direkodkan dari bulan Januari 2012 hingga Disember 2014 yang dilaporkan di bahagian kecemasan di Hospital Langkawi, didapati terdapat 759 pesakit yang menunjukkan simptom sengatan obor-obor. Bagi data ini, bilangan kes adalah paling tinggi pada bulan Julai, Oktober, November dan Disember. Daripada kesemua kes ini, 68.1% adalah pelancong luar dan sebanyak 40.4% kes berlaku di antara jam 12:00 tengah hari sehingga 6:59 petang. Daripada data ini juga, didapati kebanyakan kes sengatan obor-obor berlaku di Pantai Chenang (590 kes) diikuti dengan dengan Pantai Tengah dan Pantai Kok.

Jadual C8.5: Laporan bilangan kes sengatan obor-obor di Langkawi (2016-2020)

Kawasan/Tahun	2016	2017	2018	2019	2020 (sehingga Ogos)	Jumlah (setiap kawasan)
Pantai Chenang	27	25	50	27	10	139
Pantai Tengah	7	13	11	5	1	37
Pantai Payar	0	1	0	0	0	1
Jumlah (setiap tahun)	34	39	61	32	11	**177**

Sumber: Angkatan Pertahanan Awam (APM)

Rajah C8.5:Gambar obor-obor ***(Chironex sp.)*** yang dirakam di Telaga Harbour, Langkawi pada 12 Mei 2010 (foto oleh T. Marinis).



Sumber: Lippmann, et al., (2011)

Rajah C8.6: Obor-obor ***(Chironex sp.)*** yang ditangkap di Langkawi pada bulan Jun 2010.



Sumber: Lippmann, et al., (2011)


C8.0
Sektor Sains Marin

vii. Analisis kenaikan aras laut purata

Daripada data cerapan dan analisis aras laut purata dari Januari 1986 sehingga ke Oktober 2018, didapati paras Aras Laut Purata berubah dari 1.916 meter (minimum) sehingga 2.483 meter (maksimum). Nilai paras maksimum ini direkodkan pada bulan Oktober 2010. Data terkini menunjukkan paras Aras Laut Purata pada 2.289 meter. Purata cerapan aras laut ini ialah 2.237 meter.

Jika dilihat dari pergerakan Aras Laut Purata tahunan, terdapat kenaikan dan penurunan yang sekata dari setahun ke setahun. Walau bagaimanapun, jika dibuat garis tren (trendline) untuk kesemua data, ianya menunjukkan garis tren yang menaik dengan persamaan y=0.0003x + 2.1782. Ini bermakna jika diambil 30 tahun (360 bulan) lagi bermakna nilai y (Aras Laut Purata) ialah 2.286 meter, iaitu sedikit tinggi dari nilai purata pada 1986-2018 (2.237 meter) atau berlaku kenaikan purata sebanyak 0.049 meter (sekitar 5 cm) pada tahun 2050 nanti.

Rajah C8.7: Data cerapan Aras Laut Purata setiap bulan dari Januari 1986 hingga Oktober 2018 beserta garis tren kenaikan



Sumber: JUPEM


C8.0
Sektor Sains Marin

viii. Analisis ramalan kenaikan aras laut

Daripada ramalan kenaikan aras laut yang telah dimodelkan untuk tahun 2030, didapati terdapat kenaikan yang positif atau menaik bagi kawasan persisiran pantai Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Secara umumnya, kenaikan ini adalah sebanyak 0.10 meter. Jika difokuskan kepada kawasan perairan Langkawi sahaja, ramalan kenaikan dari setahun ke setahun juga menunjukkan tren menaik tetapi agak perlahan.

Pada 2020, jumlah kenaikan adalah hanya sebanyak 0.07 meter dan agak kecil. Ramalan kenaikan dari tahun 2030 sehingga 2100 menunjukkan jumlah kenaikan adalah bermula dari 0.10 meter sehingga 0.51 meter. Beberapa kawasan di Langkawi adalah dijangka akan mengalami kesan kenaikan ini pada tahun 2100 nanti.

Rajah C8.8: Kadar ramalan kenaikan aras laut dari tahun 2020 hingga 2100 di Langkawi




Sumber: NAHRIM

Jadual C8.6: Ringkasan ramalan kenaikan aras laut dari tahun 2020 hingga 2100

Tahun	Ramalan kenaikan (m)
2020	0.07
2030	0.10
2040	0.15
2050	0.20
2060	0.25
2070	0.31
2080	0.38
2090	0.45
2100	0.51

Sumber: NAHRIM



Sumber: NAHRIM

Rajah C8.9: Beberapa Lokasi Yang Diramalkan Mengalami Kenaikan Aras Laut Pada Tahun 2100 Di Langkawi

PETUNJUK :-

- Sempadan Zon Alternatif
- Langkawi Port Limit
- Sempadan Daerah
- Quarantine Anchorage
- Sungai
- Laluan Feri
- Submarine Pipeline
- Submarine Cable
- Jalanraya Langkawi


Kedalaman Laut

- 2m hingga 0m (Pantai)
- 0m hingga -2m
- -2m hingga -5m
- -5m hingga -10m
- -10m hingga Kebawah

1 Kawasan yang terkesan oleh kenaikan aras laut pada tahun 2100

C8.0
Sektor Sains Marin

Kawasan yang terkesan oleh kenaikan paras laut pada tahun 2100



1 Kawasan Sg. Teriang



4 Kawasan muara Sg. Temoyong



2 Kawasan di bahagian selatan lapangan terbang



5 Kawasan di sekitar Bukit Malut



3 Kawasan di bahagian selatan lapangan terbang



6 Kuah

Sumber: NAHRIM

C8.0
Sektor Sains Marin

Kawasan yang terkesan oleh kenaikan paras laut pada tahun 2100



7 Kuah



10 Penarak



8 Kuah



11 Tanjung Rhu



9 Penarak




12 Pantai Tanjung Rhu

Sumber: NAHRIM

C8.0
Sektor Sains Marin

Kawasan yang terkesan oleh kenaikan paras laut pada tahun 2100



13 Tanjung Rhu

Sumber: NAHRIM


C8.0
Sektor Sains Marin

ix. Analisis Pendaratan ikan marin di Langkawi

Berdasarkan daripada data pendaratan ikan di Perairan Langkawi, didapati pendaratan ikan marin tertinggi adalah pada tahun 2016 dengan kadar pendaratan 13,483.63 Tan Metrik. Di susuli dengan tahun 2018 (13,151.99 Tan Metrik) dan 2012 (13,055.95 Tan Metrik).

Kadar Hasil Pendaratan Per Nelayan mula menurun pada tahun 2012 hingga 2014 dengan julat nilai 2.08 hingga 2.42 Tan-Metrik/Nelayan. Walaubagaimanapun, kadar pendaratan dilihat bertambah semula pada tahun 2018.

Rajah C8.10: Data Pendaratan Ikan, Jumlah Nelayan berdaftar dan Hasil Pendaratan Per Nelayan Bagi Perairan Langkawi Dari Tahun 2009 – 2018



Sumber: Jabatan Perikanan Malaysia

C8.0
Sektor Sains Marin

x. Sumber Marin (Akuakultur)

Selain pelancongan, akuakultur merupakan antara aktiviti penting di Langkawi di mana secara keseluruhannya, terdapat sebanyak 29 orang pengusaha atau penternak ikan dalam sangkar dengan keluasan 74245 meter persegi (atau 3396 petak). Daripada bilangan pengusaha ini, terdapat satu pengusaha yang menternak rumpai laut (seaweed) di bahagian Pulau Pasir dan Pulau Gasing. Selain ikan dalam sangkar, terdapat 3 pengusaha ikan kolam marin iaitu di Kg Padang Lalang, Kg Sungai Itau dan Kg Kuala Temoyong. Bagi projek ikan air tawar, terdapat 4 pengusaha iaitu di Kg Sungai Itau (Mukim Ayer Hangat), Kampung Belanga Pecah (Jalan Ayer Hangat), Kolam Pusat Pertanian Mata Ayer (Jalan Matsirat) dan Kampung Teluk (Mukim Ulu Melaka).

Bagi ikan hiasan terdapat 3 orang pengusaha yang menjalankan aktiviti ini dengan keseluruhan sebanyak 213 buah tangki (luas 3300 meter persegi)

Langkawi juga terkenal dengan gamat dan mempunyai satu projek penyelidikan pembangunan gamat bersepadu Langkawi yang diuruskan oleh Institut Penyelidikan Perikanan (FRI). Spesies gamat yang diusahakan dinamakan sebagai Trepang (*Holothuria Scabra*) dan mempunyai kandang di Perairan Teluk Yu. Selain gamat, FRI juga telah mengusahkan projek penyelidikan rumpai laut dan laktut di mana aktiviti pembenihan juga dijalankan di kolam penetasan di FRI Langkawi, Bukit Malut


Jadual C8.7: Maklumat akuakultur di Langkawi

Jenis ternakan	Bilangan Pengusaha	Jumlah Petak/kolam/tangki	Keluasan (meter persegi)
Ikan Sangkar	29 orang	3396 petak	74245
Kolam Ikan Marin	3 orang	8 buah kolam	14100
Kolam Tangki Air Tawar	4 orang	29 buah kolam	2254
Ikan Hiasan	3 orang	213 buah tangki	3300



Rajah C8.11: Beberapa spesies ikan yang terlibat dalam aktiviti akuakultur di Langkawi

Sumber: Jabatan Perikanan dan Institut Penyelidikan Perikanan



Sumber: Jabatan Perikanan

Rajah C8.12: Lokasi Bagi Projek Akuakultur Di Langkawi

PETUNJUK :-

- Sempadan Zon Alternatif
- Langkawi Port Limit
- Sempadan Daerah
- Quarantine Anchorage
- Sungai
- Laluan Feri
- Submarine Pipeline
- Submarine Cable
- Jalanraya Langkawi

Kedalaman Laut

- 2m hingga 0m (Pantai)
- 0m hingga -2m
- -2m hingga -5m
- -5m hingga -10m
- -10m hingga Kebawah

- Projek ikan sangkar
- Projek kolam marin
- Projek ikan air tawar
- Rumpai laut

C8.0
Sektor Sains Marin

Langkawi juga terkenal dengan gamat dan mempunyai satu projek penyelidikan pembangunan gamat bersepadu Langkawi yang diuruskan oleh Institut Penyelidikan Perikanan (FRI).

Spesies gamat yang diusahakan dinamakan sebagai Trepang (*Holothuria Scabra*) dan mempunyai kandang di Perairan Teluk Yu. Selain gamat, FRI juga telah mengusahkan projek penyelidikan rumpai laut dan laktut di mana aktiviti pembenihan juga dijalankan di kolam penetasan di FRI Langkawi, Bukit Malut.

Rajah C8.13: Foto mengenai aktiviti akuakultur gamat dan rumpai laut di Langkawi








Sumber: Jabatan Perikanan dan Institut Penyelidikan Perikanan


C8.0
Sektor Sains Marin

xi. Analisis kawasan penting bagi Mamalia Laut

Kawasan perairan Pulau Langkawi telah diiktiraf sebagai kawasan yang penting bagi Mamalia Laut atau dikenali sebagai "Important Marine Mammal Area (IMMA)", setelah Marine Mammal Protected area task Force (MMPATF) mengenalpasti kawasan dari kepulauan Satun ke Langkawi memenuhi kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Kawasan ini meliputi seluas dari pesisir tanah besar negeri Kedah ke Selat Melaka dengan keluasan 5,493 km^2. Empat kriteria utama yang diambilkira untuk menentukan kawasan yang layak sebagai IMMA adalah kerentanan spesis dan populasi yang menghuni kawasan tersebut, taburan dan kepadatan mamalia yang menghuninya, aktiviti kitaran hidup yang utama seperti makanan dan pembiakan, dan ciri istimewa seperti kawasan tersebut dihuni oleh spesis yang pelbagai atau mempunyai genetik yang istimewa.

Di dalam kawasan perairan tropika yang cetek ini, ianya menjadi tumpuan bagi berkumpulnya ikan Dolfin. Menurut sumber MARECET Langkawi Dolphin Research (2015), terdapat beberapa spesies ikan dan mamalia laut yang jarang ditemui tetapi dapat dilihat di kawasan perairan Langkawi, antaranya ialah Irrawady Doplhins (Orcaella brevirostris) Indo Pacific Bottlenose Dolphins (Tursiops aduncus), Whale Shark (Rhinodoh typus), indp pacific finless (Neophocaena phocaenoides), dan Bryde Whale (Balaenoptera edeni). Hasil penyelidikan MARECET juga mendapati bahawa kawasan ini terutamanya di sekitar Kepulauan Langkawi menjadi salah satu kawasan tumpuan di Indo-Pasifik untuk wilayah Asia Tenggara bagi ikan dolfin. Perkumpulan dolfin ini juga pernah ditemui berkumpul dalam jumlah yang besar dengan ukuran kumpulan lebih dari 100 individu, ia juga dikenali sebagai "superpods" dan fenomena ini berlaku berdekatan perairan Langkawi.

Rajah C8.14: Peta Kawasan Penting bagi Mamalia Laut (IMMA) untuk Kepulauan Satun-Langkawi.



Sumber: *Marine Mammal Protected area task Force* MMPATF, 2020

C8.0
Sektor Sains Marin

xii. Konflik kawasan mamalia laut dan laluan feri/kapal

Kawasan perairan Langkawi merupakan kawasan laluan migrasi hidupan marin bagi mamalia laut dan ikan. Terdapat beberapa spesies yang jarang ditemui di Langkawi seperti Whale Shark (*Rhinodoh typus*) dan Bryde's Shark (*Balaenoptera edeni*) Selain itu, laluan feri menjadi salah satu kemudahan asas yang menghubungkan Langkawi dengan tanah besar di Kedah serta laluan ke luar negara.

Menurut kajian, pengangkutan marin yang tidak terkawal akan memberi kesan negatif terutamanya terhadap terhadap hidupan laut. Hal ini demikian kerana, kebisingan bawah laut akan mengganggu mamalia laut. Gelombang tinggi yang dihasilkan oleh enjin feri dan kapal akan menganggu pendengaran mamalia laut seperi ikan lumba-lumba dan ikan paus.

Rajah C8.15: Indo Pacific Finless Porpoise




Sumber: Ocean Park Conservation Foundation Hong Kong

Jarak pendengaran dan sensitiviti setiap spesies mamalia laut berbeza oleh itu, tahap kebisingan bawah laut yang menghasilkan gelombang akan mengakibatkan perubahan antara pergerakan berenang, kelajuan, pernafasan dan mungkin mengakibatkan kecederaan fizikal dan kematian.

Rajah C8.16: Indo Pacific Humpback dolphin



Sumber: Thomas A. Jefferson



Sumber: MARECET (2015)

Rajah C8.17: Konflik Kawasan Tumpuan Mamalia Laut Dan Spesies Ikan Dengan Laluan Feri Dan Kapal

PETUNJUK :-

- Sempadan Zon Alternatif
- Langkawi Port Limit
- Sempadan Daerah
- Quarantine Anchorage
- Sungai
- Laluan Feri
- Submarine Pipeline
- Submarine Cable
- Jalanraya Langkawi

Kedalaman Laut

- 2m hingga 0m (Pantai)
- 0m hingga -2m
- -2m hingga -5m
- -5m hingga -10m
- -10m hingga Kebawah

- Pelabuhan/Jeti
- Pelabuhan Polis Marin
- Lapangan Terbang

- *Indo Pacific Finless Porpoise*
- *Indo Pacific Humpback Dolphin*
- Dugong
- *Whale shark*
- *Bryde's shark*


C8.0
Sektor Sains Marin

xiii. Analisis kesan aktiviti manusia terhadap terumbu karang

Salah satu kesan aktiviti manusia terhadap kawasan marin yang perlu diberi perhatian adalah kesan kepada kawasan terumbu karang. Kesan yang berlaku kepada terumbu karang ini akan juga menyebabkan kualiti biodiversiti marin rendah dan seterusnya banyak spesies ikan atau haiwan laut yang bergantung kepada kawasan terumbu karang akan berkurangan. Bagi menilai kesan aktiviti manusia terhadap kawasan penting ini, satu kajian telah dibuat di peringkat global. Kajian tersebut telah memodelkan tahap ancaman yang mungkin berlaku kepada terumbu karang pada masa akan datang.

Jenis-jenis ancaman yang digunakan dalam model ini adalah seperti pembangunan pesisir, penangkapan ikan yang tidak lestari, pencemaran laut dan darat, serta ancaman yang berkaitan dengan iklim yang disebabkan oleh peningkatan kadar gas rumah kaca di atmosfera. Didapati pada tahun 2030 dan 2050 nanti, kebanyakan kawasan terumbu karang yang ada di Langkawi dan direkodkan sebelum ini akan mengalami ancaman yang Sangat Tinggi dan Kritikal. Kebanyakan kawasan yang mengalami tahap ancaman yang Kritikal ialah kawasan terumbu karang di bahagian utara seperti di kawasan Teluk Ewa, Teluk Yu dan sebahagian di Teluk Datai.

Rajah C8.18: Ramalan tahap ancaman kepada kawasan terumbu karang di Langkawi pada tahun 2030 (kiri) dan tahun 2050 (kanan)



Sumber: Lauretta et al., (2011)

C8.0
Sektor Sains Marin

C8.2 Isu dan Kekuatan

I S U

- Pemeliharaan sistem persekitaran marin banyak bergantung kepada Badan Bukan Kerajaan dan agak terhad kepada agensi-agensi kerajaan yang ada di Langkawi.
- Banyak maklumat-maklumat mengenai kawasan terumbu karang dan kesihatan terumbu karang yang terkini tiada dan lebih bergantung kepada data yang agak lama.
- Nelayan tidak berdaftar tetap menjalankan aktiviti tangkapan
- Penggunaan pukat karang dikawasan berdekatan pantai merosakkan terumbu
- Kurang jelas/tiada syarat-syarat atau garis panduan bagi pelancongan yang baik untuk di amalkan oleh komuniti dan masyarakat tempatan di kawasan marin
- Tambatan kapal layar pada kawasan yang tidak sepatutnya seperti Kawasan terumbu dan laluan
- Kawasan pantai/laut di tanah persendirian memberi kesan kepada hasil tangkapan
- Pembangunan di kawasan pantai yang kurang pemantauan

K E K U A T A N

- Langkawi mempunyai beberapa kawasan marin yang agak baik terutamanya di bahagian Tanjung Rhu dan Kilim Geoforest di mana kawasan ini menjadi tumpuan kepada beberapa spesis mamalia laut.
- Beberapa kawasan seperti Pulau Dangli, Pulau Gasing dan Pulau Pasir masih mempunyai kawasan terumbu karang yang agaik baik dan boleh menjadi satu tarikan baru seperti kawasan eko-pelancongan.

C8.0
Sektor Sains Marin

C8.2 Isu dan Kekuatan

I S U

- Kemerosotan terumbu karang pada tahap yang membimbangkan
- Terjadinya hakisan di kawasan pesisir pantai serta muara sungai
- Pembuangan sisa-sisa minyak oleh pengusaha-pengusaha bot pelancong
- Pencemaran dari resort serta hotel-hotel di kawasan pantai
- Pembuangan sisa-sisa kapal kargo (Ballast water)
- Masalah hakisan tebing sungai serta kemusnahan pokok-pokok bakau akibat aktiviti pelancongan
- Sampah sarap kelihatan banyak terapung ketika air pasang yang menyebabkan kawasan pantai kotor
- Undang-undang yang tidak tegas (tiada Akta yang boleh disabitkan kesalahan)
- Kurang pemantauan daripada agensi-agensi Penguatkuasaan
- Bot peronda Jabatan yang agak uzur serta kekurangan anggota
- Kurangnya program dan kempen kesedaran
- Terlalu banyak pembangunan terutama di kawasan pesisir
- *Jet ski* pelancong sering menceroboh kawasan terumbu karang
- Pencerobohan vesel pukat jerut bilis sering menangkap ikan berhampiran dengan pulau
- Pencerobohan perairan oleh nelayan asing dan nelayan yang tidak berlesen

K E K U A T A N

- Negeri Kedah telah mengunapakai peraturan Zon Konservasi. Untuk makluman, Zon Konservasi lebih menjurus kepada pengurusan berasaskan ekosistem setempat. Kawasan yang dicadangkan adalah 0 hingga 1 batu nautika dari tikas minimum pasang surut, sejajar dengan Surat Pekeliling Pengezonan Semula Kawasan Menangkap Ikan di Perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia bertarikh 28 Mac 2014.
- Program Ecosystem Approach to Fisheries Management (EAFM) telah diperkenalkan di Pulau Langkawi sejak tahun 2014 sehingga kini bagi memelihara dan memulihara ekosistem marin yang melibatkan pelbagai pihak berkepentingan di seluruh Langkawi.
- Terdapat dua spesies penyu yang di percayai sering kelihatan di perairan Langkawi. Ianya dari spesies Penyu Karah/Sisik dan Penyu Hijau/Agar. Oleh itu, dapat memperkasa Akta Perikanan 1985 (Akta 317); Syeksen 27 & 38.
- Masih terdapat populasi terumbu karang yang sihat di perairan selatan Pulau Langkawi. Sebagai contoh Pulau Puchong telah mencatatkan peratusan litupan karang tertinggi dengan nilai 61%.

C8.0
Sektor Sains Marin

C8.3 Rumusan

Pembangunan Pesisir Pantai

Pembangunan di zon pesisir pantai terkait dengan penempatan manusia, industri, akuakultur, atau infrastruktur yang akan memberi kesan yang mendalam kepada ekosistem pantai. Kesan pembangunan pesisir terhadap ekosistem terumbu boleh berlaku melalui kerosakan fizikal secara langsung seperti pengorekan atau penambakan tanah, dan secara tidak langsung melalui peningkatan limpahan sedimen, pencemaran dan kumbahan. Sebilangan besar sedimen akan mengalir keluar ke perairan pantai ketika kerja-kerja pembukaan tanah dan pembinaan sedang dijalankan. Dalam kuantiti yang tinggi, sedimen dapat melitupi, melemahkan, dan membunuh karang dan organisma bentik lain. Dalam kuantiti yang rendah, ia dapat mengurangkan keupayaan *zooxanthellae* (alga yang bersimbiosis dengan karang) untuk melakukan fotosintesis dan secara tidak langsung akan memperlahankan pertumbuhan karang.

Selain itu, kumbahan adalah bahan pencemar yang memainkan peranan kepada peningkatan tekanan terhadap ekosistem marin di perairan ini. Dengan kadar nutrien yang tinggi yang terdapat dalam kumbahan mendorong berkembangnya plankton yang menyekat cahaya dan mendorong pertumbuhan alga yang bersaing untuk mendapatkan ruang di terumbu. Bahan kimia yang bertoksik juga menjadi penyumbang utama kepada keruntuhan ekosistem marin. Sumber bahan kimia beracun dalam limpasan pantai meliputi industri, akuakultur, dan pertanian, serta isi rumah, kebun, dan juga padang golf. Kehadiran bahan kimia yang bertoksik ini telah terbukti akan mempengaruhi pertumbuhan karang pada kepekatan yang sangat rendah dan secara tidak langsung menjadi penyumbang kepada kemerosotan ekosistem terumbu karang di perairan Langkawi.

C8.0
Sektor Sains Marin

C8.3 Rumusan dan Sintesis

Pencemaran Berasaskan Kawasan Tadahan Air

Pencemaran ini adalah lebih berfokus pada hakisan dan limpahan baja nutrien daripada sektor pertanian yang dihantar oleh sungai ke perairan pesisir. Kegiatan manusia di kawasan pedalaman juga mempengaruhi perairan pantai dan terumbu karang. Dengan aktiviti pembukaan tanah baru dan pembalakan di lereng-lereng bukit untuk tujuan pertanian mahupun pembangunan domestik, ia akan menyebabkan hakisan tanah berlaku ketika hujan lebat dan akan menambah berjuta tan sedimen ke dalam sistem perparitan dan sungai. Selain itu, pengaliran keluar baja (iaitu nutrien) dan racun perosak yang digunakan untuk agrikultur turut menambahkan pencemaran nutrien yang besar ke saluran air yang menuju ke laut.

Perlombongan juga merupakan ancaman yang lebih menjurus ancaman setempat melalui limpasan sedimen atau larut lesap racun kimia. Tahap nutrien yang berlebihan seperti nitrogen dan fosforus di perairan pesisir pantai yang cetek (eutrofikasi) dapat mendorong pertumbuhan fitoplankton di dalam air, yang menyekat cahaya dari sampai ke karang, atau mereka boleh menyebabkan pertumbuhan alga yang cepat di dasar laut dan secara tidak langsung akan menjadi pesaing kepada karang. Kesan eutrofikasi boleh menyebabkan hipoksia, di mana penguraian alga dan organisma lain menggunakan kesemua oksigen di dalam air dan menyebabkan "zon mati" dan akhirnya keruntuhan kepada ekosistem marin akan berlaku.

C8.0
Sektor Sains Marin

C8.3 Rumusan dan Sintesis

Pencemaran Dan Kerosakan Berasaskan Marin

Pencemaran ini termasuk sisa pepejal, nutrien, racun daripada pemasangan dan penghantaran minyak dan gas, dan kerosakan fizikal dari sauh dan pendaratan kapal. Di perairan Langkawi, terdapat banyak kapal komersial, rekreasi, dan penumpang melewati kawasan terumbu setiap hari, membawa sejumlah ancaman berpotensi, termasuk air tongkang yang tercemar, kebocoran bahan bakar, kumbahan mentah, sisa pepejal, dan spesies invasif. Terumbu karang turut terdedah kepada kerosakan fizikal daripada peristiwa bot terkandas, melabuhkan sauh, dan tumpahan minyak. Sumber pencemaran berasaskan laut dengan cepat dapat merosakkan kesihatan terumbu karang. Sebagai contoh, peristiwa tumpahan minyak, kebocoran rig dan saluran paip, atau daripada pelepasan kapal boleh memberi kesan jangka pendek dan jangka panjang (kronik).

Kajian mengenai batu karang yang terdedah kepada minyak telah mengenal pasti tindak balas tekanan yang serius di antara lain adalah kematian tisu, perubahan kadar inkalsifikasi, pengusiran zooxanthellae dan kematian larva. Selain daripada itu, spesies invasif secara tidak sengaja diangkut dari lokasi yang jauh di dalam sistem air pemberat (ballast water) di perairan Langkawi juga mempengaruhi komuniti karang serta keseimbangan ekosistem marin di sesebuah kawasan. Sebagai contoh, kehadiran spesies obor-obor yang bertoksik daripada spesies *Chironex sp.* telah mula menular di perairan Langkawi. Ini akan mengancam keselamatan pelancong yang berkunjung di Langkawi secara tidak langsung akan menjejaskan industri pelancongan di rantau ini.

C8.0
Sektor Sains Marin


C8.3 Rumusan dan Sintesis

Penangkapan Ikan Secara Berlebihan & Merosakkan

Penangkapan ikan secara berlebihan dan merosakkan iaitu termasuk amalan penangkapan ikan atau invertebrata yang tidak lestari, dan merosakkan seperti penggunaan bahan letupan atau racun. Sedia maklum, perikanan terumbu telah lama menyediakan sumber makanan dan mata pencarian kepada masyarakat pesisir khususnya kepada komuniti perikanan. Pengurusan yang baik amat perlu bagi menjadikan sumber perikanan seperti ini dapat menjadi sumber yang lestari. Namun, populasi manusia yang semakin meningkat, kaedah penangkapan ikan yang lebih cekap, dan permintaan yang semakin meningkat daripada sektor pelancongan dan pasaran antarabangsa telah mempengaruhi stok ikan dengan ketara. Penggunaan pukat dan mesin tangkapan yang tidak sesuai serta tidak mematuhi zon kawasan penangkapan merupakan faktor kepada kerosakan ekosistem marin.

Pematuhan zon penangkapan seperti Zon Konservasi (1 batu nautika) dari titik pangkal, kadang kala tidak dipatuhi oleh bot-bot besar seperti bot bilis menyebabkan terumbu karang rosak dan menggangu kawasan bagi pembiakan ikan. Tangkapan berlebihan dan tidak terkawal juga yang berpunca dari nelayan yang tidak berdaftar/berlesen dan telah menyebabkan agensi perikanan sukar mengawal sumber. Selain daripada itu, pencerobohan oleh nelayan asing turut berlaku di perairan Langkawi. Kekurangan jentera (bot peronda yang agak uzur) dan anggota untuk melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan menjadi faktor utama penyumbang kepada peningkatan pencerobohan oleh nelayan asing di perairan ini untuk mengaut dari hasil perairan Langkawi.

Rajah C8.19. Menunjukkan pengezonan semula kawasan penangkapan ikan



Sumber: Jabatan Perikanan

Rajah C8.20: Zon konservasi pada jarak 1 batu nautika dari tikas minumum pasang surut sejajar dengan Surat Pekeliling Pengezonan Semula Kawasan Menangkap Ikan di Perairan Pantai Barat Semenanjung Malaysia bertarikh 28 Mac 2014.



C8.0
Sektor Sains Marin

C8.4 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, mana-mana pembangunan yang dijalankan di pesisir pantai Langkawi akan memberi kesan kepada terumbu karang dan habitat ikan, kehadiran haiwan laut lain seperti tempat pendaratan penyu dan juga mengubah keadaan fizikal kedalaman dasar laut seperti proses tambakan dan pembinaan struktur-struktur kekal lain. Tambahan lagi, sistem marin juga akan mengalami kesan yang teruk untuk jangka masa panjang sekiranya aktiviti manusia seperti pelancongan dan pengangkutan di laut semakin rancak. Walaubagaimanapun, aspek pembangunan, pelancongan dan aktiviti lain amatlah penting untuk merancakkan lagi ekonomi di Langkawi. Oleh itu, perancangan yang teliti dan berkesan amatlah perlu sekiranya satu-satu projek pembangunan hendak dijalankan. Faktor penting yang perlu diberi perhatian adalah mengenalpasti kawasan yang mempunyai nilai biodiversti marin yang tinggi contohnya seperti kawasan terumbu karang. Maklumat ini kemudiannya perlu disediakan dan dilampirkan bersama-sama dengan pelan pembangunan yang akan dibuat dan penilaian yang terperinci perlu dilaksanakan untuk mengetahui apakah kesan sesuatu projek pembangunan tersebut kepada sistem marin. Konsep *Sustainable Development* (Pembangunan Lestari) untuk kawasan pesisir pantai dan marin boleh juga diambil kira sebagai salah satu kaedah dalam membuat sesuatu pembangunan dan pada masa yang sama mengurus dan memelihara sumber marin secara bijaksana.

C9.0



Sektor Alam Sekitar dan KSAS

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

C9.0
Sektor Alam Sekitar dan Kawasan Sensitif Alam Sekitar


C9.1 Profil Semasa

i. Kualiti Air Sungai


Terdapat sebanyak lima (5) stesen pengawasan kualiti air sungai yang telah ditempatkan oleh pihak Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia bagi memantau kualiti air sungai di kawasan kajian. Lima stesen ini terletak di Sg. Kisap, Sg. Melaka, Sg Petang, Sg. Chenang dan Sg Tuba di Pulau Tuba (Rajah C9.1). Stesen di Sg Chenang dan Sg Tuba hanya mula beroperasi pada 2018. Rajah C9.2 menunjukkan trend bacaan indeks kualiti air (IKA) dari 2013 hingga 2018 untuk kesemua stesen di kawasan kajian. Purata indeks tahunan IKA di kesemua stesen pengawasan di kawasan kajian bagi tahun 2013 sehingga 2018 berada di tahap bersih.

Sg Kisap dan Sg Petang mencatatkan kualiti air sungai bersih sepanjang tempoh enam tahun tersebut dengan bacaan IKA melebihi 80. Namun begitu, rekod IKA di stesen Sg Chenang yang mula beroperasi pada 2018 mencatatkan IKA 54 (tercemar). Sg Chenang ini terletak di lembangan Sg Melaka di mana kawasan tepubina adalah dominan berbanding dengan kawasan bukan tepubina. Kawasan tepubina ini adalah kawasan pelancongan aktif yang menjadi tempat tumpuan pelancong. Pelepasan air tidak terawat, sampah sarap dan efluen dari premis pelancongan termasuk restoran dan gerai-gerai mempengaruhi kualiti air sungai.

Rajah C9.1: Trend Kualiti Air Sungai di Kawasan Kajian, 2013-2018



Sumber: Kompendium Perangkaan Alam Sekitar, 2014, 2016, 2018, 2019 dan JAS Negeri Kedah, 2020
Nota: 0-60 (tercemar), 60-80 (sederhana tercemar), 80-100 (bersih)



2

Sg Kilim yang ditumbuhi pokok bakau di tebing sungainya.

1

Sg Kisap yang mencatatkan kualiti air bersih.

3

Pemandangan Sg Ulu Melaka.

Rajah C9.2: Sistem Saliran Semulajadi dan Lokasi Stesen Pemantauan Kualiti Alam Sekitar

Petunjuk

- Lembangan Sungai
- Sungai
- Laut
- Stesen Kualiti Air Sungai
- Stesen Kualiti Air Tanah
- Stesen Kualiti Air Pantai
- Stesen Kualiti Air Pulau
- Stesen Kualiti Udara

Lain-lain

- Persisiran Pantai
- Sempadan Zon
- Mukim


Sumber: RTDL 2030 & JAS, 2020

ii. Kualiti Air Tanah

Air tanah merupakan sumber yang penting dan berpotensi sebagai bekalan air alternatif bagi membekalkan air kepada penduduk tempatan. JAS mempunyai dua stesen pengawasan kualiti air tanah di Pulau Langkawi yang terletak di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi, Padang Mat Sirat. Pemantauan trend untuk lima tahun (2014 hingga 2018) menunjukkan penurunan indeks kualiti air tanah (IKAT) bagi kedua-dua lokasi stesen ini (Rajah C9.3).

Bacaan indeks kualiti air tanah yang tertinggi telah direkodkan pada tahun 2014 dengan bacaan 99 (stesen 1) dan 95 (stesen 2). Tahun 2018 mencatatkan indeks kualiti yang terendah dengan bacaan 81 (stesen 1) dan 79 (stesen 2). Walaupun bacaan IKAT secara konsisten menurun, kualiti air tanah ini masih berada dalam kategori yang baik. Aktkiviti pembangunan tanah, pelancongan dan pertanian telah memberi kesan kepada penurunan kualiti air tanah.

Rajah C9.3: Bacaan Indeks Kualiti Air Tanah di Pantai, 2013-2018



Sumber: Laporan Kualiti Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar (2018)

KATEGORI	NILAI INDEKS
Terbaik	90-100
Baik	70 – 89
Sederhana	40 – 69
Tercemar	16 - 39
Sangat tercemar	0-15

Sumber: Laporan Kualiti Alam Sekitar, Jabatan Alam Sekitar (2018)




Papan tanda menunjukkan lokasi stesen pengawasan kualiti air tanah di Padang Mat Sirat

iii. Kualiti Udara Ambien

Bagi pemantauan kualiti udara di Langkawi, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Malaysia telah menempatkan satu stesen pengawasan kualiti udara yang terletak di Kompleks Sukan Kuah, Langkawi (Stesen CA02K) (Rajah C9.4). Rajah C9.5 menunjukkan trend bacaan dari 2013 hingga 2018. Secara umumnya, bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) kualiti udara berstatus 'sihat' (0-50 IPU) mencatatkan bilangan hari terbanyak untuk setiap tahun, kecuali pada 2018. Walau bagaimanapun, bacaan indikator IPU 'tidak sihat' dicatatkan sebanyak 10 hari pada 2015 di mana insiden jerebu yang melanda Pulau Langkawi yang menyebabkan operasi penerbangan dan sesi persekolahan diberhentikan sementara waktu atas faktor keselamatan awam.

Bilangan hari untuk kualiti udara 'baik' dan 'sederhana' hampir sama pada 2016. Rekod IPU yang lebih baik dicatatkan pada 2017 dengan bilangan hari 'baik' sebanyak 340 hari. Pada tahun 2018, rekod IPU menunjukkan sedikit penurunan dengan bilangan hari 'baik' sebanyak 157 hari dan 'sederhana' meningkat menjadi 206 hari. Penurunan IPU berstatus 'baik' ini juga disebabkan oleh insiden jerebu yang melanda akibat pembakaran terbuka di sempadan. Korelasi untuk hari berstatus baik dari rekod enam tahun tersebut menunjukkan trend yang positif untuk kawasan kajian.

Rajah C9.4: Bacaan Indeks Kualiti Udara, 2013-2018



Sumber: Kompendium Perangkaan Alam Sekitar, 2014, 2016, 2018, 2019 & JAS Negeri Kedah 2020
Nota: $PM_{2.5}$ di masukkan dalam pengiraan IPU bermula 2018


IPU	Status
0 - 50	Baik
51-100	Sederhana
101 - 200	Tidak sihat
201 - 300	Sangat tidak sihat
> 301	Berbahaya

iv. Paras Bunyi Bising

Kajian lapangan secara *in-situ* dijalankan di tujuh (7) lokasi persampelan terpilih untuk mendapatkan data primer tahap bunyi pada 28 dan 30 Julai 2020 (Jadual C9.1). Semua lokasi persampelan menunjukkan bacaan melebihi 65 Desibel dB(A) pada waktu siang di mana ia telah melepasi bacaan piawaian yang dibenarkan, kecuali di lokasi berdekatan Telaga Harbour (Zon C). Kawasan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (Zon D) mencatatkan bacaan yang agak tinggi (88 Desibel dB(A)) dimana, punca bunyi bising adalah dari enjin pesawat. Namun begitu, rekod yang diambil adalah bacaan *one-off* yang tidak tetap pada kebanyakan waktu. Secara umumnya, tiada masalah bunyi bising yang ketara di keseluruhan kawasan kajian kerana pada kebanyakan masa bacaan paras bunyi masih mematuhi piawaian JAS.

Jadual C9.1: : Kualiti Bunyi di Stesen Persampelan Terpilih di Kawasan Kajian

Aktiviti	Data
	Stesen: Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (Zon D-Padang Mat Sirat) Tarikh: 28 Julai 2020 (Selasa) Masa: 2.41 pm Bacaan: 88 Desibel dB(A) (88>65 Desibel dB(A))
	Stesen: Bulatan ke lapangan terbang (Zon D-Padang Mat Sirat) Tarikh: 28 Julai 2020 (Selasa) Masa: 3.30pm Bacaan: 72 Desibel dB(A) (72>65 Desibel dB(A))
	Stesen: Pantai Hujung Airport (Zon D-Padang Mat Sirat) Tarikh: 28 Julai 2020 (Selasa) Masa: 4.10 pm Bacaan: 68 Desibel dB(A) (68>65 Decibel dB(A))
	Stesen: Pantai Chenang (Zon E-Pantai Chenang) Tarikh: 28 Julai 2020 (Selasa) Masa: 4.50 pm Bacaan: 68 Desibel dB(A) (68>65 Desibel dB(A))

Aktiviti	Data
	Stesen: Telaga Harbour (Zon C3-Pantai Kok) Tarikh: 30 Julai 2020 (Khamis) Masa: 11.30 am Bacaan: 64 Desibel dB(A) (64<65 Desibel dB(A))
	Stesen: Kuala Teriang (Zon D-Padang Mat Sirat) Tarikh: 30 Julai 2020 (Khamis) Masa: 11.40 am Bacaan: 72 Desibel dB(A) (72>65 Desibel dB(A))
	Stesen: Pantai Chenang (Zon E-Pantai Chenang) Tarikh: 30 Julai 2020 (Khamis) Masa: 1.40 pm Bacaan: 67 Desibel dB(A) (67>65 Desibel dB(A))

Sumber: PPP Persisir Pantai Padang Mat Sirat-Ayer Hangat, Langkawi

v. Kacau Ganggu Setempat

Secara umumnya, kawasan persisir pantai Padang Mat Sirat- Ayer Hangat mempunyai pelbagai aset-aset sumberjaya daratan dan marin yang perlu dipelihara. Persisir pantai terlibat dalam kajian ini meliputi kawasan seluas 27,651 hektar. Pemuliharaan dan pemeliharaan kualiti alam sekitar adalah satu keutamaan bagi menjamin kelestarian aset dan sumber semulajadi. Namun, impak dari pembangunan menghasilkan beberapa kacau ganggu setempat yang telah dikenalpasti berpotensi mampu menggugat kelestarian persekitaran persisir pantai ini.

- Pencemaran air di Pantai Tengah

Terdapat banyak pengusaha pelancongan di sini yang berskala sederhana dan kecil. Mereka menampung kurang dari 150 PE (penduduk setara) dan tidak mempunyai sistem rawatan di bawah operasi IWK. Sistem peparitan juga kurang diselenggara dengan baik kerana masalah kelemahan rekabentuk sistem peparitan. Kebiasaannya pada waktu hujan lebat, isipadu bahan pepejal terampai akan melimpah keluar dan mengalir ke pantai yang mencemarkan pandangan dan kualiti pantai. Insiden ini akan menyebabkan pencemaran air di kawasan anak tasik Pantai Tengah, seterusnya ini boleh mengancam kehidupan marin.

Pada penghujung 2019, kejadian limpahan sisa pepejal terampai di Tasik Anak berlaku lagi dan pihak JAS telah menjalankan siasatan di tapak. Berikut adalah penemuan dari siasatan tersebut:

1) Berdasarkan analisa dari gambar satelite tahun-tahun sebelum, dapat lihat pertumbuhan yang pesat di kawasan sekitar tasik anak dari 2015 hingga kini untuk tujuan pelancongan.
2) Hasil bancian mendapati terdapat 85 punca-punca yang berpotensi menghasilkan pencemaran air di kawasan berkenaan, iaitu 33 premis hotel/motel, 40 premis restoran, 5 premis spa, 3 premis dobi, 1 premis bengkel, 3 lain-lain (IWK, Klinik dan Lavanya Resident)
3) Loji rawatan air kumbahan milik JPS telah lama tidak beroperasi.

Isu ini timbul dari faktor cuaca (hujan lebat), kelemahan rekabentuk sistem rawatan kumbahan serta perubahan gunatanah yang pesat di kawasan tersebut. Manakala, pihak JAS tidak dapat menjalankan kerja penguatkuasaan kerana sistem rawatan yang disediakan kurang dari 150 PE (penduduk setara).



Limpahan sisa pepejal terampai ekoran dari hujan lebat menjadi punca pencemaran air di kawasan Anak Tasik.

- Tapak Pelupusan Sampah

Tapak pelupusan sampah yang menampung sisa pepejal bagi daerah Langkawi terletak di Kampung Belanga Pechah. Berdasarkan RTDL 2030, komposisi utama sisa pepejal di tapak ini ialah bahan makanan, kertas dan bahan plastik. Komposisi ini selaras dengan aktiviti dominan kawasan yang berasaskan pelancongan. Pengurusan operasi tapak pelupusan sampah sekiranya tidak diurus dengan baik boleh menyumbang kepada bau busuk dan dan air larut resapan (*leachate*).



Tapak pelupusan sampah yang terletak di Kg Belanga Pechah.




Pemandangan atas tapak pelupusan sampah.

- Pencemaran Udara (aktiviti kilang simen dan kuari bauksit)

Aktiviti perindustrian pengeluaran simen oleh Kedah Cement Sdn Bhd yang terletak di Teluk Ewa (Zon B3) merupakan salah satu aktiviti yang boleh dikaitkan dengan ketidakselesaan penduduk akibat debu dan batu yang berterbangan dari operasi meletup batu dan sebagainya. Operasi kilang ini sentiasa mematuhi SOP dan peraturan yang ditetapkan tetapi sekiranya tidak dipatuhi dengan baik oleh semua pemegang taruh (contohnya penduduk dan pekerja), keadaan ini boleh merumitkan lagi masalah pencemaran udara dan menjejaskan kesihatan penduduk di Kg Ewa yang tinggal berdekatan dengan premis perindustrian ini. Setakat ini, tiada keadaan kacau ganggu yang ketara dan kritikal dikaitkan dengan operasi kilang simen ini yang menjejaskan kualiti kehidupan penduduk berhampiran.

Selain itu, dilaporkan juga terdapat aktiviti bauksit berhampiran MRSM Langkawi yang menggunakan pelabuhan di kilang simen untuk tujuan mengeksport hasil pengeluaran bauksit. Operasi memindahkan bauksit yang kurang mematuhi SOP boleh menyebabkan habuk berterbangan dan mencemarkan udara ambien. Terdapat kes sebelum ini, namun ia tidak mencapai tahap kritikal dan mengancam keselamatan dan kesihatan penduduk.



Pandangan udara kawasan kilang simen Kedah Cement Sdn Bhd yang berdekatan dengan Kg Ewa.
(Sumber: Kedah Cement Sdn Bhd, 2020)



Kilang simen yang terletak di Teluk Ewa (Zon B3)



Kawasan perumahan di Kampung Ewa yang terletak berdekatan dengan kilang simen Kedah Cement Sdn Bhd.

C9.2 Analisis

i. KSAS Warisan

- KSAS Sektoral: Kawasan Berhutan

Terdapat 16 hutan simpan kekal (HSK) di pulau ini dengan 10 daripadanya terletak di kawasan kajian (Jadual C9.2 dan Rajah C9.5). Hutan jenis darat berjumlah sebanyak enam serta empat hutan merupakan gabungan jenis darat dan paya laut. Ekosistem pulau menyebabkan kawasan hutan paya laut (air masin) terbentuk di persisir pantai pulau ini. Kawasan hutan simpan darat dan paya laut yang terletak di kawasan kajian seluas 9,225.2 hektar iaitu 49.6% daripada jumlah luas hutan simpan di Pulau Langkawi.


Jadual C9.2: Hutan Simpan Kekal

Hutan Simpan	Jenis	Dalam kawasaan kajian (hektar)	Luar kawasan kajian (hektar)	Luas (hektar)
1. Tanjung Dagu	Darat	280.4	483.6	764
2. Selat Panchor	Darat	778.3	499.7	1,278
3.Gunung Machinchang	Darat	1,654.8	2,578.2	4,233
4. Bukit Sawak	Darat	222.6	2,412.4	2,635
5. Bukit Malut	Darat	506.9	701.1	1,208
6. Pulau Tuba	Darat	504	0	504
7. Ayer Hangat	Darat	0	38	38
	Paya Laut	7.4	509.6	517
8. Gua Cherita	Darat	737.3	517.7	1,309
	Paya Laut			
9. Kisap	Darat	0	1,095	1,095
	Paya Laut	683.5	535.5	1,219
10. Pulau Dayang Bunting	Darat	3,087	0	3,087
	Paya Laut	763	0	763
Jumlah	-	9,225.2	**9,370.8**	**18,596**

Sumber: Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, 2020



HSK Machinchang



HSK Ayer Hangat (paya laut)



HSK Bukit Sawak



HSK Pulau Dayang Bunting

Rajah C9.5: Hutan Simpan Kekal dan Geopark

Petunjuk

- Laut
- Sempadan Hutan Simpan Kekal

Geopark

- Dayang Bunting Marble Geoforest Park
- Machinchang Cambrian Geoforest Park
- Kilim Karst Geoforest Park

Lain-lain


- Persisiran Pantai
- Sempadan Zon
- Mukim

Sumber: RSN Kedah 2035 & PPP Persisir Pantai Padang Mat Sirat-Ayer Hangat, Langkawi

- KSAS Sektoral: Kawasan Geologi, Geofitur dan Arkeologi

Pulau Langkawi amat kaya dengan formasi batuan yang unit dan bernilai tinggi. Kepelbagaian batuan dan landskap merupakan produk pelancongan berasaskan sumber tabii. Batuan sedimen meliputi Formasi Machinchang, Formasi Setul, Formasi Singa dan Formasi Chuping (Rajah 9.6 dan 9.7) yang terbentuk di tiga geopark Langkawi.

Rajah C9.6: Imej Taburan Geologi



Sumber: UKM

Menurut laporan RTDL 2030, kawasan geologi meliputi:

- tiga geoforest park
- 13 geotapak
- dua monumen geologi
- 17 geofitur lain

Dilaporkan terdapat sebanyak 36 geotapak yang menghadapi ancaman kemusnahan dari segi semula jadi, tekanan dari pembangunan fizikal, pengeluaran hasil ekonomi dan memenuhi permintaan penggunaan. Selain itu, 44 geofitur terletak di kawasan HSK yang mendapat perlindungan dan 15 geofitur lagi telah dicadangkan untuk senarai Warisan Kebangsaan.



Batuan berbentuk kepala buaya di Gua Buaya,Kilim Geoforest Park.



Formasi batuan yang ditemui di Kilim Geoforest Park.




Formasi Setul adalah bersifat keras dan berwarna gelap.



Pembentukan gua batukapur di Gua Buaya.

Machinchang Geoforest Park:
- Formasi batuan yang berusia melebihi 550 juta tahun.
- Formasi Machinchang (batu kapur zaman geologi Cambrian)
- Jujukan batuan klasik (selang lapis batu lodak, batu pasir dan konglomerat)
- Lokaliti fosil di jujukan formasi Teluk Kubang Badak

Kilim Karst Geoforest Park:
- Formasi batuan terbentuk oleh batu kapur yang berusia melebihi 490 juta tahun.
- Formasi Setul (batu kapur berwarna kelabu gelap)



Pulau Dayang Bunting Marble Geoforest Park:
- batu kapur Formasi Setul yang berusia melebihi 500 juta tahun dan Formasi Chuping berusia 270 juta tahun
- tasik terbentuk dari runtuhan batu kapur
- Kedalaman sehingga 14 meter ke dasar tasik air tawar dengan kandungan alkali yang tinggi

Rajah C9.7: Geologi

Petunjuk

Laut

Geologi
- Formasi Aluvium
- Formasi Chuping
- Formasi Granit
- Formasis Machinchang
- Formasi Setul
- Formasi Singa

Lain-lain
- Persisiran Pantai
- Sempadan Zon
- Mukim

Sumber: JMG, 2020

Senarai tapak geologi sebagai warisan semula jadi di kawasan kajian dan kawasan pengaruh meliputi gua, persisir pantai, batuan, fosil, tasik dan morfologi pulau karst:

1. Gua Kelawar
2. Gua Cherita
3. Gua Buaya
4. Gua Dedap
5. Gua Langsir
6. Tanjung Rhu
7. Pulau Anak Tikus
8. Tasik Langgun
9. Teluk Mempelam



Pembentukan stalaktit dan stalakmit batu kapur di Gua Kelawar.



Banyak penerokaan sistem gua baru di Gua Kelawar.



Kelawar banyak ditemui di Gua Kelawar.



Bot boleh melepasi Gua Buaya di waktu air surut.

- KSAS Sektoral: Tapak Geoforest Park (habitat)

Gabungan sifat muka buminya yang dilitupi hutan darat dan paya laut serta formasi batuan zaman purbanya telah menjadikan pulau ini mendapat pengiktirafan UNESCO sebagai tapak Geopark, iaitu Kilim Karst Geoforest Park, Machinchang Geoforest Park dan Pulau Dayang Bunting Marble Geoforest Park. Kawasan berhutan yang luas menjadi habitat bagi menampung kepelbagaian biokogikal flora dan fauna di persisir pantai dan daratan.

Secara umumnya, laporan RTDL 2030 menyatakan terdapat 226 spesies burung. Namun begitu, pulau ini tidak menjadi tapak kepada *Important Bird Areas* (IBA).

Kilim Karst Geoforest Park: Spesies tumbuhan dominan di paya laut di kawasan kajian ialah Bakau Kurap (*Rhizophora mucronata*) dan sedikit pokok Berembang. Pokok Rhu Pantai (*Casuarina equisetifolia*) terdapat di persisir pantai Tanjung Rhu.



Burung Enggang *Oriental Pied Hornbill* turut mendiami kawasan hutan di kawasan kajian.



Helang Kawi (*Brahminy Kite*) mencari makanan di kawasan paya bakau di Kilim Karst Geoforest Park.



Pokok Bakau Kurap merupakan populasi utama flora di Kilim Karst Geoforest Park.



Formasi batuan yang berbentuk seperti King Kong menjadi tarikan pelancong.

Fakta menarik mengenai flora dan fauna di Langkawi:

- 22 species rama-rama di Kilim tidak ditemui di tempat lain di Semenanjung Malaysia
- 84 spesies rama-rama dari lima keluarga *Papilionidae, Pieridae, Nymphalidae, Lycaenidae*, dan *Heperidae*
- 79 spesies *herpetofauna* yang mengandungi 1 *caecilian*, 23 *anurans*, 5 kura-kura, 17 *laertilian* dan 33 ular, selain biawak dan monyet *long tail* yang merupakan populasi tipikal dan dominan di Langkawi.

(Sumber: Laman sesawang LADA, 2020)

- Kawasan hutan Gelam hanya pernah direkodkan di Tanjung Rhu untuk 1 spesies iaitu *Melaleuca cajuputi*
- Spesies flora endemik atau jarang ditemui meliputi:
  - Bogak (*Cycas langkawiensis*)
  - Paku laut (*silamensis*)
  - Teras sudu (*Euphorbia antiquorum*)
  - Putat laut (*Barringtonia asiatica*)
  - Orkid (*Paphiopedilum niveum*)
  - Pokok Bungor (*Lagerstraemia langkawiensis*)
  - Halia (*Globba fragilis*)
  - Asparagus liar (*Vacemosus*)
  - Pokok Palm (*Maxburettia gracils*)
  - Kopi (*Hymenodictyon excelsum*)
- dua spesies baru fauna yang ditemui ialah *gekkonid lizard* dan mengkarung
- Spesies fauna yang dianggap pupus ditemui semula ialah ketam batu dan ikan air tawar *Angulia marmorata.*

(Sumber: RTDL 2030)


Terdapat juga hidupan marin (contohnya tapak sulaiman, ketam bulan, penyu Karah, penyu Agar dan ikan dolfin) serta terumbu karang di perairan Langkawi yang merupakan warisan semulajadi di marin yang berharga dan sensitif terhadap perubahan ekosistem.



Monyet *long tail* banyak mendiami kawasan hutan paya laut.



Pokok paku laut (*silamensis*) ditemui di celah batu di Kilim Karst Geoforest Park.



Rajah C9.8: KSAS Warisan (Hutan Simpan Kekal, Geologi dan Geoforest)

Petunjuk

- Laut
- Geopark
- Hutan Simpan Kekal
- Terumbu karang

Geologi

- Formasi Chuping
- Formasis Machinchang
- Formasi Setul
- Formasi Singa

Lain-lain

- Persisiran Pantai
- Sempadan Zon
- Mukim

Sumber: PPP Persisir Pantai Padang Mat Sirat-Ayer Hangat, Langkawi

ii. KSAS Risiko Bencana

- KSAS Sektoral: Hakisan Pantai

Persisir pantai di Pulau Langkawi merupakan kawasan pantai berpasir, paya bakau dan bertebing batu. Kawasan persisir pantai berpasir berpotensi dan terdedah kepada risiko hakisan ekoran dari faktor semulajadi (seperti tiupan angin dan ombak) serta tekanan pembangunan fizikal seperti bangunan. Pengamatan di tapak mendapati persisir pantai di Pantai Kok, Teluk Ewa dan beberapa pantai di bahagian barat pulau ini mengalami bencana hakisan. Pantai Pasir Hitam yang turut mengalami hakisan pantai kini dalam proses membaikpulih pantai (*beach nourishment*).



Pantai Pasir Hitam.

- KSAS Sektoral: Kawasan Risiko Banjir

Kejadian banjir pernah berlaku di Kuala Teriang pada 2018. Terdapat aliran Sg Teriang yang melalui pekan tersebut yang boleh melimpah dan mengakibatkan banjir.



Pantai di Taman Awam Teluk Yu berhampiran dengan kilang Kedah Cement Sdn Bhd.

- KSAS Sektoral: Kawasan Risiko Tsunami

Insiden tsunami pada 2004 di Langkawi menunjukkan perairan ini berisiko tsunami berpunca dari titik epicentri di Pulau Sumatera, Indonesia. Ini menjadikan kawasan di bahagian selatan dan barat pulau ini berisiko kepada insiden tsunami.

- KSAS Sektoral: Kawasan Laluan Angin Ribut

Rekod menunjukkan Pantai Tengah dan Padang Mat Sirat serta mukim Ulu Melaka, Kedawang dan Ayer Hangat pernah mengalami ribut pada 2019 dan 2020. Ini kerana lokasinya yang terdedah kepada tiupan angin laut dan tiada penghalang fizikal seperti pulau yang dapat mengurangkan kekuatan angin ribut tersebut.




Pantai berpasir yang landai di Pantai Tengah.

- KSAS Sektoral: Kawasan Risiko Kenaikan Paras Air Laut

Kajian NAHRIM menunjukkan pulau ini berpotensi menghadapi risiko kenaikan paras air laut kesan daripada pengaruh di peringkat global. Pada 2020, jumlah kenaikan adalah hanya sebanyak 0.07 meter. Ramalan tahun 2030 sehingga 2099 menunjukkan jumlah kenaikan adalah bermula dari 0.12 meter sehingga 0.70 meter.

Rujukan silang dengan sektor marin dan risiko bencana dibuat untuk mendapatkan data risiko bencana di kawasan kajian. Rajah C9.9 adalah gambaran taburan lokasi bagi insiden bencana di kawasan kajian.



Rajah C9.9: KSAS Risiko Bencana

Petunjuk

- Laut
- Hakisan Pantai
- Tsunami / Ombak Besar
- Taufan (Taufan Lekima)
- Banjir
- Ribut
- Kenaikan Paras Air Laut (SLR)

Lain-lain

- Persisiran Pantai
- Sempadan Zon
- Mukim

Sumber: PPP Persisir Pantai Padang Mat Sirat-Ayer Hangat, Langkawi

iii. KSAS Sokongan Hidup

- KSAS Sektoral: Sistem Saliran Semulajadi

Sungai yang mengalir di Pulau Langkawi mengalir dari bahagian tanah tinggi di tengah pulau dan mengalir ke muara sungai di perairan pulau ini. Di antara sungai yang utama ialah Sungai Chenang, Sungai Melaka, Sungai Kisap, Sungai Kilim dan Sungai Air Hangat.

- KSAS Sektoral: Kawasan Tanaman Padi

Terdapat kawasan tanaman padi seluas 328.14 hektar di kawasan kajian iaitu 15.43 peratus daripada keseluruhan kawasan tanaman padi di Langkawi. Kawasan ini perlu dikekalkan daripada pengubahan kepada lain-lain guna tanah kerana ia merupakan KSAS sokongan hidup dari segi sumbangan keselamatan makanan (*food security*) kepada penduduk tempatan.

- KSAS Sektoral: Kawasan akuakultur

Rekod dari Jabatan Perikanan menunjukkan terdapat aktiviti penternakan akuakultur (sangkar ikan, kolam marin, dan air tawar) di persisir pantai Langkawi yang membekalkan sumber makanan laut kepada penduduk (contohnya ikan keli, bawal putih dan siakap).

- KSAS Sektoral: Kawasan Galian dan Mineral (Metalik dan Bukan Metalik)

Laporan JMG menyatakan terdapat beberapa lokasi di pulau ini yang mempunyai rezab simpanan mineral metalik dan bukan metalik, iaitu manganes, besi, tembaga dan plumbum (lead). Namun begitu, operasi pengeluaran hasil bumi ini bukanlah aktiviti yang penting di Langkawi.

Rajah C9.10 adalah gambaran taburan lokasi bagi KSAS sokongan hidup di kawasan kajian.




Keadaan aliran air di Sungai Kisap.



Pokok bakau di tebing Sungai Melaka .



Sawah padi di kawasan kajian.



Rajah C9.10: KSAS Sokongan Hidup

Petunjuk

- Tanaman Padi
- Sungai
- Laut

Metalik
- Manganese
- Iron
- Lead
- Copper
- Tungsten
- Zinc

Bukan Metalik
- Ball Clay
- Dolomite
- Limestone
- Silica Sand
- Silica Rock

Lain-lain

- Persisiran Pantai
- Sempadan Zon
- Mukim
- Tapak Projek Akuakultur Sangkar Ikan (11 kawasan)
- Tapak Projek Kolam Marin (3 unit)
- Tapak Projek Air Tawar (4 unit)

Sumber: JMG dan Jab. Perikanan, 2020 & PPP Persisir Pantai Padang Mat Sirat-Ayer Hangat, Langkawi

Berikut adalah ringkasan untuk KSAS di kawasan kajian (Jadual C9.3).

Jadual C9.3: KSAS warisan, risiko bencana dan sokongan hidup

KSAS SEKTORAL	KEDAPATAN SUMBERJAYA
KSAS WARISAN	
1. Kawasan berhutan (kepelbagaian biologi)	• 10 HSK (9,225.2 hektar)
2. Geologi, geofitur dan arkeologi	• 3 Geoforest park (UNESCO) • 13 Geotapak • 2 Monumen geologi • 17 Geofitur
KSAS BERISIKO BENCANA	
1. Hakisan pantai	• Pantai berpasir di Pantai Kok, Teluk Ewa & Pantai Pasir Htam
2. Kawasan risiko banjir	• Kawasan petempatan yang terletak di tanah rendah (contohnya di Kuala Teriang)
3. Kawasan risiko tsunami	• Kawasan di selatan dan barat pulau ini
4. Laluan angin ribut	• Pantai Tengah & Padang Mat Sirat
5. Kenaikan paras air laut	• Zon B1, Zon E, Zon F
KSAS SOKONGAN HIDUP	
1. Air bersih	• Sungai utama: Sg Chenang, Sg Melaka, Sg Kisap, Sg Kilim dan Sg Air Hangat
2. Tanaman padi	• Seluas 328.14 hektar
3. Galian dan mineral	• Stok simpanan metalik dan bukan metalik • Lombong kuari (simen)
4. Akuakultur	• Akuakultur (sangkar ikan, kolam marin, dan air tawar)

Sumber: PPP Persisir Pantai Padang Mat Sirat-Ayer Hangat, Langkawi

C9.3 Isu dan Kekuatan

I S U

- Pencemaran pantai di kawasan Tasik Anak yang mengancam sumber jaya marin berlaku kerana masalah kelemahan rekabentuk sistem rawatan kumbahan yang tidak berpusat terutama sewaktu hujan lebat.
- Status hari yang mencatatkan IPU 'baik' (0-50) merosot dengan agak ketara di antara tahun 2017 (340 hari) dan 2018 (157 hari) ekoran insiden jerebu.
- Terdapat aktiviti yang berpotensi menjadi punca pencemar jika tidak diuruskan dengan baik, seperti perlombongan kuari batu kapur di Kg Ewa dan tapak pelupusan sampah di Kg Belanga Pechah.
- Bahagian pantai barat pulau ini berisiko kepada bencana tsunami dan angin ribut berdasarkan kepada rekod lampau dan kedudukan geografinya yang lebih terdedah kepada pengaruh perairan dan aktiviti seismik di pelantar laut di Selat Melaka.

K E K U A T A N

- Empat stesen pengawasan kualiti air sungai di Sg Tuba, Sg Kisap, Sg Melaka dan Sg Petang mencatatkan status air bersih kecuali Sg Chenang.
- Tiada isu dengan paras bunyi bising yang ketara dan mengganggu keselesaan dan kualiti hidup komuniti setempat.
- Tiada insiden kacau ganggu yang signifikan dan memberi impak yang besar kepada komuniti dan persekitaran.
- Kawasan ini kaya dengan kepelbagaian biologikal untuk flora dan fauna serta formasi batuan yang unik dan bernilai tinggi yang menjadi warisan semula jadi dunia selain menjadi tarikan kedatangan pelancong.
- Pembentukan formasi batuan yang unit dan bernilai tinggi telah mendapat pengiktirafan badan antarabangsa yang menjadi pemangkin kepada sektor geo-pelancongan bertaraf dunia.

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

C10.0



Sektor Pengurusan dan Pemantauan

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

C10.0
Sektor Pengurusan dan Pemantauan

C10.1 Pengenalan

Pengurusan Pembangunan Persisir Pantai Padang Mat – Ayer Hangat, Langkawi Kedah – Satu Tinjauan

1. Pembangunan pesisir pantai dari Padang Mat Sirat hingga ke Ayer Hangat termasuk pulau-pulau berpenghuni dengan anggaran keluasan 27,489.00 hektar pasti sekali mempunyai impak yang meluas kepada landskap sosio-ekonomi dan alam sekitar Pulau Langkawi sebagai pulau pelancongan terbaik dunia. Kajian pengurusan ini akan memberi kesan kepada kesejahteraan masyarakat tempatan, persekitaran yang cantik dan bersih, landskap yang menarik dan perairan pantainya yang selamat dalam apa jua pembangunan Pulau Langkawi.

2. Justeru, aktiviti-aktiviti pembangunan Pulau Langkawi perlu dirancang, dikawal dan dipantau dengan rapi dan teliti agar ia tidak membawa kesan negatif kepada ekosistem serta masalah persekitaran sampingan seperti menjejaskan hasil laut dan pendapatan nelayan, hakisan pantai, banjir di kawasan pantai dan kehidupan marin laut. Sebarang pembangunan di pesisiran pantai Pulau Langkawi perlu berteraskan pembangunan seimbang dari segi fizikal, ekonomi dan sosial bagi menjamin kemampanan Langkawi sebagai pulau pelancongan utama di dunia.

3. Mengambil kira potensi dan tren pembangunan masa depan Langkawi yang akan berkembang sebagai pulau pelancongan, adalah jelas ini akan memberi tekanan kepada permintaan tanah khusus untuk pembangunan dalam sektor pelancongan. Kajian Pelan Pengurusan Pesisir Pantai Pekan Kuah – Kelibang, Langkawi, Kedah (2019) menerangkan tren pembangunan semasa yang menunjukkan potensi dan permintaan dari pelabur atau pihak pemaju untuk mengemukakan cadangan bagi projek penambakan laut di pesisir pantai Langkawi atas faktor-faktor tertentu seperti berikut:

   1. Permintaan untuk membangunkan hotel dan resort yang bertaraf dunia pada masa hadapan di Pulau Langkawi;
   2. Penekanan kepada pembangunan industri pelancongan di Pulau Langkawi selaras dengan matlamatnya sebagai 10 pulau peranginan terbaik di dunia;
   3. Memandangkan hampir keseluruhan Kawasan Pulau Langkawi adalah tanah rizab Melayu, projek penambakan laut memberi peluang kepada pemaju tempatan dan antarabangsa mendapat tanah berstatus pajakan negeri untuk melaksana projek pembangunan;
   4. Potensi yang besar untuk menjana pendapatan penduduk tempatan terutamanya dari peluang pekerjaan dan kepelbagaiaan aktiviti ekonomi baru pada masa akan datang.

4. Aktiviti penambakan laut di Pulau Langkawi telah lama dijalankan bermula dengan Kawasan persisiran pantai di Teluk Kuah pada tahun 1990-an. Projek ini adalah dari Kuah-Kelibang

melibatkan kawasan dari Taman Lagenda sehingga ke kawasan Bandar Kuah, berdekatan dengan Hotel Adya. Keseluruhan kawasan tersebut adalah termasuk di dalam Rancangaan Tempatan Daerah Langkawi. Majlis Perbandaran Langkawi adalah agensi bertanggung jawab dalam memberi kelulusan perancangan. Bagi MPLBP, terdapat dua keadaan berkaitan dengan pemohonan kelulusan Kebenaran Merancang bagi tujuan pembangunan di kawasan tambakan laut seperti:

i. **Permohonan pemajuan di kawasan yang telah dizonkan dalam RTD Langkawi 2030; dan**

ii. **Permohonan pemajuan di kawasan yang belum ditambak dan belum digazetkan sebagai kawasan PBT.**

Sumber: Pelan Pengurusan Pembangunan Persisir Pantai Pekan Kuah-Kelibang, Langkawi, Kedah


Bagi perkara (i), permohonan pemajuan adalah berdasarkan kepada ‘zoning’ seperti mana yang diluluskan dalam RTD Langkawi 2030. Ia akan diproses mengikut tatacara prosedur biasa memandangkan kawasan pemajuan tambakan berada dalam kawasan PBT dan berdasarkan kepada prosedur kawalan pembangunan dan pengezonan yang sudah ditetapkan.

Bagi perkara (ii), oleh kerana permohonan pemajuan bagi kawasan ini tidak termasuk dibawah RTD Langkawi serta pelan pengezonannya, MPLBP sebagai PBT mempunyai halangan untuk memproses dan meluluskan pemohonan pemajuan oleh kerana cadangan kawasan pembangunan tidak berada dalam kawasan PBT yang digazetkan. Oleh itu, ia tidak termasuk di dalam zon kawalan pembangunan RTD Langkawi 2030.

Sektor pengurusan dan pemantauan yang hendak dirangka di bawah kajian ini mempunyai kaitan yang rapat dengan sistem atau struktur pentadbiran yang wujud di dalam kawasan kajian. Penjelasan tentang sistem dan struktur pentadbiran memberi gambaran tentang agensi-agensi yang terlibat dalam pembangunan kawasan kajian serta juga peranan pelbagai pemegang taruh lain yang mempunyai kepentingan dengan kawasan kajian ini.

Strategi pengurusan dan pemantauan yang akan dicadangkan itu tentu sekali melibatkan agensi-agensi ini di samping pemegang-pemegang taruh yang ada di kawasan kajian.

Rajah C10.1: Kawasan Kajian



Sumber: Kajian Pelan Pengurusan Pembangunan Persisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi, Kedah

Di bawah sistem pentadbiran Negeri Kedah Darul Aman, Daerah Langkawi merupakan salah satu daerah yang diberikan penekanan dari segi pelancongan. Daerah Langkawi terdiri daripada gugusan pulau-pulau (kira-kira 104 buah pulau) yang terletak di perairan barat Semenanjung Malaysia dan merupakan sebahagian daripada Negeri Kedah Darul Aman. Berdasarkan Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2030 (Penggantian), keluasan keseluruhan daerah Langkawi ialah **46,939.40 hektar** dan meliputi **enam (6) buah mukim** kesemuanya.

Bagi tujuan perancangan, sempadan mukim-mukim dalam daerah Langkawi digunapakai sebagai sempadan Blok Perancangan (BP).

Lokasi kawasan kajian adalah meliputi pesisiran pantai dari Padang Mat Sirat hingga ke Ayer Hangat termasuk pulau-pulau berpenghuni dengan anggaran keluasan **27,489.00 hektar.** Pulau-pulau berpenghuni di daerah Langkawi termasuklah **Pulau Rebak Besar, Pulau Tuba, Pulau Singa Besar, Pulau Beras Basah dan Pulau Dayang Bunting.**


C10.2 Struktur Pentadbiran Dalam Kawasan Kajian (Samb.)

Rajah C10.2: Struktur Pentadbiran Daerah Langkawi



Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2030 (Penggantian)

Rajah C10.3: Jumlah penduduk dan keluasan (hektar) mengikut mukim



Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2030 (Penggantian)

Jumlah penduduk dalam daerah Langkawi pada tahun 2015 adalah seramai 98,200 orang (Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2030 (Penggantian)). Berdasarkan Jadual C10.1, menjelang tahun 2030, unjuran penduduk dalam daerah Langkawi adalah dianggarkan seramai 148,977 orang. Justeru, pentadbiran yang berkesan dan efisien harus dilaksanakan demi menjaga kepentingan penduduk di Langkawi yang semakin meningkat saban tahun.

Jadual C10.1: Unjuran Penduduk Daerah Langkawi 2015-2030

Tahun	Unjuran Penduduk
2015	98,200
2020	112,014
2025	128,751
2030	148,977
KPPT 2015-2030 (%)	**2.82**

Sumber: RTD Langkawi 2030 (Penggantian)

Di bawah enam (6) mukim yang terdapat dalam daerah Langkawi, terdapat sejumlah **162 kampung** yang terdiri daripada:

- **Kampung Tradisional**
- **Kampung FELDA**
- **Kampung Baru**
- **Kampung FELCRA**

Jadual C10.2: Bilangan Kampung Mengikut Jenis

Blok Perancangan	Kampung Tradisional	Kampung Baru	Kampung FELDA	Kampung FELCRA	JUMLAH
BP1 Kuah	38	2	1	2	**43**
BP2 Ayer Hangat	24	1	-	-	**25**
BP3 Ulu Melaka	28	2	-	-	**30**
BP4 Bohor	12	-	-	-	**12**
BP5 Padang Mat Sirat	25	-	-	1	**26**
BP6 Kedawang	26	-	-	-	**26**
JUMLAH	**153**	**5**	**1**	**3**	**162**
PERATUS	**94%**	**3%**	**1%**	**2%**	**100%**

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Langkawi 2030 (Penggantian)

Secara ringkasnya sistem pentadbiran Daerah Langkawi adalah dibawah **Pejabat Daerah dan Tanah** dalam mana dibawahnya terdapat 6 mukim. Tiap-tiap mukim ini diketuai oleh seorang Penghulu yang terlibat dengan aktiviti perancangan dan pembangunan kampung di dalam mukim berkenaan.

C10.3 Peranan Agensi-Agensi dalam Sistem Pentadbiran di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan

Sistem pentadbiran Kerajaan Malaysia boleh dibahagikan kepada tiga peringkat: Persekutuan, Negeri dan Tempatan. Setiap peringkat pentadbiran Kerajaan Malaysia akan mempunyai agensi-agensi yang mempunyai peranan penting dalam Pelan Pengurusan Pembangunan Persisir Pantai Padang Mat Sirat-Ayer Hangat, Langkawi, Kedah dan justeru itu akan terlibat juga dalam proses pengurusan dan pemantauan projek penambakan laut di Langkawi secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, adalah penting untuk memahami skop, bidang kuasa dan peranan agensi-agensi yang berkenaan di peringkat persekutuan, negeri dan tempatan. Agensi-agensi utama yang dikenalpasti adalah seperti berikut :

PERINGKAT PERSEKUTUAN

Jadual C10.3: Perincian Agensi-agensi di Peringkat Persekutuan yang Terlibat Dalam Proses Penambakan Laut di Kawasan Persisir Pantai

Agensi	Perincian
Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)	Lembaga Pembangunan Langkawi telah diperbadankan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423) dan ditubuhkan pada 15 Mac 1990. Ia merupakan sebuah badan berkanun yang diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan Malaysia demi membangunkan Langkawi serta memajukannya sebagai destinasi eko-pelancongan utama dunia. Berikut merupakan **fungsi-fungsi LADA dalam aktiviti penambakan laut**: 1. Mengawal dan Memberi Panduan ke atas Perancangan dan Pembangunan Projek Tambak Laut 2. Memberi Input Berkenaan Guna Tanah Bagi Tujuan Pembangunan 3. Membuat Ulasan Permohonan Kebenaran Merancang (KM) dan Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi Permohonan Pembangunan Projek Tambakan Laut
PLANMalaysia	Sistem perkhidmatan perancangan PLANMalaysia telah dijalankan berdasarkan kepada dua peringkat iaitu Persekutuan dan Negeri di bawah “Senarai Bersama” (Concurrent List) Perlembagaan Persekutuan. Di awal penubuhan, pengurusan perancangan bandar mempunyai Tiga (3) pejabat wilayah iaitu di Johor Bahru, Ipoh dan di Pulau Pinang. Pejabat di Kuala Lumpur berfungsi sebagai ibu pejabat di samping menjalankan tugas-tugas perancangan bagi Negeri Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Pada masa kini, PLANMalaysia mempunyai pejabat perancangan di peringkat Persekutuan dan 11 pejabat PLANMalaysia Negeri.

Jadual C10.3: Perincian Agensi-agensi di Peringkat Persekutuan yang Terlibat Dalam Proses Penambakan Laut di Kawasan Persisir Pantai (Samb.)

Agensi	Perincian
PLANMalaysia	Berikut merupakan **fungsi-fungsi PLANMalaysia di peringkat persekutuan dalam program penambakan laut**: 1. Mengatur, Mengawal dan Menyelaras Pemajuan, Penggunaan dan Pemuliharaan Tanah Melalui Pelaksanaan Berkesan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) Dan Akta-akta Berkaitan; 2. Menterjemahkan Dasar-Dasar Sosial, Ekonomi dan Alam Sekitar Negara dalam Dimensi Spatial; 3. Menggalakkan Sistem Perancangan yang Komprehensif, Efektif dan Efisyen Melalui Undang-Undang, Prosedur Perancangan serta Kajian Penyelidikan dan Pembangunan 4. Merancang, Menyelaras dan Mengawal Penggunaan dan Pemajuan Tanah dan Bangunan Dalam Kawasan PBPT
Jabatan Laut Malaysia	Jabatan Laut adalah sebuah jabatan kerajaan yang terletak di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. Jabatan ini diwujudkan bagi mentadbir urusan perkapalan dan pelabuhan serta hal ehwal maritim di perairan Malaysia. Selain itu, Jabatan Laut bertindak sebagai agensi yang mencegah dan mengawal pencemaran marin. Sebelum tertubuhnya Jabatan Laut Malaysia, Jabatan Laut terdiri daripada 3 buah Jabatan iaitu Jabatan Laut Semenanjung Malaysia, Jabatan Laut Sabah dan Jabatan Laut Sarawak yang mempunyai Ketua Perkhidmatan yang berbeza. Pada 1 Januari 2011, Jabatan Laut Semenanjung Malaysia telah bergabung dengan Jabatan Laut Sabah dan Jabatan Laut Sarawak dan dikenali sebagai Jabatan Laut Malaysia **Fungsi Jabatan Laut Malaysia di peringkat persekutuan dalam program penambakan laut adalah**; • Memastikan perancangan permohonan tambakan laut mematuhi undang-undang, peraturan, kaedah dan garis panduan berkaitan pengurusan maritim yang menfokuskan kepada aktiviti keselamatan, sekuriti dan alam sekitar marin berdasarkan perundangan Nasional dan Antarabangsa.

PERINGKAT NEGERI

Jadual C10.4: Perincian Agensi-agensi di Peringkat Negeri yang Terlibat Dalam Proses Penambakan Laut di Kawasan Persisir Pantai

Agensi	Perincian
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah (BPEN)	Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah Darul Aman (BPEN Kedah) ditubuhkan mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 6 Ogos 1973. Bertindak sebagai jabatan yang membuat perancangan, penyelarasan dan pemantauan ke atas semua program pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial di Negeri Kedah Darul Aman. Sejak penubuhannya, BPEN telah menggubal pelan jangka panjang pembangunan Negeri Kedah seperti berikut : 1. Pelan Kedah Perlis Development Study (Tahun 1975 - 1990) 2. Pelan Kedah Development Action Plan (Tahun 1990 - 1999) 3. Pelan Tindakan Kedah Maju 2010 (Tahun 2000 - 2010) 4. Pelan Strategik Kedah Sejahtera (Tahun 2010 -2015) Selain itu BPEN juga menyediakan senarai projek-projek pembangunan di Bawah Rancangan 5 tahun di bawah Pembiayaan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Berikut merupakan **fungsi-fungsi BPEN:** 1. Menerima dan memproses permohonan tambakan laut dari pemaju atau penggerak projek 2. Penyediaan kertas cadangan tambakan laut untuk di angkat kepada Kerajaan Negeri 3. Penetapan syarat dan kaedah pelaksanaan 4. Penyediaan dokumen perjanjian konsesi 5. Menyelaras dengan pemaju dan agensi berkaitan dalam perkara berkaitan program tambakan laut
PLANMalaysia @ Kedah	PlanMalaysia@Kedah merupakan salah satu agensi teknikal yang memberi ulasan tentang dasar dan kesesuaian perlaksanaan pembangunan tambakan laut. Ulasan yang diberikan adalah selaras dengan dasar-dasar perancangan semasa di peringkat Nasional dan Negeri. Aspek- aspek seperti pematuhan kepada garis panduan perancangan dan pematuhan arahan JPN dan MPFN mempunyai impak kepada sokongan Plan Malaysia @ Kedah dalam program tambakan laut tersebut. Bagi memastikan pelaksanaan projek tambakan laut dapat dilaksanakan dengam berkesan di Langkawi dan di Negeri Kedah, pemakaian Seksyen 5(2) Akta 172 di mana memperuntukan: ***'Mana-mana kawasan yang tidak terletak dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan, maka Pengarah Negeri adalah PBT bagi kawasan berkenaan'***

Jadual C10.4: Perincian Agensi-agensi di Peringkat Negeri yang Terlibat Dalam Proses Penambakan Laut di Kawasan Persisir Pantai (Samb.)

Agensi	Perincian
PLANMalaysia @ Kedah	**Fungsi PLANMalaysia Kedah di peringkat negeri dalam program penambakan laut adalah**; 1. Menasihati Kerajaan Negeri dalam perkara berkaitan prosedur pelaksanaan tambakan laut 2. Berperanan sebagai PBPT dalam kawasan tambakan selaras dengan seksyen 5(2), Akta 172 3. Pelaksanaan seksyen 19(1), Akta 172 dalam perkara berkaitan kelulusan Kebenaran Merancang di peringkat penyediaan KM Pelan Induk dan KM Pembangunan. 4. Sebagai agensi utama dalam memastikan penyediaan Pelan Induk selaras dengan kepentingan Kerajaan Negeri 5. Memastikan pelan rekabentuk perancangan mematuhi semua keperluan teknikal dan garispanduan yang di gunapakai
Jabatan Kerja Raya Negeri Kedah (JKR Kedah)	**Fungsi-fungsi JKR Kedah di peringkat negeri dalam program penambakan laut:** 1. Menyelaras perancangan kemudahan infrastruktur di peringkat Negeri. 2. Menjadi peneraju aspek pengurusan aset, pengurusan projek dan kecemerlangan kejuruteraan. 3. Menyelaras dengan JKR daerah berkaitan program pelaksanaan projek.
Jabatan Alam Sekitar	**Fungsi-fungsi Jabatan Alam Sekitar di peringkat negeri dalam program penambakan laut:** 1. Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 2. Memberi input teknikal berkaitan impak tambakan laut kepada kualiti persekitaran dan habitat marin 3. Memastikan pembangunan tambak laut dilaksanakan secara terkawal dan mampan
Jabatan Pengairan & Saliran	**Fungsi-fungsi Jabatan Pengairan & Saliran di peringkat negeri dalam program penambakan laut:** 1. Pematuhan cadangan tambak laut adalah selaras dengan Pelan Pengurusan Garis persisir Pantai (ISMP) 2. Memberi input sokongan maklumat teknikal seperti pengkalan data hidraulik & hidrologi, kawalan hakisan pantai dan sIstem perparitan 3. Pematuhan kepada garis panduan yang digunapakai oleh JPS dalam pengurusan pantai

PERINGKAT DAERAH

Jadual C10.5: Perincian Agensi-agensi di Peringkat Daerah yang Terlibat Dalam Proses Penambakan Laut di Kawasan Persisir Pantai

Agensi	Perincian
Pejabat Tanah Daerah Langkawi	Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi merupakan sebuah pusat pentadbiran yang terpenting di Daerah Langkawi. Selain itu, jabatan ini juga bertanggungjawab dalam pengurusan hal-ehwal tanah di daerah ini. Urusan berkaitan tanah seperti permohonan tanah, lesen menduduki sementara, pindah hak milik, dan gadaian disegerakan bagi memenuhi kehendak piagam pelanggan yang ditetapkan di samping memastikan hasil tanah sentiasa meningkat dan mencapai sasaran dengan pendekatan dan strategi kreatif dan inovatif. **Fungsi Pejabat Tanah Daerah Langkawi di peringkat daerah dalam program penambakan laut adalah;** 1. Menyelaras keperluan PTDL dalam memproses permohonan tambakan laut 2. Memproses permohonan hakmilik tanah 3. Pengeluaran dokumen hak milik blok kepada pemaju setelah pematuhan semua aspek teknikal dipatuhi 4. Pemakluman kepada pemaju berkaitan syarat kadar premium, wang cagaran, caj pembangunan dan perkara lain yang berkaitan
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP)	Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) yang dahulunya dikenali sebagai Majlis Daerah Langkawi mulai 29hb. April 1987, diberi kuasa sebagai Pihak Berkuasa Tempatan dan bertanggungjawab dalam hal ehwal perancangan, perlesenan, kebersihan, bangunan, senitaman dan sebagainya selaras dengan akta-akta dan undang-undang kecil Majlis yang diguna pakai. Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) telah diwartakan pada 16 Disember 2000. Bidang tugas MPLBP meliputi Perancangan Fizikal, Ekonomi serta Sosial ke arah kemantapan Pembangunan Bandar di Langkawi dan memberikan Perkhidmatan Perbandaran yang efisyen serta bertanggungjawab terhadap perancangan dan pembangunan Bandar. MPLBP melaksanakan setiap fungsi-fungsinya menggunakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) serta dapat melaksanakan aktiviti dan menguatkuasakan dasar serta peraturan-peraturan yang berkaitan dengan Hal Ehwal Pihak Berkuasa Tempatan. Berikut merupakan **fungsi-fungsi MPLBP:** 1. Berperanan sebagai PBT bersebelahan dalam memproses permohonan kelulusan Pelan Bangunan, Pelan Infrastruktur dan yang berkaitan 2. Memberi input berkaitan pemakaian Rancangan Pemajuan dan kawalan pembangunan dalam kawasan pentadbirannya 3. Sebagai agensi utama yang terlibat dalam program pemantauan di peringkat pelaksanaan kerja tambakan laut 4. Memastikan syarat syarat seperti status pemilikan tanah dipatuhi sebelum permohonan kelulusan pelan bangunan dan infrastruktur diberi

Jadual C10.5: Perincian Agensi-agensi di Peringkat Daerah yang Terlibat Dalam Proses Penambakan Laut di Kawasan Persisir Pantai (Samb.)

Agensi	Perincian
Jawatankuasa Tindakan Daerah Langkawi	Jawatankuasa ini dijalankan 1 kali setiap bulan dan dihadiri oleh semua pengarah jabatan-jabatan kerajaan dan agensi-agensi seluruh Daerah Langkawi. Secara tidak langsung, jabatan-jabatan dan agensi-agensi seperti yang dinyatakan di Jadual xx terlibat dalam pemakaian RTD ini untuk membangunkan keseluruhan Daerah Langkawi. 1. Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Negeri Kedah Darul Aman 2. Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Langkawi 3. Ketua Penolong Pegawai Daerah (Tanah) Langkawi 4. Ketua Polis Daerah Langkawi 5. Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) 6. Pegawai Pendidikan Daerah Langkawi 7. Pegawai Agama Daerah Langkawi 8. Pengarah Hospital Langkawi 9. Pegawai Kesihatan Daerah Langkawi 10. Jurutera Daerah JKR Langkawi 11. Jurutera Derah JPS Langkawi 12. Ketua Penguatkuasa Daerah Maritim 1 Langkawi 13. Panglima Wilayah Laut 3 Tentera Laut Diraja Malaysia Langkawi 14. Pengurus Daerah Langkawi Syarikat Air Darul Aman (SADA) 15. Pengurus TNB Daerah Langkawi 16. Ketua Imigresen Daerah Langkawi 17. Ketua Kastam Daerah Langkawi 18. Pegawai Jabatan Laut Wilayah Utara (Langkawi) 19. Ketua Zon Bomba Daerah Langkawi 20. Pegawai Kebajikan Masyarakat Daerah Langkawi 21. Pegawai MARA Daerah Langkawi 22. Pegawai LKIM Daerah Langkawi 23. Ketua Daerah Perikanan Langkawi 24. Pegawai Pertanian Daerah Langkawi 25. Pegawai Pembangunan Zon 1 Keda Langkawi 26. Ketua Cawangan KPDNKK Daerah Langkawi 27. Pegawai Veterina Daerah Langkawi 28. Pegawai FAMA Daerah Langkawi 29. Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Kawasan (PKK) Langkawi 30. Ketua Cawangan JPJ Daerah Langkawi 31. Ketua Pusat Khidmat Pelanggan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD) Daerah Langkawi 32. Pengurus Malaysia Airport Berhad Langkawi 33. Pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Langkawi 34. Pegawai Belia dan Sukan Daerah Langkawi 35. Pegawai Hutan Daerah Langkawi

Jadual C10.5: Perincian Agensi-agensi di Peringkat Daerah yang Terlibat Dalam Proses Penambakan Laut di Kawasan Persisir Pantai (Samb.)

Agensi	Perincian
Jawatankuasa Tindakan Daerah Langkawi (samb.)	36. Pegawai Penilai Daerah Langkawi 37. Pengurus FELCRA Berhad Daerah Langkawi 38. Ketua Cawangan Jabatan Alam Sekitar Daerah Langkawi 39. Pegawai Meteorologi Daerah Langkawi 40. Pegawai Jasa Parlimen Langkawi 41. Pegawai KEMAS Daerah Langkawi 42. Ketua Stesen MARDI Daerah Langkawi 43. Pegawai Penerangan Daerah Langkawi 44. Pengurus Tourism Malaysia Langkawi 45. Pegawai RISDA Daerah Langkawi 46. Pegawai Zakat Daerah Langkawi 47. Pengarah MAQIS Negeri Kedah 48. Pegawai RELA Daerah Langkawi
Jabatan Kerja Raya Daerah	**Fungsi-fungsi Jabatan Kerja Raya Daerah di peringkat daerah dalam program penambakan laut:** 1. Berperanan dalam memberi khidmat nasihat teknikal kepada PBT dan agensi yang berkaitan. 2. Bertanggungjawab melaksana projek dan penyelenggaraan jalan dan bangunan selain melaksankan aktiviti-aktiviti yang berkaitan pengurusan dan pentadbiran di peringkat daerah.

PERANAN MAJLIS DAN JAWATANKUASA DI DALAM KONTEKS PEMBANGUNAN KAWASAN TAMBAK LAUT

Jadual C10.6: Perincian Majlis dan Jawatankuasa yang Terlibat Dalam Proses Penambakan Laut di Kawasan Persisir Pantai

Majlis	Perincian
Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) Subseksyen 22(2A), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)	MPFN adalah Majlis tertinggi yang bertanggungjawab ke atas perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia. MPFN diwujudkan adalah untuk menyelaras semua dasar dan aktiviti berkaitan perancangan bandar dan desa bagi memastikan penggunaan sumber dan pembangunan yang lebih seimbang dan mampan di peringkat negeri dan negara. Berikut merupakan **fungsi-fungsi MPFN:** 1. Menasihati Kerajaan Negeri dalam perkara-perkara berkaitan pembangunan tambak laut. 2. Menetapkan syarat dan perkara berkaitan kepentingan Kerajaan Persekutuan. 3. Menyelaras semua dasar di peringkat Persekutuan dan Negeri dalam aktiviti berkaitan tambakan laut.
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN)	Berikut merupakan **fungsi-fungsi MMKN:** 1. Meluluskan program tambakan laut di peringkat Kerajaan Negeri 2. Menetapkan syarat syarat dan kepentingan Kerajaan Negeri 3. Menetapkan pulangan dan faedah kepada Kerajaan Negeri

C10.4 Kumpulan Berkepentingan dan Undang-undang yang berkaitan dengan Pengurusan Zon Pesisiran Pantai

Aktiviti Penambakan Laut mempunyai impak yang luas seperti impak kepada alam sekitar, perikanan, diversiti, arkeologi, dan petempatan pesisiran pantai dari jangka masa pendek mahupun panjang. Pelaksanaan aktivivti penambakan laut melibatkan pelbagai perundangan serta pihak-pihak berkepentingan dari sektor awam mahupun swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat tempatan. Jadual C10.7 menunjukan aktiviti, undang-undang berkaitan serta kumpulan-kumpulan berkepentingan yang terlibat dengan pembangunan tambak laut**.**

Jadual C10.7: Kumpulan Berkepentingan dan Undang-undang yang berkaitan dengan Pengurusan Zon Pesisiran Pantai

Aktiviti/ Isu	Undang-Undang Berkaitan	Kumpulan Berkepentingan (Kerajaan)	Kumpulan Berkepentingan (Swasta/NGO/Awam)
Penambakan Laut	• Kanun Tanah Negara 1965 • Akta Kerajaan Tempatan 1976 • Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 • Akta Kualiti Alam Sekeliling (EQA) 1974	• UPEN • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT • JAS • JPS • Jabatan Perikanan • JLM	• Persatuan nelayan • Operator Pelabuhan dan kargo • Syarikat perlombongan pasir • Persatuan pemilik kapal • Operator pelancongan • Pemilik hartanah • Pemaju hartanah
Pelancongan / Pengurusan Taman Laut	• Kanun Tanah Negara 1965 • Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 • Akta Perhutanan Negara 1984 • Akta Perikanan 1985 • Akta Kerajaan Tempatan 1976 • Akta Warisan Negara 1985	• UPEN • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT • JPBD • JPSM • Jabatan Perikanan • Kementerian Pelancongan Malaysia • JTLM • JPS	• Penduduk tempatan • Persatuan nelayan • Operator pelancongan • Persatuan warisan • NGO alam sekitar • Persatuan hotel
Pertanian/ Punca-punca Pencemaran bukan Setempat	• Akta Racun Makhluk Perosak 1974 • Akta Racun 1952 • Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974	• KPIAT • PBT • Pejabat Daerah dan Tanah • Jabatan Kesihatan • JAS	• NGO alam sekitar • Persatuan peladang

Jadual C10.7: Kumpulan Berkepentingan dan Undang-undang yang berkaitan dengan Pengurusan Zon Pesisiran Pantai (Samb.)

Aktiviti/ Isu	Undang-undang Berkaitan	Kumpulan Berkepentingan (Kerajaan)	Kumpulan Berkepentingan (Swasta/NGO/Awam)
Sumber-sumber Perikanan/ Akuakultur/ Biodiversiti Persisiran Pantai	• Kanun Tanah Negara 1965 • Akta Kerajaan Tempatan 1976 • Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 • Akta Kualiti Alam Sekeliling (EQA) 1974 • Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 • Akta Perhutanan Negara 1984	• UPEN • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT • JPBD • JPSM • JPS • Jabatan Perikanan	• Persatuan nelayan • Operator Pelabuhan dan kargo • Syarikat perlombongan pasir • Operator pelancongan • Pemaju hartanah • NGO alam sekitar • Institusi penyelidikan
Sisa Buangan Industri	• Akta Kerajaan Tempatan 1976 • Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 • Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 • Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976	• Pejabat Daerah dan Tanah • PBT • JPBD • Suruhanjaya Pelabuhan • JAS	• Operator Pelabuhan dan kargo • Pemaju Kawasan industry • NGO alam sekitar • Persatuan Pengilang dan Industri Perkhidmatan Malaysia • Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia
Perlombongan Pasir dan Pengorekan/ Sedimentasi	• Akta Kerajaan Tempatan 1976 • Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 • Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 • Enakmen Air • Kanun Tanah Negara 1965 • Akta Perikanan 1985 • Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 • Akta Pemuliharaan Tanah 1960	• PBN • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT • JAS • JPS • Suruhanjaya Pelabuhan • JLM • Jabatan Perikanan • JMG • JPBD	• Persatuan nelayan • Lembaga Pelabuhan dan kargo setiap negeri • Syarikat perlombongan/ pengorekan pasir • Pemaju hartanah • NGO alam sekitar • Persatuan pemilik kapal

Jadual C10.7: Kumpulan Berkepentingan dan Undang-undang yang berkaitan dengan Pengurusan Zon Pesisiran Pantai (Samb.)

Aktiviti/ Isu	Undang-undang Berkaitan	Kumpulan Berkepentingan (Kerajaan)	Kumpulan Berkepentingan (Swasta/NGO/Awam)
Pencemaran Marin daripada Kapal	• Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 • Ordinan Perkapalan Saudagar • Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak)	• PBN • PBT • JAS • Suruhanjaya Pelabuhan • JLM • APMM • Jabatan Perikanan	• Persatuan nelayan • Lembaga Pelabuhan dan kargo setiap negeri • Persatuan Pemilik-pemilik Kapal Malaysia (MASA) • NGO alam sekitar • Majlis Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSC)
Pembinaan Struktur	• Akta Kerajaan Tempatan 1976 • Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 • Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 • Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 • Akta Pemuliharaan Tanah 1960 • Enakmen Air	• PBN • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT • JAS • JPS • JPBD • Suruhanjaya Pelabuhan • JKR	• Persatuan nelayan • Operator Pelabuhan dan kargo • Pemaju hartanah • NGO alam sekitar
Petempatan Pesisiran Pantai	• Akta Kerajaan Tempatan 1976 • Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 • Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976	• PBN • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT • JPBD • JPS	• JKKK • Persatuan komuniti • Operator Pelabuhan • Operator pelancongan • NGO alam sekitar
Tapak-tapak Arkeologi/ Khazanah	• Akta Kerajaan Tempatan 1976 • Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 • Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 • Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 • Akta Warisan Negara 2005 • Ordinan Perkapalan Saudagar	• PBN • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT • JAS • JPS • JPBD • Suruhanjaya Pelabuhan • JLM • KPKK	• Persatuan warisan • Operator pelancongan • NGO alam sekitar • Persatuan pemaju • Syarikat penyelamat • Persatuan Muzium Malaysia • Persatuan Sejarah Malaysia

Jadual C10.7: Kumpulan Berkepentingan dan Undang-undang yang berkaitan dengan Pengurusan Zon Pesisiran Pantai (Samb.)

Aktiviti/ Isu	Undang-undang Berkaitan	Kumpulan Berkepentingan (Kerajaan)	Kumpulan Berkepentingan (Swasta/NGO/Awam)
Pembangunan Muara Sungai dan Estuari	• Akta Kerajaan Tempatan 1976 • Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 • Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 • Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 • Akta Warisan Negara 2005 • Akta Warisan Negara 2005 • Ordinan Perkapalan Saudagar • Akta Perhutanan 1984 • Akta Perikanan 1985	• PBN • Pejabat Daerah dan Tanah • PBT • JAS • JPS • JPBD • Suruhanjaya Pelabuhan • JLM • JPSM	• Persatuan warisan • NGO alam sekitar • Persatuan pemaju • Persatuan penduduk • Persatuan nelayan • Operator Pelabuhan • Persatuan hotel

Sumber: Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (Jilid 1) (2012)

C10.5 Undang-undang yang Terlibat dalam Proses Penambakan Laut

Kemampanan pembangunan persisir pantai sangat berkait rapat dengan pematuhan kepada akta-akta dan perundangan serta garis panduan yang berkaitan. Terdapat beberapa undang-undang yang terlibat dalam proses merancang dan mengawal pembangunan persisir pantai dan kawasan tambakan, seperti Kanun Tanah Negara 1965, Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (AKTA 172), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (AKTA 127) dan akta-akta lain yang berkaitan.

Rajah C10.4: Senarai undang-undang yang terlibat dalam proses penambakan laut

1. **Kanun Tanah Negara 1965**
2. **Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 127)**
3. **Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127)**
4. **Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1993 (Akta 311)**
5. **Akta Perikanan 1985 (Akta 317)**
6. **Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993 (Akta 508)**
7. **Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)**
8. **Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)**
9. **Akta Lembaga Pembangunan Langkawi 1990 (Akta 423**
10. **Akta Perhutanan Negara 1984(Akta 313)**
11. **Akta Pelantar Benua 1972 (Akta 83) 1972**
12. **Akta Perkapalan Saudagar 1984 (Akta 515)**

Jadual C10.8: Perincian Undang-undang Yang Terlibat Dalam Proses Penambakan Laut di Kawasan Persisir Pantai

Undang-Undang	Perincian
Kanun Tanah Negara 1965	Kanun Tanah Negara (KTN) merupakan undang-undang tertinggi di Semenanjung Malaysia mengenai urusan pentadbiran tanah. Ia tidak terpakai di negeri Sabah dan Sarawak. Tiada apa jua dalam Akta ini boleh menyentuh apa-apa pelaksanaan lampau atau apa-apa yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang tanah terdahulu, setakat mana ianya mengenai tanah, peruntukan-peruntukan mana-mana undang-undang lain yasng diluluskan sebelum bermulanya kuatkuasa Akta ini.
Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133)	Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) merupakan suatu Akta yang digubal oleh Parlimen menurut Fasal (4) Perkara 76 Perlembagaan Persekutuan mengenai segala peruntukan dan undang-undang yang berhubungan dengan jalan, parit dan bangunan di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya. Akta ini dibahagikan kepada 8 bahagian besar yang merangkumi peruntukan mengenai jalan, parit, bangunan, lorong belakang, pelbagai, undang-undang kecil dan peruntukan pemansuhan dan peralihan yang meibatkan sejumlah 135 seksyen di dalamnya.

Jadual C10.8: Perincian Undang-undang Yang Terlibat Dalam Proses Penambakan Laut di Kawasan Persisir Pantai (Samb.)

Undang-Undang	Perincian
Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172)	Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) merupakan suatu Akta yang digubal oleh Parlimen menurut Fasal (1) Perkara 74, Fasal (4) Perkara 76 dan Fasal (2) Perkara 80 Perlembagaan Persekutuan bagi pengawalan dan pengawalseliaan yang sepatutnya mengenai perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia dan bagi maksud yang berkenaan dan bersampingan dengannya. Secara keseluruhannya, Akta ini dibahagikan kepada sembilan (9) bahagian yang merangkumi peruntukan mengenai dasar dan pentadbiran, , rancangan pemajuan, kawalan perancangan, caj pemajuan, perintah pemeliharaan pokok, Lembaga Rayuan, notis pembelian dan pengambilan tanah, kawasan pemajuan serta peruntukan pelbagai yang melibatkan sebanyak lima puluh sembilan (59) seksyen di dalamnya.
Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 127)	Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) merupakan suatu Akta yang digubal oleh Parlimen menurut Fasal (4) Perkara 76, Perlembagaan Persekutuan mengenai segala peruntukan dan undang-undang berkenaan dengan penyusunan semula dan menyatukan undang-undang berhubungan dengan kerajaan tempatan. Secara keseluruhannya Akta ini terbahagi kepada lima belas (15) bahagian besar yang merangkumi peruntukan mengenai tafsiran pentadbiran pihak berkuasa tempatan, pekerja pihak berkuasa tempatan, penjalanan urusan, kacau ganggu, akaun dan audit, peruntukan am kewangan, kacau, kebersihan, pasar, krematorium dan sebagainya yang meliputi 166 seksyen di dalamnya.
Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (Akta 127	Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127] merupakan suatu akta berhubung dengan mencegah, menghapus, mengawal pencemaran dan membaiki alam sekeliling dan bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya. Akta 127 ini telah dikuatkuasakan pada 15 April 1975 dan telah mengalami beberapa proses pindaan.
Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1993 (Akta 311)	Suatu Akta berhubungan dengan zon ekonomi eksklusif dan aspek tertentu mengenai pelantar benua Malaysia dan bagi membuat peruntukan mengenai pengawalseliaan aktiviti dalam zon dan pelantar benua dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Secara keseluruhannya Akta ini terbahagi kepada sepuluh (10) bahagian besar yang merangkumi tafsiran zon ekonomi eksklusif, perikanan, perlindungan dan pemeliharaan alam sekitar laut, penyelidikan saintifik laut, kabel bawah tanah dan talian paip, penguatkuasaan, kesalahan, penalti, prosiding undang-undang dan pampasan, dan sebagainya yang meliputi 42 seksyen di dalamnya.

C10.6 Garis Panduan Pembangunan Kawasan Persisir Pantai

Kemampanan pembangunan persisir pantai sangat berkait rapat dengan pematuhan kepada akta-akta dan perundangan serta garis panduan yang berkaitan. Terdapat beberapa garis panduan berhubung pembangunan bagi kawasan pembangunan persisir pantai dan kawasan tambakan, iaitu:

- **Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP)**
- **Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN)**
- **Pengurusan Zon Persisir Pantai Bersepadu (ICZM)**
- **Garis Panduan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Persisiran Pantai**

Jadual C10.9: Perincian Garis Panduan berhubung Pembangunan bagi Kawasan Persisir Pantai

Garis Panduan	Objektif/ Prinsip
Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP)	▪ Penilaian dan Pemilihan Strategi Pengurusan Pembangunan Pantai Supaya Pembangunan di Kawasan Pantai boleh dilaksanakan dalam Cara yang Mampan ▪ Penilaian dan Pemilihan Opsyen Pertahanan untuk Garis Pantai ▪ Perumusan Garis Panduan Khusus dan Dasar untuk Aktiviti/Cadangan Pembangunan di kawasan pantai
Pengurusan Zon Persisir Pantai Bersepadu (ICZM)	▪ ICZM menyatukan semua pihak yang berkepentingan dalam membangunkan dan melaksanakan pelan bersepadu dengan strategi yang diselaraskan untuk peruntukan sumber-sumber alam sekitar, sosio-budaya dan institusi. Tujuannya adalah untuk mencapai pemuliharaan dan penggunaan pelbagai yang mampan bagi zon pantai.
Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN)	**Objektif RFZPPN** ▪ Untuk Merancang dan Menyelaraskan Penggunaan dan Pemuliharaan Bersepadu Sumber Persisiran Pantai dan Marin Melangkaui Sempadan Negeri ▪ Untuk Merangka Hala Tuju Masa Depan Perancangan Guna Tanah dan Petemoatan di Zon Persisiran Pantai, yang Terdedah kepada Ancaman Bencana Persisiran Pantai seperti Banjir dan Hakisan Pantai ▪ Untuk Mengenalpasti Mekanism Perancangan dan Pengurusan Holistik yang Bersesuaian bagi Zon Persisiran Pantai dalam Usaha Mengurangkan Pertindihan Bidang Kuasa antara Agensi ▪ Untuk Membentuk Satu Rangka Kerja Pelaksanaan RFZPPN di Peringkat Rancangan Struktur, Rancangan Tempatam dan Rancangan Kawasan Khas.

Jadual C10.9: Perincian Garis Panduan berhubung Pembangunan bagi Kawasan Persisir Pantai (samb.)

Garis Panduan	Objektif/ Prinsip
Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN)	**Prinsip-Prinsip Asas Output Dalam RFZPPN 2012** ▪ Hubungan Perantaraan dan Integrasi, ▪ Penggunaan Sumber Asli Secara Mampan ▪ Pembangunan dalam Konteks Kepentingan Masyarakat ▪ Kesaksamaan ▪ Kedaulatan negeri ▪ Kerjasama merentasi sempadan ▪ Pencegahan Kemusnahan Alam Sekitar dan Prinsip Berwaspada ▪ Prinsip 'Pencemar Membayar'/ Penjenayah Alam Sekitar ▪ Penyertaan ▪ Sumbangan kepada Warisan Negara
Garis Panduan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Persisiran Pantai	**Prinsip-Prinsip Perancangan bagi Perancangan dan Pemuliharaan KSAS Persisiran Pantai** ▪ **Mengambilkira Keperluan Ekonomi dan Pengekalan Kualiti Alam Sekitar** Menghindarkan unsur-unsur yang mendatangkan ancaman dan kerosakan/ bahaya kepada kawasan tersebut dan manusia. ▪ **Keselamatan** Menghindarkan unsur-unsur yang mendatangkan ancaman dan kerosakan/ bahaya kepada kawasan tersebut dan manusia. ▪ **Mengambilkira Isu Perubahan Iklim dan Hakisan Pantai** **Garis Panduan Umum** ▪ Pengurusan Persisir Pantai Mengikut Pembahagian Garis Persisir Dalam Unit Pengurusan ▪ Mematuhi Dasar Dan Perundangan Sedia Ada ▪ Perancangan Pembangunan Guna Tanah ▪ Pengurusan Kebersihan dan Keindahan ▪ Zon Pengurusan Riparian ▪ Kawalan Hakisan Pantai ▪ Perlindungan Kecemasan ▪ Pengorekan Pasir Laut ▪ Akuakultur

Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP)

Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP) dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan disesuaikan mengikut prinsip ICZM untuk memberi perhatian kepada isu-isu utama dan masalah yang dihadapi oleh garis pesisir pantai. ISMP merupakan pendekatan bersepadu yang mengambilkira semua aktiviti bersektor yang mempengaruhi kawasan pantai dan memberikan pertimbangan sewajarnya kepada isu ekonomi, sosial, alam sekitar dan ekologi.

Matlamat ISMP: Membangunkan Alat Pengurusan yang Mengharmonikan semua Aktiviti di Kawasan Pantai untuk Menyokong Set Objektif Pengurusan yang Lebih Luas bagi Kawasan Pesisir.

Sehingga kini, JPS Malaysia telah menyiapkan ISMP untuk Pahang, Melaka, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Labuan dan Miri, Sarawak. Pada masa ini, terdapat dua ISMP yang sedang dalam penyediaan iaitu ISMP Sabah dan ISMP Johor.

Objektif ISMP:

- **Penilaian dan Pemilihan Strategi Pengurusan Pembangunan Pantai Supaya Pembangunan di Kawasan Pantai boleh dilaksanakan dalam Cara yang Mampan**
- **Penilaian dan Pemilihan Opsyen Pertahanan untuk Garis Pantai**
- **Perumusan Garis Panduan Khusus dan Dasar untuk Aktiviti/Cadangan Pembangunan di kawasan pantai**

Penentuan Had Kawasan Garis Persisir

1. Had arah ke darat adalah kira-kira 1 kilometer dari garis pesisir (pada MHWS).
2. Had arah laut adalah kira-kira 3 kilometer sekiranya proses pantai memberikan kesan yang sedikit terhadap garis pesisir.

Pembangunan di kawasan pesisir pantai boleh dibahagikan kepada 4 kategori iaitu:

1. Pembangunan depan pantai *(shore front)* contoh pembangunan adalah limbungan kapal, loji penapisan minyak, talian paip dan stesen janakuasa
2. Pembangunan belakang pantai *(back shore)* contoh pembangunan adalah kawasan perumahan, resort pelancongan, kawasan rekreasi dan aktiviti pelancongan
3. Tambakan pantai contoh pembangunan adalah perhotelan dan resort, bandar baru dan kemudahan infrastruktur
4. Pengorekan pasir pantai dan muara sungai. Contoh pembangunan adalah untuk pengemudian kapal, penebatan banjir dan aktiviti akuakultur

Pengurusan Zon Pesisir Pantai Bersepadu (ICZM)

Konsep ICZM merupakan satu proses yang dinamik dan berterusan dimana pelbagai keputusan terpaksa diambil kira khususnya melibatkan konsep pembangunan mapan serta kawalan kawasan pesisiran pantai serta sumber alam dan akuatik dari mengalami kepupusan.

Pengurusan Zon Pantai Bersepadu adalah satu sistem untuk menguruskan sumber zon pantai melalui penyertaan dan kerjasama semua sektor ekonomi terjejas, agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Ia adalah berdasarkan hubungan fizikal, sosio-ekonomi dan politik yang membentuk zon pantai.

ICZM menyatukan semua pihak yang berkepentingan dalam membangunkan dan melaksanakan pelan bersepadu dengan strategi yang diselaraskan untuk peruntukan sumber-sumber alam sekitar, sosio-budaya dan institusi. Tujuannya adalah untuk mencapai pemuliharaan dan penggunaan pelbagai yang mampan bagi zon pantai.

Di Malaysia, ICZM projek telah dilaksanakan di **Sarawak, Pulau Pinang dan Sabah.**

Kriteria untuk Zon Pantai

- **Pengaruh Air Pasang Surut bagi Sempadan Darat**
- **Zon Ekonomi Eksklusif bagi Kawasan Pesisir Pantai**

Kegunaan Utama Zon Pantai

- **Penempatan Manusia**
- **Rekreasi**
- **Perbandaran**
- **Pertanian**
- **Estet Perindustrian**
- **Pemprosesan Kayu**
- **Ameniti**
- **Perikanan**

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak

ICZM di Peringkat Antarabangsa

Pada tahun 1972 Amerika Syarikat mengeluarkan Akta Pengurusan Zon Pantai menjadikannya negara pertama untuk menggubal satu rangka kerja persekutuan untuk pengurusan zon pantai. Akta memperuntukkan negara anggota dengan garis panduan untuk mencapai matlamat negara. Sejak itu, konsep ICZM telah diterima pakai oleh agensi-agensi utama alam sekitar antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Satu persidangan mengenai alam sekitar dan pembangunan (Rio de Janeiro pada tahun 1992) telah membawa kepada penyata dasar dan garis panduan yang ditandatangani oleh senarai panjang negara-negara di seluruh dunia.

Malaysia adalahs salah satu penandatangan kenyataan dasar Rio de Janeiro. Dengan itu, Malaysia telah berikrar untuk mendukung prinsip-prinsip tertentu pengurusan alam sekitar.

Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN)

Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN) mendefinisikan zon persisiran pantai sebagai:

"Kawasan Tanah Daratan yang Dipengaruhi oleh Laut", iaitu zon riparian terdedah kepada pasang surut

dan

"Kawasan Laut yang Dipengaruhi oleh Daratan", iaitu perairan persisiran pantai yang dipengaruhi oleh pembangunan di darat.

Kawasan perancangan RFZPPN ditetapkan meliputi sejauh 5 km ke arah darat dan tiga batu nautika ke arah laut dari zon pasang surut. Sempadan ke arah darat telah mengambilkira atribut fizikal yang penting seperti jalan raya, sempadan luar bagi ekosistem penting dan sempadan pentadbiran.

Menurut RFZPPN, kawasan persisiran pantai merangkumi kawasan 5 km ke sebelah darat *(back shore)* dan 16.1 km ke sebelah laut dari paras purata air pasang perbani *(shore front).* Kawasan di sebelah darat termasuk sungai dan rizab air hingga ke kawasan yang dipengaruhi oleh air masin. Sempadan kawasan pinggir laut, termasuk persisir pantai, kawasan perikanan dan Taman Laut adalah dihadkan mengikut syarat-syarat tertentu.

Objektif RFZPPN:

- **Untuk Merancang dan Menyelaraskan Penggunaan dan Pemuliharaan Bersepadu Sumber Persisiran Pantai dan Marin Melangkaui Sempadan Negeri**
- **Untuk Merangka Hala Tuju Masa Depan Perancangan Guna Tanah dan Petemoatan di Zon Persisiran Pantai, yang Terdedah kepada Ancaman Bencana Persisiran Pantai seperti Banjir dan Hakisan Pantai**
- **Untuk Mengenalpasti Mekanism Perancangan dan Pengurusan Holistik yang Bersesuaian bagi Zon Persisiran Pantai dalam Usaha Mengurangkan Pertindihan Bidang Kuasa antara Agensi**
- **Untuk Membentuk Satu Rangka Kerja Pelaksanaan RFZPPN di Peringkat Rancangan Struktur, Rancangan Tempatam dan Rancangan Kawasan Khas.**

Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN)

Prinsip-Prinsip Asas *Output* Dalam RFZPPN 2012

1. **Hubungan Perantaraan dan Integrasi,** prinsip hubungan perantaraan dan integrase membentuk asas kepada pembangunan mampan
2. **Penggunaan Sumber Asli Secara Mampan,** sumber asli digunakan dengan berkesan dan berhemat dengan perspektif jangka masa panjang dan tidak digunakan hanya untuk jangka masa pendek
3. **Pembangunan dalam Konteks Kepentingan Masyarakat,** pembangunan tidak seharusnya mengatasi kepentingan masyarakat
4. **Kesaksamaan,** merangkumi hubungan sesama generasi yang menuntut keadilan dalam pengagihan faedah pembangunan
5. **Kedaulatan Negeri,** pelaksanaan kedaulatan mestilah konsisten dengan tanggungjawab untuk tidak memusnahkan persekitaran semula jadi negeri lain atau luar bidang kuasa negeri tersebut
6. **Kerjasama Merentasi Sempadan,** kerjasama merentasi sempadan diperlukan bagi aktiviti yang melangkaui bidang kuasa sesebuah negeri
7. **Pencegahan Kemusnahan Alam Sekitar dan Prinsip Berwaspada,** dicapai melalui langkah pencegahan
8. **Prinsip 'Pencemar Membayar'/ Penjenayah Alam Sekitar**
9. **Penyertaan,** melalui pemakaian dalam proses Penilaian Kesan Alam Sekitar, RS dan RT
10. **Sumbangan kepada Warisan Negara,** mengenalpasti habitat semula jadi dan ekosistem di zon persisiran pantai yang unik dan mempunyai kepentingan global atau negara

Garis Panduan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Persisiran Pantai

Garis Panduan Perancangan Pemuliharaan dan Pembangunan (GPPPP) Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) bertujuan untuk membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) menentukan jenis kegunaan tanah dan aktiviti pembangunan yang dibenarkan dan tidak dibenarkan di KSAS.

GPPPP KSAS terdiri daripada 9 GPPPP perancangan yang perlu dibaca bersama iaitu:-

- GPPPP KSAS Persisiran Pantai
- GPPPP KSAS Kawasan Tadahan Air dan Sumber Air Tanah
- GPPPP KSAS Dataran Banjir, Tanah Lembap, Tanah Bekas Lombong, Tasik dan Sungai
- GPPPP KSAS Simpanan Mineral dan Geobencana
- GPPPP KSAS Bekas dan Tapak Pelupusan Sisa Pepejal
- GPPPP KSAS Kawasan Pertanian Makanan
- GPPPP KSAS Habitat Hidupan Liar
- GPPPP KSAS Hutan Simpanan Kekal
- GPPPP KSAS Warisan Kebudayaan dan Warisan Semula Jadi

Prinsip-Prinsip Perancangan bagi Perancangan dan Pemuliharaan KSAS Persisiran Pantai:

Mengambilkira Keperluan Ekonomi dan Pengekalan Kualiti Alam Sekitar

Kawasan semulajadi persisiran dan pantai yang sensitif perlu dipulihara kerana kepentingan ekologinya.

Keselamatan

Menghindarkan unsur-unsur yang mendatangkan ancaman dan kerosakan/ bahaya kepada kawasan tersebut dan manusia.

Mengambilkira Isu Perubahan Iklim dan Hakisan Pantai


Garis Panduan Umum

Pengurusan Persisir Pantai Mengikut Pembahagian Garis Persisir Dalam Unit Pengurusan	Mematuhi Dasar Dan Perundangan Sedia Ada
Perancangan Pembangunan Guna Tanah	Pengurusan Kebersihan dan Keindahan
Zon Pengurusan Riparian	Kawalan Hakisan Pantai
Perlindungan Kecemasan	Pengorekan Pasir Laut
Akuakultur	

C10.7 Proses Pemajuan Kawasan Tambak Laut di Negeri Kedah

Proses pemajuan tambak laut melibatkan prosedur tertentu yang harus dituruti bermula cadangan untuk tambak laut dari pemaju atau penggerak projek sehingga ke peringkat pewartaan kawasan tambakan laut sebagai kawasan PBT. Rajah C10.5 dibawah yang disediakan oleh Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah (2019) menunjukkan carta aliran proses pemajuan kawasan tambak laut yang diamalkan di negeri Kedah.

Rajah C10.5 Carta Alir Proses Kelulusan Pelan Induk dan Kebenaran Merancang bagi Projek Tambakan Laut di Negeri Kedah



Sumber: **Kajian Pelan Pengurusan Pembangunan Pesisir Pantai Pekan Kuah-Kelibang, Langkawi, Kedah**

Proses permohonan kawasan tambakan di Pulau Langkawi dan di Negeri Kedah secara amya akan melalui 5 peringkat seperti berikut :

PERINGKAT 1
Permohonan masuk 'Kertas Cadangan' bagi tujuan penambakan ke Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN)

BPEN setelah menerima sesuatu permohonan bagi tujuan tambakan laut akan meneliti kertas cadangan yang dikemukakan oleh pemaju untuk memastikan ianya memenuhi keperluan minima syarat dan tujuan permohonan bagi membolehkan pihak BPEN membuat penelitian dan semakan.

Sekiranya permohonan yang dikemukakan tidak lengkap, BPEN akan menolak permohonan dan memaklumkan kepada pemaju tentang syarat yang harus dipatuhi bagi tujuan tersebut. Senarai semak akan dimaklumkan kepada pemaju untuk mengemukakan semula permohonan. Sekiranya kertas cadangan lengkap, permohonan tersebut akan didaftarkan dan diedarkan kepada agensi teknikal yang terlibat untuk mendapatkan ulasan dalam tempoh 2 minggu. Satu sesi pra perbincangan bersama BPEN akan diadakan untuk menjelaskan cadangan pembangunan. Seterusnya satu mesyuarat jawatankuasa teknikal akan diadakan bagi membincangkan perkara tersebut.

PERINGKAT 2
Mesyuarat Teknikal BPEN

Pada peringkat ini BPEN akan membuat keputusan berhubung permohonan yang dikemukakan berdasarkan ulasan jabatan teknikal yang diperolehi. Maklum balas jabatan teknikal dan maklumat tambahan dari pemaju perlu diperolehi 14 hari sebelum tarikh mesyuarat.

PERINGKAT 3
Majlis Mesyuarat Negeri (MMKN)

Penyediaan kertas kerja oleh BPEN akan disediakan untuk di maklumkan kepada Pengarah/Timbalan SUK Pembangunan untuk tujuan semakan. Seterusnya diperaku untuk diangkat ke Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Sebanyak 25 salinan kertas cadangan akan diedaran kepada MMK dan mesyuarat MMK akan membuat keputusan samada untuk meluluskan, menolak atau menangguhkan permohonan yang dikemukakan. Sekiranya kelulusan diberikan kepada pemaju, tempoh 30 hari diberikan untuk pemaju menjelaskan bayaran fi komitmen

PERINGKAT 4
Majlis Ekonomi Negeri Kedah (MEKN)


KEC akan mengadakan mesyuarat bagi memperakukan keputusan yang dibuat oleh MMK. Keputusan meluluskan atau menangguhkan cadangan akan dimaklumkan kepada MMK. Sekiranya permohonan di tolak, surat pemakluman penolakan akan dikemukakan kepada pemaju.

PERINGKAT 5
Fi Komitmen

Merupakan peringkat di mana pemaju perlu mematuhi syarat pembayaran bayaran fi komitmen. Setelah menerima surat pemakluman kelulusan dasar, jumlah fi komitmen juga akan dinyatakan untuk pemaju membuat pembayaran. Setelah pembayaran dibuat kepada Kewangan SUK, surat resit bayaran akan di serahkan kepada pemaju. Seterusnya surat Kelulusan Dasar (Penuh) akan dikeluarkan kepada pemaju bagi tujuan pemakluman.

Permohonan bagi pemajuan di kawasan tambak laut dalam kawasan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) pula, penggerak projek atau pemaju boleh mengemukakan permohonan Kebenaran Merancang terus kepada Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan untuk mendapatkan kelulusan. Carta aliran permohonan pemajuan di kawasan tambakan laut dalam kawasan RTD dijelaskan di Rajah C10.6 di bawah.

Rajah C10.6: Carta alir permohonan pemajuan di kawasan tambakan laut yang terlibat dalam kawasan RTD Langkawi 2030



Sumber: Kajian Pelan Pengurusan Pembangunan Pesisir Pantai Pekan Kuah-Kelibang, Langkawi, Kedah

C10.8 Amalan Pembangunan Tambak Laut di dalam dan Luar Negara

Bahagian ini membincangkan menerangkan kajian kes bagi prosedur pembangunan tambakan laut sebagai rujukan untuk menambahbaik pembangunan tambakan laut di Langkawi, Kedah. Antara negeri dan negara yang dikaji di bahagian ini adalah Pulau Pinang dan Melaka di Malaysia, serta negara luar iaitu Filipina dan Amerika Syarikat (AS).



PULAU PINANG, MALAYSIA

Pengenalan

Negeri Pulau Pinang telah menjalankan kerja kerja penambakan laut semenjak awal 1980an lagi. Kawasan Weld Quey dan Bayan Baru merupakan antara kawasan terawal program penambakan ini di jalankan.

Pada 1990an Kerajaan Negeri telah meluluskan kawasan tambakan seluas 980 ekar di Tanjung Tokong dan kemudianya pada tahun 1997 seluas 324 ekar di Jelutong. Pada tahun 2019, kerajaan Pulau Pinang bercadang menebus guna 1,821.09 hektar kawasan laut bagi membina tiga (3) pulau buatan merentang dari selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang ke arah timur sekitar Permatang Damar Laut. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Pulau Pinang telah menerima kelulusan laporan EIA bagi projek Penang South Reclamations (PSR) daripada Jabatan Alam Sekitar pada 4 Julai 2019.

Dasar-dasar berkaitan tebusguna dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020 adalah :

DASAR STRATEGIK UTAMA 8

Tebus guna tanah sebagai alternatif penyediaan kawasan pembangunan baru akan di hadkan di kawasan yang telah dikenalpasti.

Langkah Pelaksanaan Tebusguna Tanah

Aspek-aspek berikut merupakan praktis semasa bagi langkah pelaksanaan tebus guna tanah di Pulau Pinang:

01 Tebus guna tanah hanya dibenarkan bagi pembangunan projek projek yang dikenalpasti dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri dan MPFN

02 Perlu mematuhi garis panduan ICZM

03 Perlu mematuhi garis panduan ISMP

04 Mematuhi keperluan kajian kajian terperinci (DEIA,SIA,MIA,FIA, kajian hidraulik, dll)

05 Mewarta kawasan tebus guna tanah kepada PBT bersempadan untuk tujuan pengurusan dan pemantauan

06 Mengantikan pantai awam yang terlibat dengan program tebus guna

07 Menginterasi kawasan pembangunan tebus guna dengan kawasan sekitar

08 Memastikan kawasan tebus guna dibangunkan dahulu sebelum kelulusan Kebenaran Merancang diberikan.

Perjanjian Konsesi Tambakan Laut

Satu perjanjian konsesi adalah pemberian hak, tanah atau harta kerajaan, pihak berkuasa tempatan (PBT), koperasi, individu atau lain-lain badan hukum. Tujuan pemberian hak atau tanah ini adalah bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan infrastruktur, penyambungan utiliti, dan lain-lain. Berikut merupakan contoh-contoh perjanjian konsesi bagi persetujuan pemajuan tambakan laut.

Contoh Perjanjian Konsesi Tambakan Laut

01	Pengenalan (Interpretation)
Kuasa Eksklusif (Exclusive Authority)	02
03	Jangkamasa Kerja Tambakan (Period of Reclamation Works)
Tanggungjawab Syarikat (Obligations of the Company)	04
05	Tanggungjawab Kerajaan (Obligations of the Government)
Faedah kepada Kerajaan (Obligations to the Government)	06
07	Pemindahan Hak (Transfer of Rights)
Penamatan Perjanjian (Termination)	08
09	Akibat Penamatan Perjanjian (Consequence of Termination)

Perjanjian Konsesi menyatakan tujuan projek tebusguna, pulangan kepada Kerajaan Negeri sama ada dalam bentuk tanah atau pembangunan infrastruktur, jadual perlaksanaan dan prihal yang menjaga kepentingan dua parti.

Pelaksanaan dan Perundangan

Sehubungan dengan itu, aktiviti penambakan laut di negeri-negeri Semenanjung Malaysia dipantau oleh Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) di bawah Seksyen 5(2).

5. Pihak berkuasa perancang tempatan.

(2) Bagi mana-mana kawasan di dalam Negeri yang tidak menjadi sebahagian daripada kawasan mana- mana pihak berkuasa tempatan, Pengarah Negeri hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang tempatan, dan sebutan mengenai "pihak berkuasa perancang tempatan" dalam Akta ini hendaklah disifatkan termasuk Pengarah Negeri apabila Pengarah Negeri itu melaksanakan fungsi pihak berkuasa perancang tempatan berhubung dengan kawasan itu.

PERMOHONAN TAMBAK LAUT
⌄
KERTAS CADANGAN BPEN
⌄
KELULUSAN SPC
⌄
KELULUSAN MMKN
⌄
PERJANJIAN KONSESI
⌄
PELAN INDUK
⌄
KAJIAN TEKNIKAL (DEIA, TIA, SIA, DLL.)
⌄
KEBENARAN MERANCANG
⌄
BANGUNAN & INFRASTRUKTUR
⌄
PELAKSANAAN

Sumber: PLANMalaysia@Pulau Pinang

Agensi-agensi kerajaan dan syarikat pemajuan memainkan peranan penting dalam memastikan aktiviti pemajuan telah mematuhi syarat-syarat yang digariskan oleh kerajaan serta menepati keperluan keseimbangan sosial, alam sekitar dan fizikal.

Selain itu, aspek keselamatan dan pencemaran perlu diberi perhatian yang teliti terumatanya pemajuan yang melibatkan pembangunan di kawasan tambakan laut. Jadual dibawah menyenaraikan tanggungjawab syarikat pemajuan dan kerajaan dalam pembangunan tambakan laut.

Jadual C10.10: Tanggungjawab Syarikat Konsesi dan Kerajaan dalam Pembangunan Tambakan Laut

TANGGUNGJAWAB SYARIKAT KONSESI	TANGGUNGJAWAB KERAJAAN
Melaksanakan kerja-kerja tambakan berdasarkan Pelan Pembangunan Konseptual Tambakan dan mematuhi syarat pihak berkuasa yang meluluskan.	Memberikan geran pajakan kepada syarikat dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan (contoh: keluasan <10 ekar).
Menepati aspek berkaitan keselamatan, kerosakan kepada premis dan perkara-perkara yang menjejaskan tanah dan bangunan disebabkan kecuaian pemaju atau agennya sehingga kerja penambakan siap.	Mengeluarkan dokumen hakmilik sepertimana dipohon syarikat mengikut plot-plot yang dinyatakan dalam Pelan Susunatur Tambakan Laut.
Memastikan pematuhan apa- apa arahan dari Pihak Berkuasa Tempatan berkaitan kerja-kerja tambakan.	Selaras dengan pelaburan yang tinggi dan penglibatan pelabur tempatan dan luar negara, kerajaan akan: a) Membenarkan penjualan dan pemilikan hartanah kepada penduduk tempatan dan orang asing dengan syarat 30% kuota pemilikan dirizabkan untuk bumiputera. b) Mengzonkan kawasan tambakan untuk kegunaan perniagaan dan kediaman selaras dengan penyediaan Pelan Konseptual Pembangunan. c) Meluluskan sebarang pindaan penggunaan tanah yang dikemukakan oleh syarikat bagi mencapai hasrat tersebut. d) Mengubahsuai atau melepaskan sekatan dalam dokumen hakmilik sekiranya ia menghalang kepada proses penjualan atau pajakan hartanah dalam kawasan tambakan.
Mengemukakan Laporan Kemajuan Projek kepada Kerajaan Negeri setiap 6 bulan.	
Menyiapkan kerja-kerja tambakan dalam tempoh 2 tahun selepas dokumen hakmilik dikeluarkan bagi membolehkan kerja-kerja penyediaan infrastruktur dan pembinaan bangunan dilaksanakan.	
Mengekalkan ekuiti 51% pegangan dalam syarikat sekiranya projek dilaksanakan secara usahasama dengn syarikat lain. Minima 30% pegangan saham hendaklah dimiliki oleh syarikat penggerak projek.	
Memohon kepada kerajaan untuk tujuan pemindahan hak sekiranya terdapat keperluan untuk pelaksanaan projek secara usahasama dengan pihak lain.	

Sumber: Pelan Pengurusan Pembangunan Persisir Pantai Pekan Kuah – Kelibang, Langkawi, Kedah

Faedah kepada Kerajaan

Premium tukar syarat bergantung kepada jumlah permohonan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan juga dipengaruhi oleh keluasan serta kategori tanah sesuatu kawasan. Terdapat tiga (3) jenis bayaran premium tanah yang perlu dijelaskan oleh syarikat konsesi atau badan-badan yang berkaitan kepada pihak kerajaan iaitu premium tanah pemberian hak milik, tukar syarat, dan pemberian milik bayaran khas.

Bagi pembangunan tambakan laut, syarikat konsesi perlu menjelaskan bayaran premium kepada Kerajaan Negeri seperti berikut:

i. Bayaran premium oleh syarikat kepada Kerajaan Negeri dengan kadar RM1.00 setiap kaki persegi bagi 90% kawasan “Net Saleable Land”.

ii. 10% daripada jumlah premium akan dibayar oleh syarikat dalam tempoh 60 hari daripada tarikh kelulusan Pelan Pembangunan Konseptual yang dikemukakan oleh syarikat.

iii. Baki 90% premium akan dibayar secara berperingkat oleh syarikat. Bayaran dibuat dalam tempoh 60 hari selepas keluar hakmilik bagi setiap parcel kawasan tambakan.

iv. Setelah pelan pembangunan mendapat kelulusan kerajaan, syarikat akan menyerahkan 10% dari “Net Saleable Land” kepada kerajaan.

Sumber: Pelan Pengurusan Pembangunan Persisir Pantai Pekan Kuah – Kelibang, Langkawi, Kedah



MELAKA, MALAYSIA

Pengenalan

Pembangunan projek tambakan laut di Negeri Melaka telah dimulakan semenjak tahun 1990an lagi. Diantara kawasan yang terlibat dengan Program tambakan itu melibatkan kawasan-kawasan seperti:

a) Pantai Kelebang
b) Pekan Kelebang
c) Taman Kota Laksamana
d) Pulau Melaka
e) Teluk Mas
f) Melaka Gateway

Di bawah Perlembagaan Persekutuan, tanah adalah di bawah bidangkuasa Negeri dan dengan itu kesemua projek penambakan laut perlu mendapatkan kelulusan Kerajaan Negeri sebelum dilaksanakan.

Kesemua tanah termasuk persisiran pantai sehingga 3 batu nautika arah ke laut dari paras air rendah, adalah dikawal oleh pihak Negeri. Dasar laut dan perairan selepas had ini sehingga ke sempadan pelantar benua adalah di bawah bidangkuasa Persekutuan.

Biasanya permohonan untuk penambakan laut adalah dikemukakan kepada pihak berkuasa tempatan atau kerajaan negeri yang seterusnya akan mendapatkan pandangan dan ulasan daripada pelbagai agensi Kerajaan sebelum mengemukakan kepada EXCO Negeri untuk kelulusan.


Melaka Gateway

Projek tambakan laut Melaka Gateway melibatkan kawasan tambakan seluas 1,504.9 hektar yang telah dilaksanakan pada tahun 2009. Projek penyelengaraan bercampur bernilai RM 45 billion ini melibatkan empat pulau buatan dan akan merangkumi pembangunan pelabuhan laut dalam, Terminal Pelayaran daerah persisiran laut dan pelbagai daya tarikan lain. Proses kelulusan pembangunan tambakan laut di Negeri Melaka mengunakan kaedah di bawah Seksyen 5 (2) Akta 172 dimana Pengarah Negeri berfungsi sebagai PBT bagi kawasan tambakan.

Setelah Kerajaan Negeri memberi kelulusan dasar permohonan tambakan, pihak pemaju pelu mematuhi semua syarat dan keperluan teknikal yang berkaitan. Permohonan Kelulusan Pelan Induk dan Pelan Kebenaran Merancang perlu dikemukakan kepada PlanMalaysia @ Melaka yang berperanan sebagai PBT bagi kawasan tersebut.


Dalam Konteks Negeri Melaka, ulasan yang di buat oleh Jabatan Teknikal tertakluk kepada samada kawasan tambakan terletak di dalam atau di luar kawasan RTD. Proses kelulusan bagi kawasan yang tidak termasuk dalam kawasan RTD, perlu melalui proses Bantahan Awam dan Pendengaran. Bantahan Awam sebelum pertimbangan kelulusan diberikan.

Rajah C10.11: Carta Alir Proses Pemajuan Kawasan Tambak Laut Bagi Negeri Melaka



Sumber: PlanMalaysia@Melaka

Rajah C10.12: Carta Alir Proses Pemajuan Kawasan Tambak Laut Bagi Negeri Melaka



SEKSYEN 5(2) AKTA 172

"Mana-mana kawasan di dalam negeri yang tidakmenjadi sebahagian daripada kawasan mana-mana PBT, Pengarah Negeri hendaklah menjadi PBT"

Sumber: Seksyen 5(2) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)



FILIPINA

Filipina mempunyai satu agensi induk yang bertanggungjawab mengawalselia dan menguruskan tambak laut di negara itu iaitu ***Philliphine Reclamation Authority (PRA).*** PRA, atau sebelum ini dikenali sebagai *Public Estates Authority* (PEA), merupakan salah satu agensi kerajaan Filipina yang paling aktif. Ia ditubuhkan pada tahun 1977 berdasarkan Keputusan Presiden No. 1084 (PD No. 1084) sebagai pusat pengurusan bagi semua projek penambakan di Filipina. Pembangunan yang dikawalselia oleh PRE termasuklah *Regulatory and Proprietary Land Reclamation*, Pembangunan Infrastruktur serta Pembangunan dan Pengurusan Estet Awam.

Dalam mengawaselia pembangunan tambak laut, PRA berunding bersama *National Economic Development Authority* (NEDA), *Department of Environment and Natural Resources* (DENR) dan *Department of Finance* (DOF). Selain itu, sekiranya perlu PRA mengkoordinasi perhubungan bersama agensi kerajaan persekutuan dan tempatan, *Local Government Units* (LGU) dan/atau entiti swasta. Antara agensi kerajaan tersebut adalah seperti berikut: *Department of Public Works and Highways* (DPWH), *Department of Transportation* (DOTr), *Department of Science and Technology* (DOST) dan *Metropolitan Manila Development Authority* (MMDA).

Philippine Reclamation Authority (Public Estates Authority)
Government Owned and Controlled Corporation
4 Februari 1977

Misi


Instrumen pemerintah utama yang diamanahkan untuk mengawalselia aktiviti tambakan laut, mewujudkan alam sekitar yang mampan dari projek tambakan laut, mempromosikan ketahanan pesisir pantai dan mengembangkan harta kerajaan untuk memajukan misi pembangunan negara

Visi

Pada tahun 2040, rakyat Filipina akan memperolehi faedah dan manfaat daripada tanah yang ditambak dan dirancang dengan baik serta kawasan awam yang dibangunkan dan dikendalikan yang cekap

Sumber: Laman web rasmi Philipine Reclamation Authority https://www.pea.gov.ph/ (2020)

Rajah C10.13: Carta alir permohonan projek tambak laut di Filipina



Sumber: Laman web rasmi Philipine Reclamation Authority https://www.pea.gov.ph/ (2020)



CALIFORNIA, AMERIKA SYARIKAT (AS)

Pengenalan

Suruhanjaya Pesisir Pantai California *atau California Coastal Comission* berfungsi untuk merancang dan mengatur penggunaan tanah dan air di zon pesisir. Kegiatan pembangunan, didefinisikan secara meluas di dalam *Coastal Act* termasuk dan tidak terhad pada pembinaan bangunan, pembahagian tanah dan kegiatan yang mengubah intensiti penggunaan tanah atau akses masyarakat ke perairan pesisir, umumnya memerlukan kebenaran pembangunan daripada kerajaan tempatan atau *Coastal Comission.*

California Coastal Commission
Kuasa tertakluk di bawah Perundangan California Coastal Act of 1976.

*Ditubuhkan sebagai inisiatif pada 1972 (Proposition 20)


Misi

Melindungi & Mempertingkatkan Persisir Pantai California

Suruhanjaya ini komited untuk melindungi dan meningkatkan pantai dan laut di California untuk generasi sekarang dan akan datang. Inisiatif ini dilakukan melalui perancangan dan peraturan pembangunan lestari, penggunaan sains, penyertaan masyarakat yang kuat, pendidikan, dan koordinasi antara kerajaan yang berkesan.

Sumber: *Laman web rasmi California Coastal Commission https://www.coastal.ca.gov/ (2020)*

Dibawah merupakan carta organisasi bagi *California Coastal Comission*:



Kesemua 12 anggota *voting members* adalah dilantik oleh *Gavernor, Senate Rules Committee,* atau *Speaker of the Assembly.*

Dasar dan perundangan utama yang terlibat:

2013 California Coastal Commission Strategic Plan (2013-2018)

Pelan strategik ini membincangkan secara holistik mengenai latar belakang, visi, misi, dan nilai teras Suruhanjaya, serta tujuh program dengan objektif dan tindakan.


Coastal Zone Management Act atau California Coastal Act

Antara peruntukan akta yang penting adalah:

CZMA persekutuan memberikan kawalan peraturan kepada agensi pengurusan pesisir negeri ke atas semua aktiviti persekutuan dan aktiviti berlesen, dibenarkan atau dibantu persekutuan, di mana sahaja ia berlaku (iaitu, ke darat atau di pinggir pantai masing-masing sempadan zon yang ditetapkan di bawah undang-undang negeri) sekiranya aktiviti tersebut mempengaruhi sumber daya pantai.

Pembangunan di persisiran pantai memerlukan pengeluaran permit daripada Suruhanjaya atau pihak berkuasa tempatan daerah. California Coastal Act mendefinisikan pembangunan di kawasan persisiran pantai secara lebih meluas yang melibatkan bukan sahaja pembinaan bangunan, tetapi turut termasuk intensiti penggunaan tanah atau air tanpa pembinaan sebarang struktur. Sehubungan dengan itu, Permit Pemajuan Persisiran Pantai merupakan mekanisme pengawalseliaan untuk mengenalpasti zon persisiran pantai yang sesuai bagi pemajuan. *California Coastal Commission* atau Suruhanjaya Persisiran Pantai California bertanggungjawab untuk menyemak permohonan-permohonan permit pemajuan di bawah Local Coastal Program (LCP). Proses permohonan permit pemajuan persisiran pantai di California dijelaskan di rajah dibawah.

PROSES PERMOHONAN PERMIT PEMAJUAN PERSISIRAN PANTAI CALIFORNIA



Sumber: Laman web rasmi California Coastal Commission https://www.coastal.ca.gov/ (2020)

C10.9 Matrik Isu/Masalah Dan Peranan Agensi Yang Terlibat di Pesisir Pantai Langkawi

Pembangunan tambakan laut telah membangkitkan beberapa isu termasuklah isu-isu yang melibatkan peranan agensi-agensi berkaitan penambakan laut. Hal ini termasuklah isu ketiadaan dokumen kawalan terhadap aktiviti penambakan laut yang telah memberikan kesan-kesan negatif terhadap pembangunan lain.

Justeru, isu-isu sebegini harus dikenalpasti dengan lebih terperinci dan mendalam bagi membolehkan strategi cadangan dirangka dengan lebih efektif melalui *Issue-based Approach.*

Jadual C10.14 mengenalpasti agensi yang terlibat bagi Jarak 1 km ke Darat dan Jarak 600 m ke Laut.

Jadual C10.14: Isu dan Masalah serta Agensi yang Terlibat bagi Jarak 1 km ke Darat dan Jarak 600 m ke Laut

Isu/Masalah	Jarak 1 kilometer ke Darat		Jarak 600 meter ke Laut	
	Agensi Terlibat			
Ketiadaan kawalan dan had pembangunan khusus di kawasan persisir pantai dan badan air	▪ MPLBP ▪ PTG/PTD		▪ Kerajaan Negeri (BPN) ▪ BPEN ▪ PTG ▪ PLANMalaysia ▪ MPLBP	
Ketiadaan garis panduan bagi kawalan pembangunan yang khusus berkaitan tambakan laut	▪ PLANMalaysia ▪ MPLBP ▪ Jabatan Laut ▪ JAS ▪ PTG/PTD ▪ NAHRIM	▪ JPS ▪ LADA ▪ BPEN ▪ JAS ▪ JPEM	▪ PLANMalaysia ▪ MPLBP ▪ Jabatan Laut ▪ JAS ▪ PTG/PTD ▪ NAHRIM	▪ JPS ▪ LADA ▪ BPEN ▪ JAS ▪ JPEM
Keupayaan tampungan infrastruktur sedia ada tidak menyeluruh	▪ MPLBP ▪ JPS ▪ JKR ▪ NCIA ▪ Taliworks Corporation Sdn Bhd (NGO) ▪ Syarikat Air Darul Aman (SADA)		▪ MPLBP ▪ JPS ▪ JKR ▪ LADA ▪ NCIA	
Ancaman ke atas status Pulau Langkawi sebagai Langkawi Geopark	▪ MPLBP ▪ LADA ▪ UNESCO ▪ NGO ▪ Langkawi Research Centre		▪ MPLBP ▪ LADA ▪ UNESCO ▪ NGO ▪ Langkawi Research Centre	
Kesan kepada sosio-ekonomi penduduk	▪ MPLBP ▪ LADA ▪ BPEN ▪ Jabatan Perikanan ▪ LKIM		▪ MPLBP ▪ LADA ▪ BPEN ▪ Jabatan Perikanan ▪ LKIM	

Sumber: Pelan Pengurusan Pembangunan Projek Pesisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi, Kedah

Jadual C10.14: Isu dan Masalah serta Agensi yang Terlibat bagi Jarak 1 km ke Darat dan Jarak 600 m ke Laut

Isu/Masalah	Jarak 1 kilometer ke Darat	Jarak 600 meter ke Laut
	Agensi Terlibat	
Persekitaran pantai terdedah kepada hakisan dan pengelodakan di kawasan pesisir pantai	▪ MPLBP ▪ JPS ▪ JAS ▪ NAHRIM ▪ Jabatan Taman Laut ▪ PPZU ▪ Institut Maritim Malaysia (MIMA)	▪ MPLBP ▪ JPS ▪ JAS ▪ NAHRIM ▪ PPZU ▪ Institut Maritim Malaysia (MIMA)
Sistem saliran di kawasan pantai yang tidak sistematik dan ketiadaan kolam takungan untuk menampung air larian domestic dan air terawat dari kolam kumbahan sebelum dialirkan ke laut	▪ MPLBP ▪ JPS ▪ JKR ▪ Indah Water ▪ BPEN ▪ Taliworks Corporation Sdn Bhd (NGO)	▪ MPLBP ▪ JPS ▪ JKR ▪ Indah Water ▪ BPEN
Kawasan persisiran pantai terdedah kepada bencana dan rebut tropika	▪ MPLBP ▪ PTD ▪ NAHRIM ▪ NADMA (Daerah) ▪ Jabatan Laut ▪ Jabatan Meteorologi	▪ MPLBP ▪ PTD ▪ NAHRIM ▪ NADMA (Daerah) ▪ Jabatan Laut ▪ Jabatan Meteorologi
Kawasan pembangunan di persisiran pantai dan pulau-pulau kecil yang terletak di dalam kawasan galangan dan ketinggian yang ditetapkan oleh Jabatan Penerbangan Awam	▪ MPLBP ▪ Jabatan Penerbangan Awam ▪ Suruhanjaya Penerbangan Malaysia	▪ MPLBP ▪ Jabatan Penerbangan Awam
Kesan penempatan haram ke atas alam sekitar dan keselamatan	▪ MPLBP ▪ PTD ▪ JKD ▪ MKN	Tiada

Sumber: Pelan Pengurusan Pembangunan Projek Pesisir Pantai Padang Mat Sirat – Ayer Hangat, Langkawi, Kedah

C10.10 Analisa Penemuan Semasa

Daripada kupasan dan perbincangan di atas, terdapat beberapa penemuan awal yang boleh disimpulkan seperti berikut:

(a) Penglibatan Pelbagai Pemegang Taruh dalam Aktiviti Program Penambakan Laut di Peringkat Persekutuan, Negeri dan Tempatan

Namun begitu, dari skop yang lebih luas, pemegang taruh yang lain yang akan mempunyai kepentingan dalam program penambakan laut dari sektor swasta, badan-badan bukan kerajaan dan awam (NGO) seperti persatuan komuniti, operator pelabuhan, operator pelancongan, NGO alam sekitar, persatuan warisan, persatuan pemaju dan persatuan. Bagi membentuk pelan pengurusan dan pemantauan yang berkesan dan efektif, golongan-golongan berkepentingan ini harus juga dilibatkan bersama untuk menjadikan pelan ini relevan mengikut keperluan setempat.

b) Kepelbagaiaan Undang-undang, Akta dan Garis Panduan yang Berkait dengan Penambakan Laut

Proses untuk mendapatkan kelulusan projek penambakan laut perlu mematuhi pelbagai undang-undang dan garis panduan sebelum ianya dapat dimulakan. Antara undang-undang dan garis panduan utama ialah Kanun Tanah Negara 1965, Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 127), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Kualiti Alam Sekililing 1974 (Akta 127) dan Akta Zon Ekonomi Eksklusif 1983 (Akta 311). Antara garis panduan yang dipertimbangkan ialah Pelan Pengurusan Persisiran Pantai Bersepadu (ISMP), Pengurusan Zon Persisir Pantai Bersepadu (ICZM), Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara (RFZPPN) dan Garis Panduan Pemuliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar Persisiran Pantai. Kewujudan pelbagai undang-undang dan garis panduan ini merupakan satu cabaran besar bagi pihak yang memohon untuk menjalankan kerja penambakan laut serta juga bagi pihak yang meluluskan kerja ini kerana tiada garis panduan yang seragam yang boleh diterima pakai oleh semua pihak berkepentingan. Agensi-agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam projek penambakan laut dan pemeliharaan zon kawasan pantai mempunyai keutamaan tugas masing-masing berpandu kepada undang-undang yang berbeza-beza.

c) Peranan MPLBP dalam Pelaksanaan Projek Penambakan Laut

Tanggungjawab untuk melakukan kerja-kerja pengurusan dan pemantauan projek penambakan laut jelas sekali terletak di atas bahu Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan (MPLBP) sebagai Pihak Berkuasa Perancangan Tempatan. Namun begitu, analisis organisasi MPLBP menghadapi masalah dari segi kakitangan, kepakaran dan kewangan. Oleh itu, adalah wajar aspek-aspek kakitangan dan kepakaran yang ada ditambah atau diperkukuhkan untuk memastikan keberkesanan pelan pengurusan dan pemantauan.

d) Keupayaan dan Kepakaran Agensi-agensi Teknikal yang Terlibat dalam Memberi Kelulusan kepada Projek Penambakan Laut

Adalah dijangkakan dalam pelaksanaan kerja-kerja pengurusan dan pemantauan projek penambakan laut, MPLBP akan dibantu oleh agensi-agensi lain seperti PTD, JKR dan JAS. Kekuatan yang ada pada agensi-agensi ini dari segi keupayaan, kepakaran dan kakitangan perlu dilihat kerana situasi ini amat kritikal dalam memantau pelaksanaan projek penambakan laut khususnya bagi impak pembangunan kepada alam sekitar.

e) Ketiadaan Kenyataan Jelas Mengenai Dasar Penambakan Laut dalam Rancangan Pembangunan

Penyataan sesuatu dasar dalam rancangan pembangunan di peringkat persekutuan mahupun negeri amat penting dalam memandu pembangunan di peringkat tempatan. Rancangan Struktur Negeri Kedah 2035 merupakan asas penting dalam menentukan hala tuju strategik pembangunan keseluruhan Negeri Kedah. Namum begitu, kenyataan dasar yang jelas mengenai akitiviti penambakan laut tidak disentuh dalam RSNK 2035, khususnya kawasan-kawasan persisir pantai yang dibenarkan ditambak. Dasar penambakan laut yang jelas boleh membantu pihak Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam memproses pemohonan tambakan laut dari pihak pemajuan secara tulus.

f) Peranan PlanMalaysia@Kedah Dalam Program Penambakan Laut Negeri Kedah

PlanMalaysia@Kedah merupakan agensi yang amat penting dalam memberi *input* dan ulasan berkaitan dengan dasar dan garis panduan serta kesesuaian pelaksanaan sesuatu pembangunan tambakan laut. Agensi ini bertanggungjawab untuk melihat program dan aktiviti yang dilakukan berkaitan dengan tambak laut selaras dengan dasar perancangan nasional dan negeri serta mematuhi kepada garis panduan perancangan dan arahan JPN dan MPFN. Pelaksanaan Seksyen 5 (2) Akta 172 di mana Pengarah Negeri berperanan sebagai Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai implikasi yang luas terhadap kekangan kakitangan, keupayaan bidang kepakaran dan kewangan agensi. Di perairan Teluk Kuah sahaja terdapat 21 permohonan di mana 2 permohonan telah diluluskan dan 3 telah mendapat kelulusan dasar dari BPEN. Mengambilkira tren pemohonan aktiviti tambak laut masa depan di Langkawi, ianya jelas bahawa skop kerja PlanMalaysia@Kedah pasti bertambah berserta implikasi yang disebutkan diatas.

Penutup

Pembangunan kawasan tambakan laut di Pulau Langkawi boleh membawa faedah sosio-ekonomi kepada pulau khusus dari segi pelancongan dan aktiviti perniagaan. Melalui pembangunan sektor-sektor ini, pelbagai peluang pekerjaan boleh dijanakan yang memberi peluang kepada masyarakat tempatan dan juga yang berada di luar Daerah Langkawi untuk terus mempertingkatkan tahap sosio-ekonomi mereka. Namum begitu, pembangunan tambak laut juga perlu dilihat dari segi impak sampingan yang boleh mengancam kehidupan sosio-ekonomi setempat dan kacau ganggu kepada eko-sistem alam semulajadi. Dalam konteks pembangunan mampan Pulau Langkawi, program pembangunan tambak laut perlu diuruskan secara berhemah dengan mengimbangi keperluan ekonomi pulau serta kepentingan menjaga masyarakat tempatan dan pelindungan dan pemeliharaan ekosistem dan alam sekitar. Satu pelan dan mekanisma perlu dirangka untuk mengurus dan memantau aktiviti-akiviti tambak laut dengan mengambilkira keperluan ekonomi, penduduk dan alam sekitar.

THIS PAGE IS INTENTIONALLY LEFT BLANK

PLANMalaysia
Perancangan Melangkaui Kelaziman
(Planning : Beyond Conventional)

(LAPORAN PENEMUAN 1) PELAN PENGURUSAN PEMBANGUNAN PESISIR PANTAI PADANG MAT SIRAT- AYER HANGAT, LANGKAWI, KEDAH